

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEMBANGUNAN MODEL WAKAF
AMANAH KOMPREHENSIF DI
MALAYSIA UNTUK KELESTARIAN
EKONOMI UMAT ISLAM**

**AHMAD IKMALUDDIN BIN
IBRAHIM**

MA

Mac 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEMBANGUNAN MODEL WAKAF
AMANAH KOMPREHENSIF DI
MALAYSIA UNTUK KELESTARIAN
EKONOMI UMAT ISLAM**

**AHMAD IKMALUDDIN BIN
IBRAHIM**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan untuk
ijazah

Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Mac 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 15 Jun 2017 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Ahmad Ikmaluddin bin Ibrahimbagi tesis Sarjana yang bertajuk “Pembangunan Model Wakaf Amanah Komprehensif Di Malaysia Untuk Kelestarian Ekonomi Umat Islam” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut

Mohd Asmadi Yakob, PhD
Profesor Madya
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Muhammad Hamizan Ab Hamid, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Mohamad Azhan Yahya, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

**PROFESSOR DR HJH ZURAEDA
IBRAHIM**

Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 2 Mac 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Ahmad Ikmaluddin bin Ibrahim

No. Pelajar : 2023438762

Program : Sarjana Pengajian Islam Kontemporari – IC780

Fakulti : Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Choose an item : Pembangunan Model Wakaf Amanah Komprehensif
Di Malaysia Untuk Kelestarian Ekonomi Umat Islam

Tandatangan Pelajar : ..

Tarikh : Mac 2026

ABSTRAK

Kajian ini meneliti konsep wakaf amanah sebagai instrumen inovatif pengurusan harta Islam yang berpotensi memperkukuh peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam di Malaysia. Dalam amalan tradisional, wakaf selepas kematian sering berdepan cabaran fiqh dan perundangan seperti had pewakafan satu pertiga harta, perbezaan pandangan mazhab serta kerumitan pentadbiran dan faraid yang kerap menimbulkan pertikaian waris. Bagi menangani isu ini, kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama enam informan dalam kalangan pengamal industri dan pakar akademik. Data dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian NVivo, disokong dokumen perundangan serta literatur fiqh klasik termasuk *Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah* dan *Shariah Standard*. Dapatan menunjukkan wakaf amanah mempunyai kelebihan dalam mengatasi kekangan wakaf pasca kematian. Model yang dicadangkan menggabungkan elemen wakaf takliq dan kontrak amanah, membolehkan pewakaf terus menikmati manfaat harta sepanjang hayat sebelum dipindahkan secara formal kepada Majlis Agama Islam Negeri. Pendekatan ini menepati fiqh Syafi'i yang dominan, namun turut memanfaatkan kelonggaran pandangan Maliki, sekali gus mengurangkan pertikaian waris, mempercepatkan agihan manfaat dan meningkatkan keyakinan masyarakat. Implikasinya, wakaf amanah berpotensi memperluas dana wakaf produktif serta menyokong pembangunan sosial, pendidikan dan ekonomi umat Islam, di samping membuka ruang penyelidikan dan rangka kerja wakaf bersepadu di Malaysia.

ABSTRACT

This study examines the concept of trust-based waqf (wakaf amanah) as an innovative Islamic estate management instrument that has the potential to strengthen the role of waqf in the socio-economic development of Muslims in Malaysia. In traditional practice, posthumous waqf often faces fiqh and legal challenges such as the one-third limitation of estate allocation, differences of opinion among madhhab, as well as administrative and faraid complexities that frequently lead to disputes among heirs. To address these issues, the study adopts a qualitative approach through semi-structured interviews with six informants comprising industry practitioners and academic experts. The data were analysed thematically using NVivo software, supported by legal documents and classical fiqh literature including *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* and *Shariah Standard*. The findings indicate that trust-based waqf possesses advantages in overcoming the constraints of posthumous waqf implementation. The proposed model integrates elements of waqf ta'liq and trust contracts, enabling the donor to continue benefiting from the asset during his lifetime before it is formally transferred to the State Islamic Religious Council. This approach complies with the dominant Shafi'i fiqh position while also utilising the flexibility of the Maliki view, thereby reducing heir disputes, expediting benefit distribution and enhancing public confidence. Its implications suggest that trust-based waqf has the potential to expand productive waqf funds and support social, educational and economic development among Muslims, while opening avenues for further research and the development of an integrated waqf framework in Malaysia.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya berupaya menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama saya, Dr. Faezy Adenan, atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat berterusan, serta dorongan yang tidak ternilai sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Seterusnya, ucapan penghargaan yang mendalam ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Wan Noor Hazlina Wan Jusoh selaku penyelia bersama, atas pandangan kritis, sokongan ilmiah, serta cadangan bernas yang telah memperkayakan kualiti kajian ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif sebagai penyelia bersama yang banyak memberikan panduan, dorongan, dan semangat dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Penghargaan setulusnya saya tujukan kepada kedua-dua ibu bapa tercinta, Ibrahim bin Awang dan [redacted] atas doa yang tidak pernah putus, sokongan moral yang berterusan, serta pengorbanan yang tidak terhingga. Kasih sayang dan kepercayaan mereka menjadi sumber kekuatan utama dalam menempuh segala cabaran sepanjang pengajian ini.

Tidak ketinggalan, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang sentiasa ada memberikan sokongan, motivasi dan bantuan, khususnya Muhammad Arif Syukri bin Suhaini dan Danial Hazim bin Azman. Perkongsian idea, pengalaman serta semangat kebersamaan yang ditunjukkan amat bermakna dan memberi kesan besar dalam menyempurnakan kajian ini.

Akhir kata, bimbingan, perhatian dan sokongan daripada semua pihak amat saya hargai dan menjadi pemangkin utama kepada kejayaan kajian ini. Semoga segala jasa dan kebaikan yang dicurahkan diberkati serta mendapat ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah SWT.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii
JADUAL TRANSLITERASI	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pendahuluan	1
1.3 Latar Belakang Kajian	3
1.4 Pernyataan Masalah Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Objektif Kajian	15
1.7 Metodologi Penyelidikan	15
1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data	16
1.7.2 Kumpulan Informen	18
1.7.3 Kaedah Penganalisan Data	19
1.8 Skop dan Batasan kajian	20
1.9 Definisi istilah	21
1.10 Sorotan Literatur	23
1.10.1 Kajian Terhadap Wakaf Amanah	23
<i>1.10.1.1 Gambaran Awal Wakaf Amanah</i>	25
1.10.2 Pandangan Fuqaha Terhadap Aplikasi Kontrak Wakaf Amanah dalam Perancangan Harta Pusaka	26
<i>1.10.2.1 Wakaf Bersyarat</i>	26

1.10.2.2	<i>Kontrak Amanah</i>	27
1.10.3	Kepentingan Terhadap Pengurusan Harta Pusaka	32
1.11	Kepentingan Kajian	34
1.12	Kesimpulan	37
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	38
2.1	Pendahuluan	38
2.2	Pengenalan	38
2.3	Konsep Wakaf	40
2.3.1	Wakaf Dari Sudut Bahasa	40
2.3.2	Wakaf Dari Sudut Istilah Syarak	42
2.3.2.1	<i>Wakaf menurut Mazhab Syafi'i</i>	42
2.3.2.2	<i>Wakaf menurut Mazhab Hanafi</i>	43
2.3.2.3	<i>Wakaf menurut Mazhab Maliki</i>	44
2.3.2.4	<i>Wakaf menurut Mazhab Hanbali</i>	45
2.3.3	Pensyariatan Wakaf	46
2.3.4	Rukun Wakaf	51
2.4	Konsep Amanah	54
2.4.1	Definisi Amanah	54
2.4.2	Amanah Menurut Istilah Syarak	55
2.4.3	Kategori Amanah	57
2.5	Konsep Wakaf Amanah Menurut Perspektif Islam	60
2.5.1	Definisi Dan Konsep	61
2.5.2	Wakaf Bersyarat	63
2.5.3	Pandangan Wakaf Bersyarat Mengikut Mazhab	65
2.5.4	Perbahasan berkenan wakaf bersyarat	67
2.5.5	Aplikasi <i>Wiṣāyah</i>	68
2.5.6	Undang- Undang Terpakai Terhadap Amanah	71
2.6	Pemegang Amanah Dan Pemegang Amanah Gantian Dalam Wakaf Amanah	73
2.6.1	Asas dan Prinsip Undang-Undang Pemegang Amanah	74
2.6.2	Kriteria dan Syarat Pemilihan Pemegang Amanah Gantian	75

2.6.3	Pelantikan Pemegang Amanah Gantian	76
2.6.4	Pemegang Amanah Gantian Dari Sudut Islam	79
2.7	Wakaf Dan Pembangunan Ekonomi	81
2.8	Kerangka Teori Kajian	82
2.9	Jurang kajian	84
2.10	Kesimpulan	85
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN		87
3.1	Pendahuluan	87
3.2	Penentuan Kaedah Kajian	87
3.2.1	Kajian Kes	88
3.3	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	89
3.3.1	Fasa Pertama: Fasa Awal Penstrukturan Kajian	91
3.3.2	Fasa Kedua: Fasa Pengumpulan Data & Kerja Lapangan	95
3.3.3	Fasa Ketiga: Fasa Pemerhatian dan Kerja Lapangan	97
3.4	Pensampelan dan Fokus Kajian	101
3.4.1	Pensampelan	101
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	102
3.5.1	Kesahan	102
3.5.2	Kebolehpercayaan	103
3.6	Kesimpulan	105
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		106
4.1	Pengenalan	106
4.2	Profil Informan Kajian	106
4.3	Proses Analisis Data	108
4.4	Dapatan Mengikut Tema	112
4.4.1	Tema 1: Definisi dan Konsep Wakaf Amanah	116
4.4.2	Tema 2: Isu-isu dalam Pelaksanaan Wakaf Amanah	122
4.4.3	Tema 4: Cabaran Utama dalam Pelaksanaan Wakaf Amanah	128
4.4.4	Tema 3: Potensi Pelaksanaan Wakaf Amanah	134

4.4.5	Tema 5: Cadangan Model Wakaf Amanah	140
4.5	Hasil Cadangan Model Wakaf Amanah	145
4.6	Kesimpulan	152
BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN		154
5.1	Pengenalan	154
5.2	Dapatan Utama	154
5.2.1	Objektif Pertama: Mengenalpasti Konsep Wakaf Amanah Menurut Perspektif Islam	155
5.2.2	Objektif Kedua: Menganalisis Potensi Produk Wakaf Amanah dalam Pengurusan Harta Umat Islam	156
5.2.3	Objektif Ketiga: Mencadangkan Struktur dan Model Wakaf Amanah untuk Menjadi Panduan dalam Membangunkan Produk Wakaf Amanah di Malaysia	157
5.3	Isu Dan Cabaran Kajian	158
5.3.1	Cabaran Dari Segi Pelaksanaan	158
5.3.2	Cabaran Daripada Ahli Waris	159
5.3.3	Harta Wakaf Boleh Digunakan Semula	160
5.4	Implikasi Kajian	161
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	162
5.6	Kesimpulan	164
RUJUKAN		165
APENDIK		177
PROFIL PENULIS		185

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1.1	Senarai Informan	18
Jadual 3.1	Ringkasan Metodologi Kajian Yang Diketengahkan	99
Jadual 3.2	Proses Analisis Data Temu Bual Menggunakan Nvivo 14	104
Jadual 4.1	Senarai Informan	108
Jadual 4.2	Ringkasan Tema Utama dan Sub Tema Utama	112
Jadual 4.3	Ringkasan Pandangan Definisi dan Konsep	120
Jadual 4.4	Ringkasan Pandangan Isu-Isu Kajian	127
Jadual 4.5	Cabaran Kajian	133
Jadual 4.6	Potensi Kajian	139
Jadual 4.7	Cadangan Model Kajian	145

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	61
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian	84
Rajah 3.1	Proses Kajian Kualitatif	90
Rajah 3.2	Fasa-Fasa Kajian	91
Rajah 3.3.3	Hubungan Sistematis Antara Objektif Kajian	94
Rajah 3.3.4	Hubungan Sistematis Antara Objektif Kajian Dengan Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data Fasa Dua	96
Rajah 3.3.5	Hubungan Sistematis Antara Objektif Kajian Dengan Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data Fasa Tiga	99
Rajah 4.1	Peta Minda Topik Utaman Dalam Nvivo	109
Rajah 4.2	Tema Konsep: Awan Kekerapan Perkataan	113
Rajah 4.3	Tema Isu: Awan Kekerapan Perkataan	114
Rajah 4.4	Tema Potensi: Awan Kekerapan Perkataan	114
Rajah 4.5	Tema Cabaran: Awan Kekerapan Perkataan	115
Rajah 4.6	Tema Cadangan Model: Awan Kekerapan Perkataan	115
Rajah 4.7	Carta Hierarki Definisi dan Konsep	116
Rajah 4.8	Paparan Hierarki Nod Konsep	117
Rajah 4.9	Carta Hierarki Isu-Isu Kajian	122
Rajah 4.10	Paparan Hierarki Nod Isu	123
Rajah 4.11	Paparan Hierarki Nod Cabaran	130
Rajah 4.12	Carta Hierarki Potensi Kajian	135
Rajah 4.13	Paparan Hierarki Nod Potensi	136
Rajah 4.14	Carta Hierarki Cadangan Model Kajian	140
Rajah 4.15	Paparan Hierarki Nod Cadangan Model	141
Rajah 4.16	Model 1(a)	146
Rajah 4.17	Model 1(b)	147
Rajah 4.18	Model 2	148
Rajah 4.19	Model Ta'liq	150
Rajah 4.20	Model <i>Ta'liq</i> dan Pengurus Wakaf	151

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Kenyataan
PWS	Perbadanan Wakaf Selangor
SIA	Surat Ikatam Amanah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
PNB	Permodalan Nasional Berhad
ASNB	Amanah Saham Nasional Berhad
SWT	Subhanahu wa ta'ala
SAW	Sallallahu alaihi wasallam
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
BNM	Bank Negara Malaysia
TH	Tabung Haji
WOS	Web of Science
CAQDAS	Computer-Assisted Qualitative Data Analysis Software
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	' (a,i,u)	الْقِرَاءَة	<i>al-qira'ah</i>
ب	b	بَعَثَ	<i>ba'atha</i>
ت	t	تَابَ	<i>tāba</i>
ث	th	ثَوَابَ	<i>thawāba</i>
ج	j	جَعَلَ	<i>ja'ala</i>
ح	ḥ	حَلَبَ	<i>ḥalaba</i>
خ	kh	خَطَبَ	<i>khaṭaba</i>
د	d	دَفَعَ	<i>dafa'a</i>
ذ	dh	ذَهَبَ	<i>dhahaba</i>
ر	r	رَجَعَ	<i>raja'a</i>
ز	z	زَرَعَ	<i>zara'a</i>
س	s	سَمِعَ	<i>sami'a</i>
ش	sh	شَفَعَ	<i>shafa'a</i>
ص	ṣ	صَعِدَ	<i>ṣa'ada</i>
ض	ḍ	ضَلَّ	<i>ḍalala</i>
ط	ṭ	طَلَعَ	<i>ṭala'a</i>
ظ	ẓ	ظَفِرَ	<i>ẓafara</i>
ع	' (a,i,u)	عَلِيَّة	<i>'alayh</i>
غ	gh	غَفَرَ	<i>ghafara</i>
ف	f	فَلَحَ	<i>falaḥa</i>
ق	q	قَلَمَ	<i>qalama</i>
ك	k	كَتَبَ	<i>kataba</i>
ل	l	لَعِبَ	<i>la'iba</i>
م	m	مَنَعَ	<i>mana'a</i>
ن	n	نَزَلَ	<i>nāla</i>
و	w	وَعَدَ	<i>wa'ada</i>

ن	h	نَهَدَمَ	<i>hadama</i>
ي	y	يَعْمَلُ	<i>ya 'lamu</i>

b. Vokal Panjang

Huruf Huruf		Contoh Arab Rumi	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	a	قَالَ	<i>qāla</i>
أو	u	مُوسَى	<i>mūsā</i>
أي	ī	إِيْمَان	<i>īmān</i>

c. Vokal

Huruf Huruf		Contoh Arab Rumi	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
---	a	نَصَرَ	<i>naşara</i>
(فتحة)			
---	i	نَصِرَ	<i>nāşira</i>
(كسرة)			
---	u	يَنْصُرُ	<i>yanşuru</i>
(ضمّة)			

d. Diftong

Huruf Huruf		Contoh Arab Rumi	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أو	aw	أَوَّاب	<i>awwāba</i>
أي	ay	أَيِّم	<i>ayyāma</i>
اي	iy	إِيَّكَ	<i>iyyāka</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membicarakan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, serta objektif yang ingin dicapai. Selain itu, bab pertama ini turut menyentuh metodologi penyelidikan, skop dan batasan kajian, serta definisi istilah yang digunakan. Tambahan pula, bab ini merangkumi sorotan literatur dan kepentingan kajian secara ringkas bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang fokus penyelidikan dan di akhiri dengan kesimpulan.

1.2 Pendahuluan

Wakaf merupakan salah satu instrumen pengurusan harta yang semakin mendapat perhatian dalam pelaksanaan ekonomi Islam masa kini. Ia berperanan sebagai medium untuk memenuhi keperluan umat Islam dengan niat yang ikhlas di jalan Allah SWT. Dari segi bahasa, wakaf bermaksud menahan hak pewakaf terhadap harta tersebut daripada sebarang transaksi seperti jual beli, hibah, dan wasiat, serta menetapkan agar harta itu diambil manfaatnya tanpa mengubah zat asalnya. Dalam konteks ekonomi Islam, wakaf berfungsi sebagai kontrak *tabarru'at* yang memberi peluang kepada umat Islam untuk menyumbangkan harta mereka kepada kebajikan demi meraih reda Allah SWT (Ahmad Termizi, 2019).

Wakaf juga berpotensi membantu golongan tertentu dalam meningkatkan taraf hidup mereka dan seterusnya menyumbang kepada penjanaaan kekayaan ummah (Nazeri & Rahman, 2021). Selaras dengan firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Terjemahan: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

(Surah Ali Imran 3: 92)

Selain itu, amalan wakaf turut termasuk dalam kategori sedekah jariah yang merupakan salah satu amalan soleh dengan ganjaran berterusan walaupun pewakaf telah meninggal dunia. Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ
وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Terjemahan: “Apabila mati seorang anak Adam, terputus amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain, dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.”

(No. Hadis: 1631. Şahih Muslim, Kitāb al-Waṣiyyah, Bab Mā Yulḥaqu al-Insān min al-Thawāb ba‘da Wafātih)

Menurut Siti Mashitoh Mahamood (2007), sedekah yang dimaksudkan merujuk kepada bentuk pemberian yang terus dimanfaatkan walaupun pemberinya telah meninggal dunia, seperti amalan wakaf yang memberikan manfaat berpanjangan kepada penerima.

Kini, sistem wakaf tidak lagi terhad kepada kaedah tradisional yang hanya menumpukan kepada wakaf tak alih seperti tanah perkuburan, pembinaan masjid, madrasah, dan pondok. Konsep wakaf turut diperluas kepada wakaf alih seperti wakaf tunai, wakaf saham, dana pelaburan hartanah (REIT), sukuk, dan instrumen kewangan lain. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa majoriti masyarakat masih cenderung kepada wakaf tak alih berbanding harta alih. Sebagai contoh, pewakaf sering memilih wakaf aset kekal seperti tanah perkuburan, sekolah, atau masjid (Mahamood, 2007). Jika wakaf hanya tertumpu kepada aset tak alih, keberkesanan pelaksanaannya menjadi terbatas kerana sukar dicairkan untuk keperluan segera. Syibly et al., (2024) turut menegaskan bahawa sebahagian masyarakat masih berfikir sempit dan kurang memahami kepentingan wakaf kontemporari, malah sering menyerahkan urusan harta kepada pembahagian faraid sepenuhnya.

Dalam usaha mengembangkan potensi wakaf, beberapa instrumen lain seperti wasiat dan hibah turut dikaji sebagai pelengkap kepada pembahagian harta pusaka. Kesedaran untuk merancang pengagihan harta sebelum kematian amat penting agar waris tidak menghadapi kesulitan dalam menguruskan pembahagian harta peninggalan tersebut (Nor Asiah Mohamad, 2018). Wakaf sebagai instrumen pengurusan harta Islam berkesan kerana ia diserahkan secara kekal untuk tujuan amal dan kepentingan umum seperti pembinaan masjid, sekolah, hospital, dan membantu golongan memerlukan.

Wakaf juga menjadi saham akhirat bagi seorang Muslim kerana ganjarannya yang berpanjangan (Ahmad Termizi, 2019).

Peranan wakaf semakin berkembang dengan peningkatan kebolehpasarannya yang menyokong pembangunan masyarakat. Resolusi Persidangan Wakaf Dunia (World Waqf Conference) 2017 di Indonesia telah membincangkan model pembiayaan wakaf tradisional seperti *qard*, *ijārah*, dan *istibdāl* yang kini diaplikasikan dalam kewangan moden. Muzakarah tersebut menekankan keperluan untuk membangunkan model baharu sejajar kemajuan ekonomi Islam, termasuk sektor perbankan dan pasaran modal. Pendekatan ini mendorong pertumbuhan wakaf tunai, wakaf saham, dan pelbagai jenis wakaf lain (Mohd Yaziz Mohd Isa, 2017).

Maka, sebagai kesinambungan daripada perkembangan wakaf yang semakin pesat, pelbagai usaha telah dijalankan oleh para pengkaji untuk membangunkan model wakaf kontemporari yang lebih relevan dengan keperluan semasa. Kajian ini juga mengambil peranan penting dalam menyumbang kepada percambahan ilmu dalam bidang wakaf, khususnya dengan memberi fokus kepada pembentukan wakaf amanah sebagai salah satu inovasi instrumen pengurusan harta Islam. Pendekatan ini diharap dapat memperkukuh keberkesanan wakaf dalam konteks moden, selari dengan tuntutan Syariah serta keperluan sosial dan ekonomi masyarakat masa kini.

1.3 Latar Belakang Kajian

Isu lambakan harta tidak dituntut dalam kalangan umat Islam di Malaysia semakin membimbangkan dan mendapat perhatian luas dalam media serta laporan penyelidikan. Kelemahan dalam perancangan dan pengurusan harta menyebabkan banyak aset tidak dapat diagihkan kepada waris secara teratur sama ada disebabkan kurang pengetahuan, pertikaian keluarga, atau kelemahan dokumentasi. akhirnya membawa kepada peningkatan jumlah aset yang tidak dapat diselesaikan secara sistematik serta pembekuan aset yang memberi kesan ekonomi dan sosial.

Menurut laporan Sinar Harian, nilai harta pusaka umat Islam yang tidak dituntut di Malaysia dianggarkan mencecah RM66 bilion pada tahun 2019 (Norisah Ibrahim, As-Salihin Trustee Berhad, 2019). Angka ini terus meningkat dapatan kajian Roslan dan Ahmad (2022) melaporkan bahawa jumlah tersebut telah menghampiri RM70 bilion. Terkini, laporan tahun 2025 menyatakan bahawa jumlah aset beku umat Islam telah melonjak kepada RM90 bilion, dengan peningkatan RM13.3 bilion dalam tempoh

hanya setahun antara April 2024 hingga April 2025 (Nur Nazlina Nadzari, 2025). Situasi ini memberi implikasi ekonomi dan sosial yang besar. Dari sudut ekonomi, harta tidak dituntut mengakibatkan aset produktif tidak dapat digerakkan untuk menjana kekayaan atau digunakan dalam pembangunan masyarakat. Malah, kerajaan dilaporkan kehilangan hampir RM200 juta setahun dalam bentuk hasil cukai tanah akibat aset yang gagal dipindah milik dan tidak dapat dibangunkan (Mohsin & Mohammad, 2011).

Secara umum, isu harta beku dalam kalangan umat Islam lazimnya berpunca daripada kegagalan membuat perancangan harta semasa hidup. Apabila seseorang meninggal dunia tanpa menyediakan instrumen pengurusan harta seperti wasiat, hibah, wakaf atau sekurang-kurangnya rekod pemilikan yang jelas, proses pengurusan pusaka menjadi rumit. Situasi ini lebih ketara apabila wujud pertikaian dalam kalangan ahli waris berhubung hak dan bahagian masing-masing, seterusnya melambatkan proses pengesahan, pentadbiran dan pembahagian harta pusaka tersebut. Akibat kelewatan ini, banyak aset akhirnya terbiar tanpa dimanfaatkan dan berisiko menjadi harta beku.

Justeru, pencegahan harta beku perlu dimulakan melalui penggunaan instrumen perancangan harta yang tersedia dalam kerangka Syariah seperti hibah, wasiat dan wakaf. Dalam konteks ini, wakaf mempunyai nilai yang lebih signifikan kerana sifatnya yang mengekalkan manfaat secara berterusan dan berpotensi mengagihkan semula kekayaan kepada masyarakat. Perkembangan kontemporari seperti wakaf tunai dan wakaf saham telah membuka ruang yang lebih inklusif untuk umat Islam berwakaf menggunakan aset moden, dan amalan di Malaysia juga selari dengan pandangan Syariah. Sebagai contoh, dana wakaf tunai yang dilaburkan oleh MAIN bagi memperoleh hartanah kekal dianggap menepati pandangan ulama seperti Wahbah al-Zuhayli yang mengharuskan pelaburan semula dana wakaf ke dalam aset yang berkekalan (Muhamad Asni & Sulong, 2017).

Tambahan pula, inisiatif seperti saranan Persidangan Wakaf Dunia 2017 yang menggalakkan pembangunan instrumen wakaf berasaskan pasaran modal menunjukkan komitmen global untuk menjadikan wakaf sebagai mekanisme ekonomi yang mampan (Mohd Yaziz Mohd Isa, 2017). Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehcapaian masyarakat untuk berwakaf, tetapi juga mengoptimumkan produktiviti aset wakaf negara dalam jangka panjang

1.4 Pernyataan Masalah Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa pernyataan masalah kajian seperti berikut:

i. Ketiadaan Mekanisme yang Menyokong Pembangunan Ekonomi Umat Islam

Tahap Pembangunan ekonomi menandakan kemajuan dan kelestarian sebuah negara. Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menegaskan bahawa tahap pembangunan ekonomi tidak hanya diukur dari segi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan teknologi, tetapi juga dari sudut pembangunan manusia. Sumber manusia dipandang sebagai faktor penting dalam pembangunan ekonomi sebuah negara, baik dari segi kuantiti tenaga kerja yang tersedia di pasaran mahupun dari segi kualiti dalam penyediaan perkhidmatan yang lebih baik dan meningkatkan kecekapan pengeluaran. Justeru, dalam usaha menuju ke arah pembangunan ekonomi yang mapan, perhatian terhadap kesejahteraan manusia menjadi satu aspek penting. Menurut prinsip ekonomi Islam, pembangunan modal insan yang melibatkan pendidikan, kesihatan, dan penghapusan kemiskinan dianggap sebagai satu pelaburan yang penting bagi memperkukuhkan pembangunan ekonomi yang mampan. Ahli ekonomi Islam juga berpendapat bahawa pembangunan ekonomi memerlukan keseimbangan antara kepentingan duniawi dan ukhrawi. Oleh itu, pembangunan ekonomi harus seiring dengan pembangunan modal insan. Dalam mencapai matlamat ini, Islam tidak hanya memperhitungkan aspek material semata-mata, tetapi juga aspek keagamaan yang membawa kepada penglibatan dalam memastikan kelestarian masyarakat bagi mencapai Maqasid Syariah (Mulyadi, 2023).

Antara salah satu usaha yang dilakukan dalam pembangunan ekonomi sebuah negara adalah melalui konsep pengagihan semula kekayaan. Dalam konteks konvensional, terdapat tiga ejen pengagihan semula kekayaan iaitu kerajaan, individu, dan institusi tertentu seperti yayasan yang mewakili satu kumpulan masyarakat. Cara pengagihan ini dilakukan melalui kaedah seperti cukai, subsidi, dan bantuan kemanusiaan (Mohsen, 2022). Dalam konteks ini, Islam juga menyediakan mekanisme pengagihan semula kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dinikmati bersama oleh masyarakat melalui zakat, hibah, sedekah dan wakaf.

Dalam kajian ini, wakaf dilihat sebagai instrumen yang sangat sesuai untuk pembangunan ekonomi dalam konteks Islam kerana harta atau aset yang diwakafkan tidak akan berpindah milik dan akan digunakan untuk tujuan yang ditetapkan. Ini menjadikan wakaf sebagai sumber pendapatan yang stabil dan berterusan untuk pembangunan ekonomi dan sosial. Wakaf juga memberikan fleksibiliti yang lebih luas dalam penggunaan dana atau aset berbanding zakat dan hibah. Ia boleh digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk pembangunan infrastruktur, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, pembiayaan perniagaan, dan pelbagai inisiatif pembangunan ekonomi lain yang boleh memberi impak kepada masyarakat, termasuk bukan Islam. Dengan itu, wakaf merupakan instrumen yang komprehensif dan menyeluruh dalam pembangunan ekonomi. Oleh itu, penekanan pada perkhidmatan wakaf mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Usaha perlu dilakukan bagi menyediakan produk-produk wakaf yang dapat digunakan oleh umat Islam untuk memenuhi niat pewakaf untuk bersedekah di jalan Allah SWT (Abdullah, 2020).

Walau bagaimanapun, realiti semasa menunjukkan terdapat kekangan dalam memenuhi kemaslahatan pewakaf, khususnya dari segi penyediaan produk wakaf kontemporari yang sesuai dengan keperluan moden. Kekurangan instrumen wakaf yang fleksibel dan mudah diakses bukan sahaja menghalang keinginan masyarakat untuk berwakaf, tetapi turut mengekang potensi dana wakaf untuk dimanfaatkan secara optimum bagi pembangunan ekonomi (Saiman & Ruzaidi, 2024). Walaupun bentuk wakaf baharu seperti wakaf tunai dan wakaf saham semakin diperkenalkan sebagai respons terhadap keperluan zaman, pelaksanaannya masih belum menyeluruh dan terdapat jurang kefahaman serta ketidakseragaman dalam amalan. Ini sangat penting kerana kemaslahatan pewakaf setiap zaman berbeza dan memerlukan ruang ijtihad agar pelaksanaannya kekal selari dengan prinsip Syariah, sambil memenuhi tuntutan semasa.

Dalam masa yang sama, isu harta beku dalam kalangan umat Islam semakin membimbangkan. Harta beku lazimnya berlaku apabila seseorang meninggal dunia tanpa menyediakan wasiat, hibah, rekod pemilikan atau dokumen perancangan harta lain. Ketiadaan perancangan ini membuka ruang kepada pertikaian waris dan kelewatan proses pembahagian pusaka, menyebabkan aset terbiar dan tidak produktif. Keadaan ini bercanggah dengan prinsip pemeliharaan harta dalam Islam (*hifz al-mal*) yang menuntut agar harta dimanfaatkan dan tidak disia-siakan. Lebih membimbangkan, hasrat individu untuk berwakaf selepas kematian sering gagal dilaksanakan apabila tiada dokumentasi atau mekanisme pelaksanaan yang jelas. Jika harta telah dibahagikan secara faraid

sebelum niat wakaf direkodkan, waris berhak enggan melaksanakannya kerana harta tersebut telah sah menjadi milik mereka.

ii. Kekangan Sumber Manusia dalam Pengurusan Harta Faraid Di Malaysia

Tiga entiti yang berperanan penting dalam menentukan variasi dalam kaedah pengurusan dan pengawalseliaan pembahagian harta pusaka di Malaysia adalah Mahkamah Tinggi, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), serta Amanah Raya Berhad (ARB). Menurut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], pengurusan harta pusaka kecil merujuk kepada harta milik individu yang hanya melibatkan harta tidak alih atau gabungan harta tidak alih bersama harta alih, dengan nilai keseluruhan harta si mati tidak melebihi RM 2 juta ringgit wang, dan tanpa adanya wasiat untuk orang bukan islam. Setiap agensi ini memiliki perbezaan dalam aspek undang-undang dan implementasi bidang kuasa mereka (Shahida Samad & Rashidah, 2023).


Langkah progresif telah diambil oleh kerajaan apabila membawa cadangan pindaan kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] ke dalam perbincangan di Parlimen pada penghujung tahun 2021. Usul tersebut kemudian disahkan oleh Parlimen dan diwartakan pada 25 Januari 2022 setelah menerima perkenan daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 19 Januari 2022. Melalui pembaharuan yang akan dilaksanakan melalui pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], terdapat perluasan yang signifikan dalam skop bidangkuasa dan mewujudkan pelbagai mekanisma baharu. Konsep pengurusan harta kecil tidak lagi terbatas pada harta yang tidak boleh dipindahkan, dengan nilai keseluruhan tidak melebihi RM 2 juta ringgit wang. Dengan pindaan ini, had nilai bagi pengurusan harta kecil telah ditingkatkan kepada RM 5 juta ringgit wang dan boleh dimohon jika si mati hanya meninggalkan harta yang boleh dipindahkan.

Selain itu, pindaan Akta 98 juga memperkenalkan beberapa proses operasi baru seperti *Summary Distribution* dan pendekatan *Pendente Lite* yang mempercepatkan proses perbicaraan harta kecil, sambil memberikan bantuan kepada waris si mati untuk mendapatkan maklumat mengenai harta si mati dari pelbagai agensi yang relevan. Pindaan Akta tersebut dilakukan pada tahun 2022 adalah salah satu perubahan besar yang dilakukan oleh Jawatankuasa Kementerian Tanah dan Galian berbanding dengan pindaan yang telah dilakukan pada tahun-tahun sebelumnya seperti 1972, 1988, dan 2009. Pindaan ini meliputi berbagai aspek dalam proses pengurusan pembahagian harta

pusaka kecil yang melibatkan pelbagai peringkat perkhidmatan. Secara langsung, dijangkakan pindaan ini akan memberi banyak manfaat kepada orang awam dan organisasi secara menyeluruh. Pihak waris akan dapat mengurangkan kos tinggi dalam pengurusan tanpa perlu melibatkan khidmat peguam untuk urusan di mahkamah tinggi (Mu'izz Abdullah et al., 2022).

Walau bagaimanapun, usaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan melalui pindaan untuk memberi kemudahan kepada rakyat tidak terlepas dari cabaran dan rintangan. Setiap tahun, Mahkamah Tinggi (*Central Registry*) di Kuala Lumpur, yang merekodkan purata sebanyak 65% daripada kes permohonan pengurusan pembahagian harta pusaka si mati di Malaysia, dengan purata 60,000 kes setahun, dikelola oleh JKPTG berbanding agensi lain seperti Mahkamah Tinggi dan ARB (Roslan & Ahmad, 2022).

Disebabkan penambahbaikan skop kes yang semakin meningkat, proses pengurusan dijangka mengambil masa yang lebih lama kerana jumlah kes yang diterima juga bertambah. Keadaan ini membawa implikasi kepada peningkatan permohonan harta pusaka kecil yang tidak seimbang dengan jumlah sumber manusia yang tersedia untuk menguruskannya (Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan {JKPTG, 2022}). Maka produk berasaskan wakaf amanah dilihat berkemampuan untuk membantu bagi kelancaran pengurusan harta dengan menggunakan saluran wakaf yang telah dilantik pemegang amanah untuk melaksanakannya selepas kematian pewakaf. Penggunaan kontrak wakaf amanah menambah baik proses penyaluran harta pusaka tersebut, oleh sebab masa pengurusan dapat disingkatkan kerana tidak perlu melalui proses yang sama seperti pengurusan faraid.



Rajah 1. 1 Pentadbiran Dan Pembahagian Harta Pusaka Muslim

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas menunjukkan betapa pentingnya perancangan dalam menguruskan harta pusaka itu dilakukan dan tidak semata-mata mengharapkan pengurusan daripada faraid sahaja. Seperti yang ditunjukkan dalam rajah, proses pengurusan harta yang diwasiatkan (*testate*) adalah lebih ringkas dan mudah, berbanding harta yang tidak diwasiatkan (*intestate*), yang memerlukan prosedur lebih panjang dan kompleks. Usaha dan ikhtiar perlu dilakukan oleh pewaris bagi memudahkan urusan pembahagian kepada ahli waris. Sebagai contoh konsep yang digunakan berasaskan kontrak amanah seperti hibah amanah bakal dijalankan secara terus selepas pengamanah meninggal dunia, tanpa memerlukan pengesahan dari mahkamah tinggi atau sebagainya untuk harta yang telah didokumentasikan dalam kontrak amanah sebelum meninggal dunia. Sekaligus mengelakkan dari proses agihan harta terbantut seterusnya mencetus dilema kepada penerima (Hadir, 2021). Ini membuka peluang penambahbaikan seperti penggunaan konsep wakaf yang lebih menjurus kepada pemberian selepas kematian itu dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memenuhi kehendak dan niat pengguna lebih-lebih lagi mereka yang ingin menyumbang di jalan Allah SWT.

iii. Isu Ketiadaan Produk Wakaf Kontemporari

Rakyat Malaysia menggunakan produk tertentu untuk melaksanakan kebajikan melalui wakaf. Pada masa ini secara umumnya, wakaf yang sedia ada di Malaysia adalah dalam bentuk penyerahan secara terus. Ini bermaksud bahawa untuk berwakaf,

pewakaf akan melakukannya semasa dia masih hidup dan semasa harta itu berada dalam pemilikan mereka (Mahmood et al., 2017). Wakaf pada dasarnya adalah pemberian di jalan Allah SWT yang diberikan oleh seseorang apabila dia menyatakan niatnya untuk menjalankan wakaf, selepas itu, harta itu diserahkan kepada pemegang amanah sebagai contoh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan institusi-institusi kewangan untuk diuruskan oleh pihak mereka berlandaskan dengan tujuan wakaf.

Pada masa kini, terdapat segelintir individu yang berminat untuk melaksanakan wakaf, namun pelaksanaannya hanya dilakukan selepas kematian mereka. Walau bagaimanapun, produk kewangan atau instrumen khusus yang memenuhi keperluan wakaf selepas kematian masih belum wujud secara rasmi di pasaran Malaysia (Abdullah et al., 2021; Yaakob & Mohd Noor, 2020). Produk kontemporari yang hampir sama dengan niat tersebut ialah hibah amanah. Produk hibah dan amanah datang bersama untuk membentuk konsep hibah amanah. Ia adalah pemberian seseorang akan hartanya kepada orang tersayang. Tetapi pemberian berlaku selepas pembuat amanah meninggal dunia dan mengikut terma dan keadaan yang digariskan dalam surat ikatan pemberian amanah. Namun begitu, produk tersebut berbeza dengan niat untuk berwakaf kerana menggunakan konsep hibah dan produk yang khusus melibatkan wakaf dan amanah masih belum dipasarkan di Malaysia.

Hasil daripada aplikasi hibah amanah, potensi daripada masalah ketiadaan produk atau perkhidmatan khusus yang boleh digunakan untuk wakaf selepas kematian dapat dikembangkan dengan melakukan kajian dengan lebih mendalam. Tuntasnya, bagi menekankan keperluan pembangunan produk berdasarkan konsep wakaf, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menyediakan asas bagi pembangunan model wakaf amanah.

iv. Tahap Kesedaran Wakaf Yang Rendah

Institusi wakaf memiliki potensi besar dalam mendukung pembangunan ekonomi umat di suatu negara jika diterapkan dengan berkesan dan menyeluruh. Bahkan, instrumen ini juga dapat digunakan untuk mengatasi masalah kemiskinan dalam negara. Namun, implementasi konsep ini harus sejajar dengan pemahaman masyarakat terhadapnya. Hal ini kerana masyarakat memiliki peranan penting dalam implementasi konsep wakaf ini. Pada masa kini, tahap kesedaran dan pemahaman umat Islam mengenai konsep dan pengurusan wakaf masih tergolong sederhana. Misalnya, kajian di Selangor yang dilakukan melalui Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) terhadap

wakaf tunai mendedahkan bahawa sebahagian besar masyarakat Islam masih kurang memahami mekanisme, manfaat dan tatacara pelaksanaannya, dan ini mencerminkan kesedaran yang masih rendah terhadap instrumen wakaf yang lebih fleksibel (Ibrahim et al., 2023; Hasbullah et al., 2023). Tambahan pula, analisis bibliometrik menyarankan bahawa memang wujud jurang dalam literasi wakaf tunai di Malaysia rujukan jurnal yang membincangkan tema wakaf tunai adalah sedikit, dicatatkan bahawa dalam tempoh 2018–2023, hanya 40 artikel mengenai *cash waqf* diterbitkan untuk konteks Malaysia, berbanding 106 dari Indonesia, menggambarkan jurang yang signifikan dalam penerbitan ilmiah dalam negara kita (Syibly, 2024). Wakaf tunai sering dijadikan sebagai indikator utama bagi menilai perkembangan wakaf kontemporari memandangkan instrumen wakaf amanah masih belum diperkenalkan secara meluas di pasaran Malaysia.

Selain itu, terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa masyarakat beranggapan bahwa umat Islam suka meminta-minta. Hal ini jelas menunjukkan tahap kesedaran terhadap wakaf yang rendah (Abdul Khalim et al., 2022). Struktur kajian kuantitatif menggunakan kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah dari menjalankan soal selidik terhadap informan terpilih. Bagi kajian tersebut kaedah persampelan secara rawak terhadap responden untuk mengukur tahap kefahaman mereka terhadap wakaf dan analisis tersebut menunjukkan bacaan rumusan skor min keseluruhan bagi tahap kefahaman wakaf adalah 3.33 mengikut skala di tahap rendah. Oleh itu, hasil dari kajian oleh Abdul Khalim et al., (2022) menunjukkan bahawa pemahaman masyarakat terhadap institusi wakaf masih pada tahap yang sederhana dan terdapat sebahagian kecil masyarakat yang keliru dengan definisi wakaf dan masih belum dapat membezakan antara wakaf dengan instrumen yang lain.

Satu lagi kajian meneroka tahap kefahaman masyarakat terhadap wakaf tunai di Besut, Terengganu. Kajian tersebut juga menggunakan analisis kuantitatif. Dapatan kajian tersebut menunjukkan peratusan informan yang tidak memahami tentang wakaf tunai adalah sebanyak 57.9% sekaligus memberi kesan terhadap amalan wakaf itu sendiri yang hanya mencatatkan bayaran wakaf tunai 4.2% sahaja. Kajian ini menjelaskan bahawa di Malaysia, walaupun masyarakat menyedari tentang amalan wakaf dan peranannya terhadap masyarakat, namun kefahaman masyarakat masih terbatas dan masih lagi berfokus harta tak alih dan wakaf khas (Zulkiflee et al., 2015). Hal ini juga diperkatakan oleh Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal

Agama), Datuk Idris Ahmad, beberapa usaha sedang dilaksanakan kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mengatasi masalah itu (Zanariah, 2022).

Sesetengah orang mungkin percaya bahawa zakat adalah satu-satunya kaedah praktikal untuk membantu mereka yang memerlukan dan merapatkan jurang antara kaya dan miskin. amai dalam kalangan masyarakat beranggapan bahawa dengan menunaikan zakat, mereka sudah dapat melepaskan diri daripada kewajipan cukai. Justeru, amalan ini sering dilihat sebagai memberi manfaat secara langsung kepada diri sendiri dan masyarakat, berbanding dengan wakaf yang tidak memberikan pulangan bersifat “literasi kewangan” seperti zakat di Malaysia. Pandangan ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kebesaran dan keutamaan amalan wakaf atau sedekah masih berada pada tahap yang rendah.

Terdapat juga individu yang beranggapan bahawa zakat sahaja sudah memadai untuk melaksanakan tanggungjawab sosial, sedangkan hakikatnya di banyak negara Islam yang maju, pembangunan infrastruktur dan penyediaan prasarana masyarakat yang lengkap adalah hasil daripada harta wakaf yang terkumpul dan diurus secara berkesan. Kejayaan negara-negara tersebut menjadi bukti bahawa wakaf mempunyai potensi yang amat besar dalam memperkukuh pembangunan sosioekonomi ummah.

Oleh itu, adalah penting untuk sering meneroka pendekatan alternatif yang membawa seseorang individu tersebut untuk mudah berwakaf. Wakaf Amanah mempunyai potensi untuk memperluaskan aplikasi wakaf di luar peranan tradisionalnya sebagai konsep *tabarru'āt*, dan memperluaskan penggunaannya kepada aktiviti muamalat juga. Ini membawa kepada pentingnya mencipta produk baru yang dapat memudahkan dan mengubah pemikiran orang mengenai wakaf kerana instrumen ini juga dapat membantu pengurusan harta pusaka (Mohamad'As'Syaqim Mohamad Idris, 2023).

Walaupun pelbagai kajian telah menilai tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap wakaf, dapatan secara konsisten menunjukkan bahawa literasi wakaf di Malaysia masih rendah, sama ada dari sudut kefahaman mekanisme, manfaat mahupun instrumen pelaksanaannya (Ibrahim et al., 2023; Hasbulah et al., 2023; Zulkiflee et al., 2015). Kajian terdahulu turut mengesahkan wujudnya kekurangan penyelidikan ilmiah dalam bidang wakaf kontemporari, khususnya wakaf tunai dan instrumen pasaran kewangan, berbanding negara lain seperti Indonesia (Syibly, 2024). Namun, jurang yang lebih kritikal ialah ketiadaan kajian yang meneroka bagaimana inovasi produk wakaf dapat dibangunkan bagi menyelesaikan masalah praktikal seperti

kesukaran masyarakat melaksanakan wakaf selepas kematian, kekeliruan definisi antara hibah dan wakaf, kebergantungan mutlak kepada faraid (Abdul Khalim et al., 2022; Abdul Jalil, 2023).

Sementara instrumen seperti hibah amanah dapat melicinkan pemindahan harta, ia tetap tidak memenuhi ciri-ciri wakaf sebagai kontrak *tabarru'* yang berorientasikan manfaat kekal dan maslahat umum. Jurang inilah yang memerlukan pemerhatian akademik kerana ia menyentuh aspek teori *fiqh amanah*, *behavioural economics* yang mempengaruhi keputusan berwakaf, serta objektif Maqasid Syariah khususnya *hifz al-mal* yang menuntut agar harta dimanfaatkan, tidak terbengkalai dan disalurkan kepada maslahat masyarakat. Ketiadaan instrumen yang khusus untuk wakaf selepas kematian menunjukkan bahawa inovasi seperti wakaf amanah belum diterokai secara sistematik dalam konteks struktur Syariah, kehendak pengguna dan ekosistem undang-undang Malaysia. Justeru, kajian ini mengisi jurang penting dalam literatur dengan menyediakan asas teori, rasional Syariah dan kerangka awal bagi pembangunan model wakaf amanah sebagai instrumen alternatif yang dapat memperluas amalan wakaf, meningkatkan literasi masyarakat, serta memodenkan pengurusan harta wakaf selaras dengan keperluan semasa.

v. Permintaan Terhadap Pelaksanaan Wakaf Selepas Kematian Daripada Masyarakat

Ekoran perkembangan wakaf pada masa kini telah memacu kepada produk seperti wakaf unit amanah (unit trust). Sebagai contoh, pada tahun 2021, Permodalan Nasional Berhad (PNB), melalui Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) telah memperkenalkan wakaf ASNB, Pengurusan Unit Amanah memperkenalkan perkhidmatan Wakaf ASNB yang baru. Perkhidmatan ini membolehkan pemegang unit ASNB untuk terus sumbangkan unit Amanah mereka untuk kepentingan masyarakat. Produk tersebut mula dikuatkuasa pada tahun 2021 (PNB, 2021).

Berdasarkan daripada Berita Harian (2021), wakaf ASNB mula mendapat sambutan daripada pengguna dengan kadar penggunaan yang melakukan wakaf di organisasi tersebut meningkat selepas pelancarannya pada Oktober 2021. Dicatatkan jumlah keseluruhan dana berjumlah RM30 juta dan pengagihan dividen sulungnya dijadualkan pada separuh pertama 2023, kata Presiden dan Ketua Eksekutif PNB Ahmad Zulqarnain Onn. Sehubungan dengan itu, pengguna Muslim sudah mula sedar akan kepentingan berwakaf dan perancangan harta bagi kemaslahatan ahli keluarga.

Maka dengan itu terdapat minat dan permintaan dari pelabur-pelabur di ASNB itu sendiri terhadap produk wakaf yang dilaksanakan selepas mereka meninggal dunia (Azizah, 2023).

Berdasarkan sebuah kajian yang menganalisis tahap kefahaman instrumen amanah di negeri perlis, bermula tahun 2014 sehingga 2019 merekodkan statistik, Amanah Biasa yang mencakupi aset tunai dan hartanah menunjukkan prestasi cemerlang dengan jumlah tertinggi catatan akaun amanah, iaitu sebanyak 152 akaun amanah (trust). Diikuti oleh Bare Trust yang mencatatkan 24 akaun amanah (trust), menunjukkan populariti dan permintaan yang baik dalam kalangan penerima amanah. Selanjutnya, Amanah Kebajikan dan Hibah Amanah juga mencatatkan jumlah yang signifikan, masing-masing sebanyak 18 dan 16 akaun amanah (trust), menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap konsep wakaf dan amanah untuk tujuan kebajikan serta pengurusan harta pusaka yang berkesan (Abdullah & Muhamad, 2023).

Maka melihat daripada hasil dapatan PNB wakaf selepas kematian itu mendapat permintaan yang signifikan dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, produk wakaf ASNB tertakluk kepada wakaf unit amanah sahaja. Oleh itu, wakaf kepada harta alih selain daripada unit amanah dan harta tidak alih diperlukan untuk memenuhi keperluan masyarakat. Berdasarkan permintaan tersebut terdapat potensi daripada wakaf selepas kematian. Tuntasnya kajian ini mengambil langkah inisiatif untuk menjalankan kajian terhadap wakaf yang digabungkan dengan kontrak amanah yang membolehkan wakaf selepas kematian dilaksanakan atau di panggil sebagai wakaf amanah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian di atas, terdapat tiga persoalan kajian yang ingin dijawab:

- i. Apakah konsep wakaf amanah menurut perspektif Islam?
- ii. Apakah potensi produk wakaf amanah dalam pengurusan harta umat Islam?
- iii. Bagaimanakah cadangan struktur dan model wakaf amanah untuk menjadi panduan dalam membangunkan produk wakaf amanah di Malaysia?

1.6 Objektif Kajian

Sesuatu kajian mestilah mempunyai matlamat dan objektif yang jelas dan konkrit. Objektif kajian akan memandu ke arah matlamat kajian (Ryan, 2022). Justeru, untuk mencapai matlamat kajian ini beberapa objektif utama telah dirumuskan antaranya ialah:

- i. Mengenalpasti konsep wakaf amanah menurut perspektif Islam.
- ii. Menganalisis potensi produk wakaf amanah dalam pengurusan harta umat Islam.
- iii. Mencadangkan struktur dan model wakaf amanah untuk menjadi panduan dalam membangunkan produk wakaf amanah di Malaysia.

1.7 Metodologi Penyelidikan

Istilah metodologi penyelidikan merujuk kepada strategi dan kaedah yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan dan mengumpulkan data bagi menjawab soalan atau matlamat penyelidikan. Bahagian tesis bertajuk "metodologi" menerangkan kaedah, alat, teknik, dan proses yang digunakan untuk mendapatkan dan menganalisis data. Ia juga membincangkan alasan di sebalik pemilihan pendekatan tertentu (Kumar, 2018). Penyelidikan ini dilaksanakan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Kaedah ini dijalankan dengan menyediakan soalan yang dirancang bagi memandu sesi temubual, namun masih memberi ruang untuk fleksibiliti dan penerokaan lanjut terhadap maklumat yang tidak dijangka.

Pemilihan temubual separa berstruktur adalah sesuai bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pandangan dan pengalaman informan berkaitan isu kajian. Menurut Allsop et al. (2022), kaedah ini membolehkan pengkaji menggali maklumat yang kaya dan bermakna kerana informan diberikan peluang untuk menjelaskan jawapan mereka secara bebas dalam ruang yang lebih terbuka. Selain itu, ia membolehkan penyelidik menyesuaikan soalan susulan secara dinamik berdasarkan konteks perbualan, sekali gus meningkatkan kualiti data yang dikumpulkan. Merancang soalan sebelum sesi temubual membantu mengelakkan pembaziran masa dan meningkatkan fokus serta keberkesanan proses pengumpulan data daripada informan

yang dipilih bagi kajian secara kualitatif akan membincangkan dua pendekatan yang berbeza untuk reka bentuk penyelidikan. Pertama, istilah "kaedah penyelidikan perpustakaan" merujuk kepada prosedur dan pendekatan yang digunakan dalam proses penemuan, penilaian, dan penggunaan sumber maklumat yang disediakan di perpustakaan. Pendekatan ini sering digunakan pelajar, ahli akademik, penyelidik, dan pihak lain yang memerlukan akses kepada sumber maklumat berwibawa bagi menyokong tugas akademik atau profesional mereka (Mizrachi, 2019).

Kemudian, reka bentuk penyelidikan melalui kaedah temubual merupakan satu bentuk prosedur yang melibatkan temubual bersama peserta bagi memahami pengalaman dan pandangan mereka terhadap sesuatu topik. Tujuan utama kaedah ini adalah untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan isu kajian secara mendalam. Gaya temubual ini biasanya menggunakan soalan terbuka dan memberi ruang kepada peserta untuk memberikan jawapan yang terperinci, yang kemudiannya boleh dianalisis secara kualitatif. Penemubual boleh memilih antara pendekatan temubual separa berstruktur atau tidak berstruktur. Kaedah ini membolehkan fleksibiliti dalam perbualan dan memberi peluang kepada peserta untuk mengembangkan jawapan mereka ke arah yang paling relevan dengan pengalaman mereka. Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah temubual separa berstruktur yang dijalankan terhadap informan yang telah dikenal pasti secara khusus (Patton, 2014).

Kaedah temubual separa berstruktur dipilih kerana ia menawarkan keseimbangan antara struktur dan kelenturan dalam pengumpulan data. Dengan adanya panduan soalan yang disediakan lebih awal, penyelidik dapat memastikan semua topik utama dikupas, namun dalam masa yang sama membenarkan pengembangan idea yang timbul secara spontan sepanjang sesi temubual. Ini sangat berguna apabila kajian melibatkan aspek sosial. Tambahan pula, pendekatan ini memudahkan hubungan dua hala yang lebih terbuka dan mesra antara penyelidik dan peserta, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dan ketulenan data yang diperolehi (Bryman, 2016).

1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data

Terdapat proses dalam pengumpulan data untuk reka bentuk penyelidikan pertama iaitu penyelidikan perpustakaan, yang melibatkan terperinci di bawah (Mizrachi, 2019):

i. Mengenal pasti topik penyelidikan: perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengenal pasti topik atau isu penyelidikan yang perlu diperiksa. Ini akan membantu mengarahkan carian bahan yang relevan.

ii. Menjalankan carian awal: carian awal boleh dilakukan untuk melihat jenis sumber yang tersedia, sama ada di perpustakaan atau dari sumber lain, sebelum mendalami berkenaan kajian dengan lebih lanjut. Ini membantu untuk fokus pada isu atau subjek yang lebih khusus kepentingan untuk siasatan.

iii. Memilih sumber yang tepat: fasa seterusnya, setelah mengenal pasti sumber yang ada, adalah memilih sumber-sumber yang paling relevan dengan penyelidikan. Buku, jurnal, esei, penerbitan oleh kerajaan, dan jenis penulisan lain mungkin semua layak sebagai sumber. Mengakses kertas akademik, buku, dan bahan lain juga boleh dicapai melalui penggunaan pangkalan data internet seperti JSTOR, ProQuest, atau Google Scholar.

iv. Menilai sumber: sebaik sahaja sumber telah ditemui, adalah perlu untuk melakukan analisis kebolehpercayaan, ketepatan, dan kaitannya dengan subjek penyiasatan. Ini membantu untuk menjamin bahawa penyelidikan hanya menggunakan maklumat standard yang terbaik.

Secara ringkas, kombinasi kaedah kajian perpustakaan dan temu bual mendalam separa berstruktur membolehkan pengumpulan data yang komprehensif. Pendekatan ini bukan sahaja menyediakan asas teori yang kukuh melalui analisis literatur, tetapi juga memperkayakan dapatan kajian dengan perspektif dan pengalaman sebenar informan. Gabungan kedua-dua kaedah ini meningkatkan ketepatan, keberkaitan, dan keutuhan data yang diperoleh, sekali gus menyokong pencapaian objektif kajian dengan lebih berkesan

1.7.2 Kumpulan Informen

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga, sebagai sebahagian daripada instrumen kajian kualitatif, peserta penyelidikan ini akan dipilih secara khusus dan dibahagikan mengikut kategori yang bersesuaian. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif, justeru individu-individu tertentu akan terlibat dalam sesi temubual. Pemilihan informan dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing, terutamanya yang berkaitan secara langsung dengan fokus penyelidikan.

Elemen ini amat penting kerana kefahaman mendalam para informan akan memudahkan pelaksanaan temubual, mencetuskan idea-idea bernas, serta menyumbang kepada penemuan data yang tepat dan signifikan bagi menjawab objektif penyelidikan.

Antara informan yang akan ditemubual termasuklah:

Jadual 1.1
Senarai Informan

Target Informan
Wakil daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB)
Wakil daripada Myangkasa Amanah Berhad
Wakil daripada As Salihin Trustee
Wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)
Wakil daripada ahli akademik

1.7.3 Kaedah Penganalisisan Data

Bagi kaedah pertama, proses mengumpul dan menganalisis maklumat yang tidak dibentangkan dalam bentuk nombor atau statistik dikenali sebagai penyelidikan kualitatif. Data kualitatif biasanya dibentangkan dalam bentuk teks seperti transkrip temubual, nota lapangan, atau catatan pemerhatian. Tujuan utama analisis data kualitatif adalah untuk memahami maklumat yang dikumpulkan melalui proses menyusun, mengatur, dan menafsirkan data secara sistematik. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan dua pendekatan utama dalam menganalisis data kualitatif, iaitu:

i. Analisis Tematik:

Analisis tematik merupakan kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan kualitatif untuk mengenal pasti, menganalisis, dan menghuraikan corak (tema) yang muncul dalam data. Ia merupakan pendekatan yang fleksibel dan menyeluruh dalam menganalisis data berbentuk teks, visual atau audio. Kaedah ini sesuai untuk meneroka pengalaman, pandangan dan kepercayaan individu kerana ia tidak terikat dengan mana-mana kerangka teori tertentu, menjadikannya serba boleh untuk digunakan dalam pelbagai jenis penyelidikan (Braun & Clarke, 2022).

ii. Analisis Konteks:

Analisis konteks pula melibatkan pemeriksaan kandungan data untuk mengenal pasti kata kunci, frasa atau idea yang signifikan. Kaedah ini sesuai untuk tujuan pengelasan data dan pembangunan tema, khususnya apabila data tersedia dalam bentuk dokumen bertulis seperti transkrip, dokumen rasmi atau bahkan entri media sosial. Ia membolehkan penyelidik mengesan pola penggunaan bahasa dan maksud yang tersirat dalam konteks yang dikaji (Krippendorff, 2018).

iii. Penggunaan Perisian NVivo:

Bagi menyokong proses analisis data secara sistematik dan efisien, penyelidik akan menggunakan perisian NVivo sebagai alat bantu dalam proses pengurusan dan penganalisan data kualitatif. NVivo membolehkan data dianalisis secara terperinci melalui fungsi pengekodan, pengelompokan tema, serta pembinaan hubungan antara data yang kompleks. Penggunaan NVivo juga dapat meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan dalam analisis kerana ia menyediakan struktur yang tersusun dalam menanda kod, membandingkan kategori, dan membina tema yang signifikan berdasarkan dapatan lapangan (Houghton et al., 2017). Justeru, NVivo merupakan perisian yang sangat relevan dalam penyelidikan ini bagi mengurus data temubual yang bersifat mendalam dan pelbagai.

1.8 Skop dan Batasan kajian

Skop Kajian ini difokuskan kepada kawasan Lembah Klang, memandangkan lokasi ini menyediakan akses yang lebih mudah kepada informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang wakaf dan pengurusan harta Islam. Pemilihan Lembah Klang juga adalah bersesuaian kerana kawasan ini menempatkan institusi agama, badan pengurusan wakaf, institusi kewangan Islam serta pakar-pakar akademik yang relevan dan dapat memberikan perspektif menyeluruh terhadap pembangunan model wakaf amanah.

Informan dalam kajian ini terdiri daripada individu yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam wakaf, termasuk pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), pegawai pengurusan wakaf, pengamal industri, serta ahli akademik yang terlibat dalam penyelidikan wakaf dan instrumen amanah. Oleh itu, data yang dikumpul merangkumi pemahaman mereka terhadap dasar wakaf amanah, potensi pelaksanaannya dalam konteks semasa, serta aspek tadbir urus yang berkaitan.

Dari segi kandungan, kajian ini memberi tumpuan kepada pemahaman konsep dan dasar wakaf amanah serta cadangan model pelaksanaannya dalam ekosistem pengurusan wakaf di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan secara mendalam aspek perundangan wakaf atau menganalisis secara terperinci implikasi undang-undang yang berkaitan dengan wakaf amanah. Sebaliknya, kajian

hanya meneliti rangka asas kepada keperluan tadbir urus dan operasional instrumen tersebut tanpa memasuki perdebatan teknikal perundangan.

1.9 Definisi istilah

i. Pembangunan Model

Istilah pembangunan model dalam konteks kajian penulisan merujuk kepada proses atau langkah-langkah yang diambil untuk membentuk satu model atau kerangka kerja yang sejajar dengan objektif penyelidikan. Proses ini melibatkan pengenalanpastian, pemilihan, dan penyusunan elemen-elemen yang relevan secara logik dan sistematik untuk mencapai matlamat kajian. Justeru, kajian ini bertujuan merangka satu model pembangunan melalui pendekatan sistematik yang menyusun hubungan antara pembolehubah dan membentuk struktur analitikal yang dapat memudahkan kefahaman terhadap fenomena yang dikaji. Dalam konteks penyelidikan ini, pembangunan model akan dijalankan bagi mengkaji hubungan antara faktor-faktor tertentu dan dapatan kajian yang selaras dengan objektif (Mahadiansar et al., 2020).

Pembangunan model wakaf dapat difahami sebagai satu usaha strategik dan menyeluruh untuk memperkukuh institusi wakaf melalui peningkatan aset, penambahbaikan pengurusan, peluasan projek, serta pengukuhan kesedaran masyarakat terhadap potensi wakaf. Ia merangkumi pemantapan infrastruktur, pelaksanaan program berkesan, dan penyelarasan dengan tuntutan semasa. Pendekatan ini bertujuan memaksimumkan manfaat wakaf agar dapat terus berperanan sebagai instrumen kebajikan yang berimpak besar kepada pembangunan sosial, ekonomi, dan pendidikan masyarakat.

ii. Wakaf Amanah

Secara asasnya wakaf amanah merupakan gabungan antara kontrak wakaf bersyarat dan kontrak amanah. Wakaf bersyarat berlaku apabila pewakaf meletakkan syarat tertentu (seperti *ruqba*) terhadap harta wakafnya. Kontrak amanah pula merujuk kepada konsep *wisāyah*, iaitu penyerahan harta setelah kematian. Oleh itu, wakaf amanah merujuk kepada suatu mekanisme yang membolehkan individu melaksanakan wakaf yang hanya berkuat kuasa selepas kematiannya, sambil membenarkan penggunaan harta tersebut ketika masih hidup. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya secara khusus masih kurang dikaji dan merupakan antara aplikasi baharu yang

berpotensi untuk disandarkan kepada kontrak amanah seperti yang telah berjaya diaplikasikan dalam sistem hibah amanah (Mohd Zamro et al., 2022).

Dari segi pelaksanaan, wakaf amanah melibatkan penggunaan Surat Ikatan Amanah (SIA), di mana syarat-syarat wakaf dimasukkan secara jelas ke dalam dokumen tersebut semasa pewakaf masih hidup (Abdullah & Muhamad, 2023). Kontrak ini memperuntukkan sejumlah harta sama ada harta alih atau tidak alih kepada pemegang amanah bagi menyempurnakan hasrat berwakaf di jalan Allah SWT. Setelah pewakaf meninggal dunia, *wasī* atau institusi yang bertindak sebagai pemegang amanah akan menguruskan harta tersebut mengikut niat dan syarat yang telah ditetapkan. Harta ini tidak akan dianggap sebagai sebahagian daripada harta pusaka atau tertakluk kepada pembahagian faraid, sebaliknya akan disalurkan terus kepada institusi berkaitan seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk dilaksanakan seperti yang diamanahkan. Kajian ini mengetengahkan aplikasi wakaf amanah sebagai satu pendekatan kontemporari yang berpotensi memenuhi permintaan umat Islam serta mempromosikan penggunaan wakaf secara lebih menyeluruh dan tersusun.

iii. Komprehensif

Komprehensif merujuk kepada pendekatan yang menyeluruh, melibatkan pemerhatian, analisis dan pemahaman terhadap keseluruhan aspek atau elemen yang berkaitan dengan subjek yang dikaji. Pendekatan ini menuntut penilaian yang menyeluruh tanpa mengenyepikan mana-mana elemen yang mungkin memberi impak atau menambah kefahaman terhadap isu. Dalam konteks penyelidikan ini, pemahaman komprehensif merangkumi pengintegrasian pelbagai sudut pandang, termasuk perspektif fiqh, ekonomi, sosial, dan institusi.

Oleh itu, dalam kajian ini, pendekatan komprehensif digunakan bagi memastikan pembangunan wakaf dinilai dari pelbagai dimensi, agar ia dapat berfungsi sebagai instrumen pembangunan yang benar-benar berkesan. Tujuannya ialah untuk memaksimumkan manfaat kepada masyarakat, memperkukuh kedudukan wakaf dalam sistem sosioekonomi Islam, dan menyumbang kepada keharmonian sosial serta pertumbuhan ekonomi yang seimbang (Purnomo & Wahyudi, 2020).

iv. Kelestarian Ekonomi

Kelestarian ekonomi merujuk kepada keupayaan sistem ekonomi untuk terus berkembang tanpa mengabaikan keperluan sumber daya alam, sosial dan ekonomi bagi generasi akan datang. Ia menekankan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial dan pemeliharaan sumber demi kesinambungan jangka panjang. Dalam erti kata lain, pembangunan ekonomi mestilah menyokong peningkatan kualiti hidup secara inklusif dan adil, tanpa meminggirkan mana-mana golongan.

Dalam konteks wakaf, kelestarian ekonomi boleh dicapai melalui pengurusan aset wakaf yang strategik, mampan dan progresif, supaya manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan. Kajian ini akan membincangkan bagaimana pembangunan wakaf, khususnya melalui instrumen wakaf amanah, dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi dengan menyokong agenda pembangunan berasaskan kebajikan dan nilai sosial jangka panjang (Sulong & Zulkifli, 2022).

1.10 Sorotan Literatur

1.10.1 Kajian Terhadap Wakaf Amanah

Wakaf merupakan satu bentuk pengabdian harta (*al-‘ibādah al-māliyah*) yang memiliki dimensi sosial, selain zakat, infak dan sedekah. Amalan wakaf melibatkan pemisahan harta milik individu, organisasi atau entiti undang-undang untuk tujuan ibadah atau manfaat yang selaras dengan prinsip hukum Islam, dengan harapan memperoleh ganjaran yang berterusan kepada pewakaf walaupun selepas kematiannya. Secara asasnya, wakaf membekukan harta daripada pemilikan individu untuk tujuan manfaat, tanpa menjadikan aset itu terhabis sertamerta. Penggunaannya perlu diarahkan kepada perkara yang dibenarkan oleh syarak dan bertujuan mencapai keredaan Allah SWT.

Dari perspektif undang-undang, wakaf menyebabkan pewakaf melepaskan hak milik sepenuhnya ke atas harta yang diwakafkan, sekali gus tidak boleh menjual, mewarisi atau memindahkan harta tersebut kepada pihak lain. Pada asasnya, harta wakaf menjadi milik umum dan manfaatnya sepatutnya dapat dirasakan oleh masyarakat (Sulistiani, 2018).

Di Malaysia, wakaf diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 74(2) dan (3), di mana urusan berkaitan agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa

negeri. Ini bermaksud, setiap negeri mempunyai kuasa tersendiri dalam menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berfungsi sebagai pihak berkuasa tunggal dalam hal ehwal wakaf. Dalam negeri yang mempunyai Raja, baginda merupakan Ketua Agama Islam; manakala di negeri tanpa Raja, Yang di-Pertuan Agong memegang peranan tersebut (Rahman & Kasim, 2022). Oleh itu, setiap negeri di Malaysia mempunyai sistem pengurusan dan undang-undang wakaf yang berbeza.

Wakaf amanah pula merupakan gabungan antara wakaf dan kontrak amanah. Dalam Islam, konsep amanah sangat luas dan mencakupi aspek tanggungjawab individu terhadap pengurusan harta orang lain. Dalam perancangan harta, amanah boleh terhasil melalui beberapa akad seperti wakalah, *wisāyah* dan *wadi'ah* (Akmal Hidayah & Tajul Aris, 2017). Dalam konteks harta tak alih, konsep *wisāyah* amat sesuai diaplikasikan kerana hak milik dipindahkan kepada penerima hanya selepas kematian pewakaf. *Wisayah* merupakan dokumen amanah yang menyerahkan kuasa pengurusan harta kepada *waṣī*, mengikut kehendak pewakaf, selagi mana tidak bercanggah dengan hukum syarak (Abdul Aziz & Yusmawati, 2006). Di Malaysia, dokumen ini boleh dianggap setara dengan wasiat pentadbiran pusaka dan berguna untuk mendapatkan Surat Kuasa Probet di Mahkamah Tinggi atau Pejabat Pusaka Kecil sekali gus mempercepatkan proses pengurusan pusaka.

Berdasarkan situasi tersebut, *waṣī* yang dilantik akan melaksanakan amanah dengan memindahkan hak milik harta wakaf kepada penerima dan menunaikan tanggungjawab seperti yang dinyatakan pewakaf semasa hayat, termasuk penyelesaian hutang, pelaksanaan wasiat, penjagaan anak dan lain-lain (Ahmad Termizi, 2019). Oleh itu, penerapan prinsip amanah dalam instrumen wakaf menjadikannya lebih relevan dan praktikal, serta menjamin hak pewakaf dan kebajikan penerima manfaat dalam pengurusan harta pusaka. Walau bagaimanapun, pelaksanaan wakaf amanah di Malaysia masih berada pada tahap awal dan belum dikaji secara menyeluruh. Oleh itu, untuk merangka dasar dan pelaksanaan wakaf amanah yang kukuh, kajian terhadap model-model pelaksanaan yang telah berjaya perlu dilakukan sebagai rujukan dan penanda aras.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian wakaf banyak memberi tumpuan kepada aspek seperti wakaf tunai, harta wakaf, dan aplikasi dalam ekonomi, manakala produk wakaf amanah masih kurang diberi perhatian, sekali gus membuka ruang untuk penyelidikan lanjut (Atan & Johari, 2017; Syibly et al., 2022). Walaupun begitu, prinsip

amanah telah mula diaplikasikan dalam produk-produk kewangan seperti Hibah Amanah yang diperkenalkan oleh institusi kewangan seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB). Kajian lanjut terhadap keberkesanan dan kesesuaian model-model ini dalam konteks wakaf amanah boleh menyumbang kepada pengembangan instrumen wakaf moden serta memperkukuh pengurusan harta Islam secara lebih sistematik dan berimpak.

1.10.1.1 Gambaran Awal Wakaf Amanah

Wakaf amanah secara asasnya merupakan satu bentuk kontrak gabungan yang berpotensi memberikan kesinambungan dan penyelesaian terhadap beberapa isu berkaitan pengurusan harta Islam, khususnya di Malaysia. Gabungan ini melibatkan konsep wakaf bersyarat, di mana pewakaf meletakkan syarat tertentu (*ruqbā*) terhadap harta yang ingin diwakafkan. Kesahan wakaf bersyarat ini disokong oleh pandangan Imam al-Nawawi, yang menyatakan bahawa penyaluran harta wakaf perlu disandarkan kepada kehendak pewakaf selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip syarak.

Selain itu, elemen amanah dalam wakaf amanah merujuk kepada kaedah pengamanahan harta yang berteraskan prinsip undang-undang sivil. Walaupun begitu, dalam pembangunan produk kewangan Islam yang patuh Syariah, terdapat syarat-syarat penting yang perlu dipatuhi. Antaranya, individu yang dilantik sebagai penerima amanah (*waṣī*) bagi pengurusan harta wakaf mestilah beragama Islam, berakal, dan baligh, sesuai dengan ketetapan hukum Islam. Oleh itu, individu bukan Islam tidak berhak campur tangan atau menguruskan harta pusaka umat Islam (Gaudiosi, 1987).

Dalam hal ini, konsep *wiṣāyah* diterokai sebagai asas kepada pelaksanaan wakaf amanah. *Wiṣāyah* merujuk kepada bentuk pengamanahan yang hanya berkuat kuasa setelah kematian pewakaf, di mana hak milik akan dipindahkan kepada penerima wakaf atau badan pelaksana. Penerimaan konsep *wiṣāyah* dalam sistem perundangan Malaysia telah diperakui melalui beberapa akta utama seperti Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) dan Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100). Tambahan pula, resolusi Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-56 turut membenarkan penggunaan hibah amanah satu produk yang menggunakan prinsip *wiṣāyah* sebagai instrumen yang sah dari sudut syarak dan undang-undang.

Secara teorinya, pelaksanaan wakaf amanah adalah berdasarkan niat pewakaf untuk mewakafkan sebahagian hartanya ke jalan Allah SWT, namun pelaksanaannya

hanya berkuat kuasa selepas kematian pewakaf. Berbeza dengan wakaf biasa yang berlaku semasa hayat, wakaf amanah memberi ruang kepada pewakaf untuk terus menggunakan dan menguruskan harta tersebut semasa hidup. Setelah pewakaf meninggal dunia, *waṣī* yang dilantik sama ada individu atau institusi berkeelayakan akan mengambil alih pengurusan sebahagian harta yang telah ditentukan, dan menyalurkannya ke arah kebajikan seperti yang diniatkan. Harta yang boleh diwasiatkan ini merangkumi harta alih dan tidak alih. Dari segi pelaksanaannya, setelah pewakaf meninggal dunia, harta yang tertakluk di bawah kontrak wakaf amanah tidak akan termasuk dalam pembahagian faraid, sebaliknya disalurkan terus kepada *waṣī*. *Waṣī* kemudiannya akan menyampaikan harta tersebut kepada institusi yang bertanggungjawab seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk melaksanakan hasrat pewakaf.

Melihat kepada potensinya, wakaf amanah diyakini mampu memberikan impak positif terhadap pembangunan produk wakaf di Malaysia serta menyelesaikan isu-isu kritikal dalam pengurusan harta Islam, terutamanya berkaitan pusaka dan kesinambungan manfaat harta selepas kematian.

1.10.2 Pandangan Fuqaha Terhadap Aplikasi Kontrak Wakaf Amanah dalam Perancangan Harta Pusaka

1.10.2.1 Wakaf Bersyarat

Secara asasnya, wakaf dilaksanakan secara langsung apabila seseorang berikrar untuk mewakafkan sejumlah hartanya dan menyerahkannya kepada penerima manfaat, sama ada secara terus atau melalui agensi dan institusi yang berkaitan. Namun begitu, berbeza dengan wakaf bersyarat, ia merujuk kepada satu bentuk wakaf di mana pewakaf menetapkan syarat khusus berkaitan penggunaan harta wakaf serta pihak yang layak menerima manfaatnya. Dalam konteks ini, istilah bersyarat bermaksud terdapat unsur pilihan atau penetapan hak tertentu oleh pewakaf dalam menentukan cara dan masa pelaksanaan wakaf.

Menurut literatur fiqh, wakaf bersyarat dibenarkan selagi penggunaan harta wakaf mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pewakaf dan tidak bertentangan dengan prinsip Syariah (Kahf, 2004). Imam al-Nawawi dalam *al-Muhadzdzab* menjelaskan bahawa pelaksanaan harta wakaf mesti selaras dengan kehendak pewakaf misalnya, jika

wakaf itu ditetapkan untuk kepentingan umum, maka manfaatnya hendaklah digunakan untuk umum; sebaliknya jika diperuntukkan kepada pihak tertentu, maka manfaat tersebut perlu disalurkan kepada pihak tersebut (Ismail, 2010).

Penetapan syarat dalam wakaf merupakan hak mutlak pewakaf, dan ia dianggap sah serta mengikat selagi mana tidak bertentangan dengan hukum Syariah atau tidak menyimpang daripada objektif asal wakaf. Menurut Mughniyah (2015),

terdapat beberapa syarat penting bagi memastikan keabsahan syarat-syarat wakaf yang ditetapkan:

- i. Syarat tersebut mestilah dinyatakan bersama semasa pelaksanaan kontrak wakaf. Jika syarat hanya diniatkan selepas kontrak disempurnakan, maka ia tidak lagi dianggap sah kerana pewakaf sudah tiada hak ke atas harta yang telah diwakafkan.
- ii. Syarat tersebut tidak boleh bertentangan dengan maksud dan tujuan asal wakaf seperti menafikan manfaat kepada masyarakat.
- iii. Syarat juga tidak boleh bercanggah dengan hukum syarak, misalnya mensyaratkan sesuatu yang haram atau meninggalkan yang wajib.

Berdasarkan prinsip-prinsip ini, wakaf amanah boleh dikategorikan sebagai bentuk wakaf bersyarat, kerana penyerahan manfaatnya ditangguhkan sehingga selepas kematian pewakaf. Selagi mana niat dan syarat pewakaf tidak melanggar ketetapan syarak, maka ia sah untuk dilaksanakan. Kontrak wakaf amanah diperkukuh melalui prinsip kontrak amanah, iaitu satu bentuk pengamanahan terhadap harta yang hanya berkuat kuasa selepas kematian pewakaf. Ia selari dengan konsep *wiṣāyah*, iaitu penyerahan kuasa mengurus harta oleh pewakaf kepada *waṣī*, yang akan menunaikan niat dan tanggungjawab tersebut mengikut amanah yang telah ditetapkan.

Oleh itu, pandangan fuqaha memberikan asas yang kukuh terhadap kesahan wakaf amanah sebagai satu instrumen perancangan harta pusaka Islam, dengan syarat ia tidak bercanggah dengan syariat dan memenuhi rukun serta syarat sah wakaf yang telah ditetapkan.

1.10.2.2 Kontrak Amanah

Secara umum, amanah dalam Islam sering kali muncul sebagai hasil dari pembentukan akad. Dalam beberapa situasi, amanah mungkin tidak ada pada awalnya,

tetapi kerana beberapa faktor, amanah dapat terbentuk secara tidak langsung. Contohnya, ketika seorang penjual telah menyelesaikan penjualan barangnya dengan sempurna, namun pembeli meminta untuk sementara waktu memegang harta tersebut hingga transaksi sepenuhnya diselesaikan. Dalam keadaan ini secara tidak langsung penjual merupakan pemegang amanah. Tambahan, pelantikan pemegang amanah dalam Islam juga boleh wujud melalui beberapa akad amanah yang terdiri dari dasar yang berbeza seperti wakalah, wadi'ah dan *wiṣāyah*. Terdapat banyak lagi konsep amanah dalam penggunaan pengurusan harta pusaka, tetapi akad *wiṣāyah* dilihat bersesuaian dengan pelaksanaan wakaf amanah. Konsep *wiṣāyah* berkaitan secara langsung dengan akad wakalah.

Kedua konsep ini merupakan bentuk memberikan kuasa kepada individu lain untuk melakukan urusan atas nama pemberi kuasa. Perbezaan utama antara keduanya terletak pada waktu pelaksanaannya, di mana wakalah dilakukan selama perwakilan masih hidup, sementara *wiṣāyah* dilakukan setelah kematian pembuat amanah. Dengan demikian, dapat dijelaskan bahawa *wiṣāyah* juga merupakan bentuk perwakilan untuk melaksanakan urusan yang dilaksanakan setelah kematian. Oleh kerana matlamat yang selari dengan wakaf amanah, akad *wiṣāyah* dikaji untuk melihat kebolehpasaran kontrak tersebut dari segi pandangan fuqaha dan undang-undang (Said et al., 2019).

Konsep *wiṣāyah* dianggap sebagai strategi yang efektif dalam perancangan harta selepas kematian untuk mempermudah penyelesaian harta. Pendapat ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Zamro (2022), yang menyatakan bahawa *wiṣāyah* sesuai kepada mereka yang memilih instrumen pengurusan harta dengan meletakkan syarat ruqba dalam surat ikatan amanah bagi membolehkan individu yang membuat amanah dapat mengekalkan kawalan penuh terhadap harta tersebut semasa hayat dengan persetujuan daripada penerima.

Tambahan, menurut beliau pembentukan amanah di bawah prinsip *wiṣāyah* mampu menjadikan perancangan harta bersifat fleksibel kerana pembuat amanah berupaya meletakkan beberapa perkara yang perlu ditadbir oleh *waṣī* bagi menjamin hak penerima selepas kematian individu tersebut. Selain itu, menurutnya, pembentukan amanah di bawah prinsip *wiṣāyah* mampu menjadikan perancangan harta lebih fleksibel kerana pembuat amanah berupaya menetapkan beberapa perkara yang perlu ditadbir oleh *waṣī* bagi memastikan hak penerima dipenuhi selepas kematian individu tersebut. Dalam konteks wakaf, *waṣī* yang telah dilantik akan menguruskan proses pemindahan hak milik hartanah kepada penerima wakaf selepas kematian pewakaf.

Dengan pendekatan ini, penamaan hartanah kepada penerima wakaf akan diuruskan oleh *wasī* seperti yang telah ditetapkan selepas kematian pewakaf. Serta semua keperluan dan syarat wakaf telah dipenuhi semasa hayat pewakaf. Oleh itu, konsep amanah bukan sahaja menjaga hak pewakaf tetapi juga berfungsi mempercepatkan pengurusan harta dalam pengurusan harta wakaf dengan melaksanakan semua hak dan arahan yang diberikan oleh pewakaf setelah kematiannya (Mohd Zamro et al., 2022).

Dari perspektif hukum, pelaksanaan *wiṣāyah* adalah sunat tetapi boleh menjadi wajib, bergantung pada keadaan pelaksanaannya. Hukum *wiṣāyah* dianggap sunat ketika seseorang membuat pengamanahan untuk memenuhi hak-hak seperti melunaskan hutang, mengembalikan barang yang dipinjamkan atau disimpan oleh orang lain, menjalankan wasiat, mengurus kesejahteraan anak-anak, dan sebagainya. Menurut literatur fiqh, jika tiada wali (seperti datuk) untuk menjaga harta anak-anak, mengikut pandangan sebahagian ulama, maka bapa boleh memberikan amanah itu kepada individu yang dipercayai untuk memastikan harta anak-anak itu tidak disalahgunakan (Jabatan Mufti WP, 2016). Pendekatan seperti ini menekankan prinsip melindungi harta anak-anak daripada kezaliman dan pengkhianatan, seiring dengan tanggungjawab seorang bapa sebagai pelindung dan penjaga (*wali*).

Pendapat yang serupa juga disampaikan oleh Imam al-Bajuri yang menyatakan bahwa *wiṣāyah* pada dasarnya merupakan amalan sunat, kecuali dalam situasi di mana perlu melindungi hak golongan yang lemah dan tidak ada pihak lain yang dapat membela mereka (Abdullah & Mohd, 2024). Dalam keadaan tersebut, menjadi wajib untuk membuat *wiṣāyah* agar hak mereka tidak terzalimi. Maka dalam konteks wakaf amanah hukum *wiṣāyah* yang diaplikasikan adalah sunat selagi tiada unsur yang bercanggah dengan hukum Syariah, serta sunat bagi menjalankan amalan wakaf berdasarkan pandangan mazhab Hanafi, Maliki, dan Syafi'i, wakaf yang diberikan secara sukarela dianggap sebagai amalan yang dianjurkan *mandūb* atau sunat. Ini berarti bahwa melakukan wakaf adalah perbuatan baik yang dianjurkan (Yusof, 2008).

Dalam konteks amanah harta, prinsip fiqh yang diterapkan adalah suatu perkara dianggap harus sehingga ada bukti yang menyatakan bahwa perkara tersebut haram. Larangan terhadap sesuatu perkara datang dari adanya unsur *gharar* (ketidakjelasan) yang merugikan masyarakat dan membawa dampak negatif seperti *ribā*, *ihtikār* (penyembunyian atau monopoli), *maisir* (perjudian), *istighlāl* (manipulasi), dan sebagainya. Semua ini akan bertentangan dengan prinsip saling membantu (*Ta'āwun*)

dan amalan yang diwajibkan dalam Islam. Amalan pengamanahan harta bukan sahaja bertujuan untuk mencapai matlamat duniawi meletakkan harta pada tempatnya tetapi juga dari sudut rohani bagi memastikan tiada unsur pelanggaran dengan konsep Syariah sepanjang niat dan pelaksanaannya.

Perbezaan yang ketara antara konsep pengamanahan dengan faraid adalah dari segi pelaksanaannya. Ini kerana pengamanahan bukan sahaja menyerahkan pemberian harta kepada pengurusan faraid semata yang beroperasi setelah pemilik harta meninggal dunia, tetapi juga membolehkan perancangan awal dibuat bagi menyalurkan sebahagian harta untuk tujuan tertentu seperti menyelesaikan hutang, melaksanakan wakaf, memberikan hibah, dan lain-lain bentuk sumbangan kebajikan. Kesimpulan yang dapat diambil dari sini adalah peranan pemegang amanah sebenarnya melibatkan aspek yang lebih luas dan perlu dijalankan secara proaktif kerana perkembangan harta dan produk kewangan yang berubah mengikut peredaran masa dan zaman. Amalan *wiṣāyah* juga disandarkan dari amalan yang sudah berlaku sejak zaman Baginda Rasulullah SAW (Yusof, 2008).

Dari segi undang-undang, pembentukan amanah melibatkan pelantikan pemegang amanah yang memiliki tanggungjawab untuk melaksanakan tugas amanah sesuai dengan syarat-syarat dan persetujuan dari pemberi amanah. Undang-undang sivil di Malaysia telah mengakui konsep amanah baik untuk masyarakat Islam mahupun bukan Islam, dimana kuasa pelaksanaan jatuh kepada pengamanahnya, sama ada dilakukan semasa hidup atau setelah meninggal dunia (Akmal Hidayah, 2017). Konsep disini dikenali sebagai amanah sivil. Namun, perlu diingat bahwa keberadaan akta berkaitan amanah saat itu tidak dapat dijadikan panduan untuk membahas peraturan-peraturan berkaitan dengan harta amanah orang Islam (Abdullah Muhamad, 2006). Ini disebabkan oleh pembentukan akta tersebut didasarkan pada konsep hukum Inggris dan bersifat terlalu umum untuk dijadikan acuan dalam menciptakan produk-produk yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Oleh itu, pelaksanaan konsep amanah yang berlandaskan Syariah perlu diterapkan bagi membenarkan penggunaannya terhadap pengurusan harta muslim.

Umumnya, Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) dan Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100) dianggap sebagai tunjang rujukan utama dalam perundang-undangan berkaitan amanah sivil di Malaysia. Terdapat juga akta-akta lain yang berkaitan dengan pengamanahan yang terpakai dalam perundangan. Serta terdapat beberapa syarat yang dikenakan bagi pengurusan harta umat Islam yang tidak terpakai

oleh orang bukan islam. Bagi pengamanahan berteraskan konsep *wiṣāyah*, pelaksanaannya harus mengikuti rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh Syariah. Apabila seseorang bersetuju untuk menjadi *waṣī*, maka menjadi tanggungjawabnya untuk menjalankan segala urusan yang dipercayakan kepadanya. Dalam konteks undang-undang Islam, seorang wakil dianggap sebagai pemegang amanah terhadap semua urusan yang berada di bawah tanggungjawabnya. *Waṣī* diwajibkan untuk menjalankan segala tugas yang telah dipercayakan kepadanya sesuai dengan ketentuan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pembuat amanah selama hidupnya. Indikator yang membezakan *wiṣāyah* dari undang-undang sivil pemegang amanah adalah pelantikan seorang *waṣī* perlu mematuhi beberapa syarat seperti berakal, baligh, merdeka, adil dan seorang yang Islam (al-Sharbini 1978; Ibn Qudamah t.th.).

Maka berdasarkan syarat ini *waṣī* yang bukan beragama Islam tidak akan dapat kendalikan sebarang pengurusan harta bagi orang Islam. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisa' ayat 141

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

Terjemahan:....dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman. (al-Nisa': 141)

Ayat ini menjelaskan larangan memberi kuasa atau kedudukan yang boleh mengawal kepentingan umat Islam kepada bukan Islam, hal ini termasuk mengurus harta wakaf. Maka, syarak tidak mengiktiraf kedudukan seorang kafir untuk melakukan transaksi. Disamping itu, berdasarkan perundangan konsep yang digunakan bagi wakaf amanah telah mempunyai sandaran dari segi pandangan fuqaha dan perundangan di Malaysia. Tambahan, bersandarkan dari perundangan Islam, konsep yang sama seperti wakaf amanah seperti hibah amanah yang telah berjaya dilaksanakan berteraskan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (Majlis Fatwa) dalam mesyuarat kali ke-56. Tuntasnya dari segi perundangan dan fatwa wakaf amanah dilihat mempunyai potensi untuk menjadi sebuah aplikasi dan produk yang mampu dipasarkan bagi menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh umat Islam dan memberikan kemudahan dari sudut pengurusan harta Islam (Said et al., 2019).

1.10.3 Kepentingan Terhadap Pengurusan Harta Pusaka

Pengurusan harta dalam Islam bukan sekadar pemilikan atau penggunaan harta semata-mata, ia melibatkan penghayatan prinsip-prinsip Syariah yang mencorakkan setiap aspek kehidupan. Sistem faraid, sebagai satu aspek dalam pengurusan harta, memainkan peranan penting dalam memastikan pembahagian harta secara adil dan saksama. Othman (2006) telah memberikan konsep perancangan harta dalam Islam yang menyeluruh, di mana perancangan harta merujuk kepada suatu strategi yang boleh dilaksanakan oleh seseorang semasa hayatnya untuk mendapatkan, mengurus, dan mengagihkan harta kepada waris-waris dan benefisiari. Konsep ini juga menekankan pentingnya budi bicara dan keadilan dalam proses pengagihan harta. Selain itu, perancangan harta dalam konteks ini juga memungkinkan seseorang untuk mengawal, memantau, dan memanfaatkan harta tersebut untuk kepentingan penerima, diri sendiri, dan keluarga semasa hayat dan selepas kematian.

Untuk memastikan pengurusan harta yang baik dan menyeluruh, Islam tidak hanya menganggap harta sebagai penentu kebahagiaan manusia di dunia, tetapi juga menghubungkannya dengan sumbangan terhadap kebahagiaan di akhirat. Islam telah mengetengahkan beberapa aspek berkaitan pengurusan dan perancangan harta bagi umatnya, bertujuan agar harta yang dimiliki dapat diuruskan dengan cermat dan efisien. Perancangan dan pengurusan harta ini terbahagi kepada dua dimensi utama, iaitu perancangan semasa pemilik harta masih hidup dan perancangan yang berlaku selepas kematian pemilik harta. Dengan menitikberatkan kedua-dua aspek ini, Islam menetapkan landasan bagi umatnya untuk menguruskan harta dengan bijaksana sepanjang hayat mereka, sambil memastikan kelangsungan dan manfaat harta yang dimiliki setelah kematian. Berikut aspek perancangan harta yang dititik beratkan oleh kajian:

- i. Kedudukan perancangan harta dalam Islam

Dalam Islam, perancangan bukanlah suatu idea yang baru malahan ia adalah mekanisme penting untuk mencapai matlamat dalam pelbagai aspek. Ayat 18 dalam Surah al-Hasyr menunjukkan betapa pentingnya merancang untuk mencapai kejayaan. Allah SWT menyaranakan agar umat Islam untuk sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan. Dengan melakukan persiapan tertentu, seseorang secara tidak langsung terlibat dalam proses perencanaan. Pengajaran dapat diambil dari kisah Nabi Yusuf a.s,

yang bertindak sebagai perancang untuk menyelamatkan rakyat Mesir dari bencana. Nabi Yusuf a.s diberi tanggungjawab untuk merancang ekonomi Mesir dengan menyimpan hasil tanah dan pendapatan untuk menghadapi masa sulit selama tujuh tahun mendatang. Rancangan tersebut berhasil menyelamatkan rakyat Mesir dan negara tetangganya dari kelaparan yang dahsyat. Oleh itu, dengan adanya berbagai bentuk instrumen dalam Islam seperti wakaf, hibah, wasiat, dan amanah, yang mengikuti prinsip-prinsip berteraskan hukum Syariah, dapat memenuhi niat dan keinginan pemilik harta terhadap kekayaannya. Instrumen-instrumen ini, wujud untuk pembahagian harta atau pemindahan hak milik dalam Islam serta dapat diterapkan dalam berbagai situasi, baik semasa hidup maupun setelah kematian pemilik harta (Hasbulah & Daud, 2015).

ii. Tanggungjawab sebagai khalifah

Islam diakui sebagai ajaran yang sempurna yang diturunkan kepada manusia sebagai panduan hidup yang memenuhi setiap keperluan mereka di dunia dan akhirat. Setiap perbuatan manusia telah ditetapkan dan dipersiapkan oleh Allah (s.w.t) untuk mereka akan baik dan buruknya. Setiap tindakan manusia seharusnya memiliki tujuan utama, termasuk dalam konteks perencanaan harta. Objektif atau maqasid hukum Islam adalah untuk melindungi kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat. Maqasid Syariah, menurut al-Zuhayli, mencakup nilai-nilai dan tujuan Syariah yang tersirat dalam sebagian besar atau seluruh hukumnya. Maka sebagai umat Islam, wajar bagi perancangan harta tersebut dilaksanakan. Hal ini kerana kita di amanahkan untuk menjadi pemimpin di muka bumi ini. Maka segala bentuk kemudahan dan pemberian daripada Allah SWT perlu di uruskan dengan efesien dan baik. Oleh itu, tanggungjawab jatuh kepada umat Islam untuk memastikan perancangan harta pusaka dititikberatkan sekaligus bukan sahaja menjadi perancang harta yang baik juga telah berusaha menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah (Yaakob et al.,2020)

iii. Aset Beku

Pengurusan harta yang berkesan adalah penting untuk memastikan harta digunakan secara konsisten di pelbagai sektor, memudahkan pertumbuhannya, dan menyokong penggunaannya secara meluas dan menyeluruh. Pengurusan harta memainkan peranan penting dalam memastikan peredaran harta yang cekap mengikut prinsip undang-undang syarak, dengan demikian memudahkan manfaatkam oleh masyarakat dan negara. Pembekuan harta adalah tindakan undang-undang yang

melibatkan sekatan terhadap akses kepada harta seseorang, menghalang penggunaannya untuk tujuan peribadi atau sumbangan keagamaan. Walaupun milik harta berada pada individu, manfaat dan peredaran harta tersebut adalah berkongsi antara rakan kongsi pemilik harta dan masyarakat secara menyeluruh. Tindakan membekukan harta boleh membawa akibat buruk kepada individu yang terlibat, serta kepada umat Islam dan ekonomi keseluruhan negara. Sehingga kini, jumlah yang belum dibayar kirakira RM66 bilion kerana belum diuruskan secara efektif oleh pihak waris (Sinar Harian, 2019). Oleh hal yang demikian pengurusan harta perlu di ketengahkan dalam kalangan masyarakat kini bagi memastikan isu tersebut dapat dikurangkan dan di tangani.

Walaupun Islam telah menawarkan pelbagai mekanisme sebagai alternatif bagi umat Islam untuk mengatur dan mentadbir harta mereka sepanjang hayat, dengan tujuan untuk memastikan nikmat dan keuntungan bagi waris-waris mereka selepas pemilik harta itu meninggal dunia. Salah satu pilihan yang terdapat bagi umat Islam untuk menguruskan harta mereka adalah dengan memilih pentadbir harta semasa yang boleh memudahkan proses pembahagian mengikut faraid, serta terlibat dalam aktiviti wakaf dan pemberian (Hibah) (Ahmad, 2008). Namun begitu, data yang berkaitan permasalahan yang melibatkan aset beku terus meningkat sepanjang tahun. Oleh itu, adalah penting untuk menjalankan usaha berterusan bagi mengatasi dan menyelesaikan cabaran-cabaran tersebut (Hassin et al., 2016). Maka, kajian ini bertujuan untuk menyiasat potensi pendekatan baru terhadap wakaf yang dikenali sebagai wakaf amanah.

1.11 Kepentingan Kajian

Penyelidikan yang menumpukan kepada pembangunan instrumen baharu berasaskan konsep wakaf dalam Islam memiliki pelbagai impak signifikan yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak. Pertama sekali, wakaf merupakan satu mekanisme penting dalam kewangan Islam yang mempunyai kesan langsung terhadap pembangunan sosioekonomi umat Islam. Melalui pelaksanaannya, wakaf berpotensi memperluaskan rangkaian produk kewangan Islam yang boleh diakses oleh umat Islam dan seterusnya mengoptimumkan penggunaan aset dalam sektor wakaf secara lebih cekap. Hal ini mampu menyumbang ke arah penyatuan sektor kewangan Islam dan memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara-negara Islam (Graiss & Ahmed, 2014).

Kepentingan kajian ini boleh dihuraikan mengikut empat kelompok sasaran utama seperti berikut:

i. Komuniti

Kajian ini dapat memberikan manfaat besar kepada komuniti Islam. Wakaf amanah sebagai satu bentuk wakaf yang membolehkan individu mewakafkan sebahagian hartanya untuk tujuan kebajikan selepas kematiannya selaras dengan kehendak Syariah. Aplikasi ini dapat mengurangkan konflik dan pertikaian dalam kalangan ahli keluarga berhubung dengan harta pusaka, yang sering kali menjadi punca tekanan emosi dan perpecahan keluarga. Secara tidak langsung, ia menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang lebih harmoni dan kohesif. Selain itu, ia juga memupuk budaya memberi serta meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kebajikan, sekaligus memperkukuhkan kesejahteraan sosial secara menyeluruh.

ii. Ekonomi

Pelaksanaan wakaf amanah selepas kematian dilihat mampu merangsang pembangunan ekonomi melalui pengumpulan dana wakaf yang berterusan. Dana ini boleh disalurkan kepada pelbagai inisiatif pembangunan sosial seperti pembinaan sekolah, hospital, rumah anak yatim dan projek infrastruktur lain. Kewujudan projekprojek wakaf yang terancang dan berdaya saing dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan asas, lantas membolehkan sumber kerajaan digunakan untuk pembangunan lain. Kesannya, ekosistem ekonomi akan menjadi lebih mampan dan menyeluruh, memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

iii. Dasar Awam

Hasil kajian ini juga lazimnya memberikan maklumat penting kepada pembuat dasar, khususnya dalam memperkukuh kerangka perundangan dan pentadbiran wakaf di Malaysia. Wakaf amanah mempunyai potensi untuk dijadikan model dasar baharu yang menyokong agenda pemerikasaan ekonomi umat Islam melalui perancangan harta yang lebih cekap, cepat dan cekap dari segi kos. Selain itu, ia selari dengan usaha kerajaan yang ingin meningkatkan tahap inklusiviti kewangan dan memperkenalkan instrumen wakaf yang memenuhi keperluan masyarakat moden. Kajian sebegini menyediakan asas empirikal bagi reformasi dasar, seperti penambahbaikan Akta Pengurusan Amanah, garis panduan wakaf keluarga, atau integrasi wakaf ke dalam sistem perlindungan sosial negara

iv. Institusi Kewangan Islam dan Pengurusan Wakaf

Institusi kewangan Islam, MAIN dan perbadanan wakaf boleh memanfaatkan dapatan kajian ini bagi membangunkan produk wakaf amanah yang lebih sistematik, selamat dan patuh Syariah. Dengan memperkenalkan instrumen wakaf selepas kematian, institusi dapat memperluas tawaran produk mereka, meningkatkan penyertaan masyarakat dalam pelaburan sosial, serta mewujudkan peluang pembangunan aset jangka panjang. Kajian ini juga menyediakan asas operasional untuk membangunkan SOP, model pemantauan dan struktur tadbir urus wakaf amanah yang lebih telus.

v. Negara

Di peringkat negara, penyelidikan ini berpotensi menyokong agenda pembangunan sosial dan ekonomi secara lebih meluas. Dengan memperkukuh budaya pemberian amal seperti wakaf amanah, kerajaan boleh menggalakkan penubuhan dana sosial yang berfungsi menangani isu-isu masyarakat seperti kemiskinan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan pembinaan prasarana. Budaya wakaf yang mantap juga mampu memupuk semangat tanggungjawab sosial dan penglibatan sivik dalam kalangan rakyat, serta menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang prihatin dan bersatu.

vi. Penyelidikan Masa Hadapan

Kajian ini turut menyediakan asas kukuh kepada penyelidikan-penyelidikan seterusnya dalam bidang wakaf, kewangan Islam dan perancangan harta. Ia membantu memperluas pemahaman terhadap konteks sejarah, kerangka undang-undang serta amalan semasa berkaitan wakaf amanah. Para akademik pada masa akan datang boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk mengembangkan elemen-elemen wakaf secara lebih terperinci, mengenal pasti amalan terbaik dan merangka cadangan dasar yang bersifat strategik dan mampan. Ini sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan literatur akademik dalam bidang kewangan Islam dan kebajikan masyarakat.

Kesimpulannya, penyelidikan terhadap pembangunan instrumen Islam kontemporari seperti wakaf amanah bukan sahaja memperkaya inovasi kewangan Islam, malah berpotensi memperkukuh dasar awam, meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memodenkan operasi institusi kewangan (Abd Mutalib & Maamor,

2018). Dari sudut dasar awam, wakaf amanah dapat menjadi pelengkap sistem kebajikan melalui pembentukan dana sosial yang mampan dan berstruktur. Bagi masyarakat, instrumen ini mengukuhkan budaya pemberian dan tanggungjawab sosial selaras dengan gagasan Ibn Khaldun mengenai perpaduan, keadilan dan pengurusan harta yang baik sebagai asas kemakmuran sosial (Rizkiah & Chachi, 2020). Selain itu, wakaf amanah turut mencerminkan prinsip ekonomi etika Islam yang menekankan keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat. Dari perspektif institusi kewangan Islam, instrumen ini membuka peluang kepada pembangunan produk patuh Syariah yang lebih inklusif dan inovatif, seterusnya memperkukuh agenda *financial inclusion* (Kamaruzaman & Ishak, 2023). Oleh demikian, kajian ini memberikan sumbangan signifikan kepada literatur dan menyediakan asas kukuh bagi pembentukan polisi serta pembangunan produk kewangan Islam masa hadapan.

1.12 Kesimpulan

Selaras dengan objektif utama penyelidikan ini iaitu untuk menilai kebolegunaan wakaf dalam sektor kewangan Islam, kajian ini bertujuan untuk menawarkan satu mekanisme alternatif dalam pengurusan harta pusaka yang sering dianggap rumit dan mencabar disebabkan pelbagai faktor luaran seperti kelewatan proses, pertikaian waris, dan kekangan perundangan.

Diharapkan bahawa hasil kajian ini bukan sahaja dapat memberi sumbangan terhadap penyelesaian isu tersebut, bahkan juga dapat meningkatkan tahap kebertanggungjawaban institusi wakaf dalam melaksanakan hasrat pewakaf selaras dengan prinsip Syariah. Dalam masa yang sama, penemuan ini juga dijangka akan memperkukuhkan keyakinan masyarakat terhadap produk berasaskan wakaf, serta menggalakkan penyertaan lebih aktif dalam inisiatif wakaf sebagai satu instrumen perancangan harta yang berdaya guna dan patuh Syariah.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan beberapa konsep asas yang menjadi kerangka utama kajian, iaitu konsep wakaf, konsep amanah, konsep wakaf amanah, peranan pemegang amanah serta pemegang amanah gantian. Perbincangan turut meneliti hubungan antara wakaf dengan pembangunan ekonomi, sebelum ditutup dengan kesimpulan yang merangkumkan keseluruhan perbincangan bab ini.

2.2 Pengenalan

Wakaf merupakan konsep yang kaya dengan nilai keagamaan dan sosioekonomi dalam Islam. Berdasarkan kajian literatur, terdapat beberapa definisi wakaf yang diajukan oleh ulama, memberikan gambaran holistik mengenai asas dan makna wakaf serta hubungannya dalam konteks agama dan masyarakat Islam. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa wakaf adalah instrumen penting dalam pembangunan sosial dan keagamaan, serta memberikan kesan yang signifikan dalam menangani pelbagai cabaran sosioekonomi dalam masyarakat Islam (Khaf, 2004).

Dalam konteks keagamaan, wakaf bukan sekadar pemindahan hak milik harta tetapi turut mencerminkan komitmen mendalam terhadap prinsip-prinsip Islam dan kebajikan sosial. Wakaf merupakan perbuatan sukarela di mana seseorang individu menyumbangkan harta atau aset mereka seperti tanah, bangunan atau wang, dengan niat beribadah kepada Allah SWT. Tindakan ini menggambarkan kesetiaan dan kepatuhan kepada ajaran agama serta keprihatinan terhadap kesejahteraan ummah. Melalui wakaf, individu menyerahkan hak milik mereka kepada Allah SWT dan menetapkan penggunaannya bagi tujuan amal yang berterusan seperti pembinaan masjid, sekolah, hospital atau rumah kebajikan, yang manfaatnya terus mengalir kepada masyarakat walaupun setelah pewakaf meninggal dunia (Yaacob, 2013).

Memahami prinsip wakaf secara menyeluruh membolehkan kita menghargai peranannya dalam memperkukuhkan kelestarian sosial dan rohani dalam masyarakat Islam. Wakaf menyumbang kepada pembangunan holistik yang melibatkan aspek

rohani, mental dan fizikal, dengan objektif melahirkan individu yang bertakwa, pemurah dan bersifat penyayang. Ia menggalakkan amalan berkongsi, menghapuskan sifat kedekut, dan mengurangkan kebergantungan terhadap harta duniawi. Secara tidak langsung, wakaf turut memperkukuh hubungan persaudaraan sesama Muslim dan memupuk semangat kerjasama serta tanggungjawab sosial. Dalam hal ini, wakaf berperanan sebagai jambatan spiritual untuk mencapai keredaan Allah SWT melalui pengagihan harta secara bermanfaat kepada masyarakat (Akmal Hidayah & Tajul Aris, 2017).

Dalam perspektif undang-undang Islam, wakaf merupakan aspek penting dalam kehidupan beragama dan ekonomi umat Islam. Amalan ini telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW dan terus diamalkan hingga kini oleh para sahabat dan generasi seterusnya. Harta yang telah diwakafkan dianggap sebagai milik Allah SWT yang tidak boleh dijual, diwarisi atau dipindah milik, sebaliknya hanya digunakan untuk tujuan yang ditetapkan pewakaf (Kahf, 2004). Islam melihat kekayaan material sebagai amanah yang mampu berkembang nilainya jika dimanfaatkan secara produktif. Pemeraksanaan amalan wakaf juga dapat difahami melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Humazah ayat 1–2 menyebut:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ۝ الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ ۝

Terjemahan: “Celakalah bagi setiap pengumpat lagi pencela yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitung”

(Surah al-Humazah: 1-2)

Ayat ini mencela individu yang menimbun harta tanpa menggunakannya untuk manfaat umat. Justeru, Islam menggalakkan pelaburan harta melalui wakaf agar hasilnya dimanfaatkan untuk kebajikan masyarakat dan kesejahteraan ummah. Tambahan pula, firman Allah SWT dalam Surah 'Ali-'Imrān ayat 115:

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ۝

Terjemahan: “Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat

pahalanya) dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa.”

(Surah 'Ali-'Imrān 3: 115)

Ayat ini membuktikan bahawa segala bentuk kebaikan yang dilakukan akan diperhatikan oleh Allah SWT, termasuklah amal kebajikan seperti wakaf yang merupakan salah satu daripadanya.

Wakaf memupuk kepentingan melaburkan harta dan menggunakan hasilnya untuk manfaat umat manusia. Ayat al-Quran tersebut menekankan keutamaan menjadikan harta wakaf sebagai sumber yang sentiasa berkembang agar dapat memberikan faedah secara berterusan. Wakaf merupakan satu bentuk ibadah yang berpanjangan dan berkesan dalam jangka masa panjang, kerana manfaatnya tidak terputus walaupun pewakaf telah meninggal dunia. Oleh itu, menjadi tanggungjawab umat Islam untuk membangunkan dan menguruskan aset wakaf, khususnya tanah wakaf, kerana ia mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam (Ahmad Termizi, 2019).

2.3 Konsep Wakaf

2.3.1 Wakaf Dari Sudut Bahasa

Perkataan wakaf berasal daripada bahasa Arab, iaitu *waqafa-yaqifu-waqfan*, yang membawa makna asal seperti "menahan", "menghalang", atau "membekukan" sesuatu. Ia juga merujuk kepada tindakan mengekang atau membatasi pemilikan, seperti dalam ungkapan *waqafu* yang bermaksud "aku mewakafkannya" (Ibn Qudāmah, t.t). Selain itu, istilah *wakaf* merupakan kata terbitan (*masdar*) daripada kata kerja *waqafa*, yang dalam konteks bahasa membawa makna *al-qat'* iaitu "berhenti" atau "menahan" sesuatu (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 2004). Beberapa istilah lain turut digunakan untuk merujuk kepada konsep wakaf, antaranya ialah *al-habs* (dari kata akar *habasa*) yang bermaksud "menahan", seperti yang terkandung dalam hadis Nabi SAW:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَصَابَ عُمَرُ بِخَيْبَرَ أَرْضًا فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَصَبْتُ أَرْضًا لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ مِنْهُ، فَكَيْفَ تَأْمُرُنِي بِهِ قَالَ " إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ". فَتَصَدَّقَ عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، فِي الْفُقَرَاءِ وَالْقُرْبَى وَالرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالصَّنِيفِ وَابْنِ السَّبِيلِ، وَلَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Umar r.a., beliau berkata: “Umar memperoleh sebidang tanah di Khaibar lalu datang kepada Nabi SAW dan berkata: ‘Aku mendapat sebuah tanah yang tidak pernah aku perolehi harta semahal ini; bagaimana pendapat Baginda?’ Baginda SAW bersabda: ‘Jika engkau mahu, habiskan (habsa) pokok (asli)nya dan dermakan hasilnya.’” Kemudian Umar mewakafkan tanah itu: ia tidak dijual, dihadiahkan apatah lagi diwariskan hasilnya digunakan untuk fakir, kaum kerabat, kemerdekaan hamba, *fi sabilillah*, tetamu, musafir, dan pentadbirnya boleh mengambil makanan secukupnya serta memberi makan sahabat yang tiada sumber.”

(Hadis riwayat al-Bukhārī. No. Ḥadīth 2772, Bāb: Kayfa yuktabu al-waqf. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī)

Hadis ini juga membuka ruang ijtihad dalam isu wakaf mu‘abbad (kekal) dan wakaf muaqqat atau bersyarat (bertempoh). Ulama Mazhab Syafi‘i menekankan bahawa wakaf hendaklah bersifat kekal, kerana lafaz *habsa al-aṣl* difahami sebagai menahan pokok harta secara mutlak. Namun, Mazhab Maliki membenarkan wakaf bersyarat atau bertempoh atas dasar masalah, selagi mana syarat itu tidak membatalkan tujuan wakaf asal. Pandangan Maliki ini memberi asas kepada konsep wakaf amanah kontemporari, di mana pewakaf boleh menetapkan syarat tertentu seperti tempoh,

bentuk pengurusan, atau pihak penerima manfaat, selagi tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

Selain itu, istilah *al-man'* juga digunakan, yang merujuk kepada maksud menegah atau membekukan, manakala *tasbīl* pula merujuk kepada penyerahan sesuatu di jalan Allah SWT. Walaupun istilah-istilah ini berbeza dari sudut lafaz, namun secara asasnya kesemuanya menyampaikan makna *penahanan pemilikan* harta dan penyaluran manfaatnya untuk tujuan kebajikan yang berkekalan.

2.3.2 Wakaf Dari Sudut Istilah Syarak

Dari segi istilah syarak, para ulama telah mengemukakan pelbagai definisi dan pengertian mengenai konsep wakaf yang mencerminkan kepelbagaian aspeknya. Secara umumnya, wakaf dianggap sebagai satu bentuk dedikasi harta yang melibatkan pengorbanan ke arah mendekati diri kepada Allah SWT (*taqarrub ilā Allāh*), iaitu suatu pemberian yang berkekalan demi matlamat khusus bagi memajukan kebajikan masyarakat (Abu Zuhrah, 1972; Cizacka, 1998).

2.3.2.1 Wakaf menurut Mazhab Syafi'i

Konsep wakaf mengikut pendapat al-Imām Ja'far al-Ṣādiq sebahagian dari Mazhab Imam al-Syafi'i, wakaf membawa pengertian menahan sesuatu harta daripada berpindah milik dan digunakan manfaatnya, definisi ini bermaksud seseorang yang memberi wakaf hilang hak miliknya terhadap harta yang diwakafkan itu, iaitu harta tersebut telah bertukar milik kepada penerima wakaf. Serta menurut pandangan ulama dalam Mazhab al-Syafi'i, wakaf bermaksud menahan harta yang boleh diperolehi manfaatnya dan digunakan untuk tujuan yang harus (*mubah*), tanpa menghapuskan hak milik asal *'ayn* sesuatu harta (Al-Qalyūbī, t.t). Ini bermaksud wakaf membenarkan pemindahan hak milik daripada pewakaf kepada penerima wakaf untuk kegunaan yang diperlukan, sementara harta asalnya kekal. Muhammad al-Sharbini al-Khatib, seorang ulama dalam Mazhab al-Syafi'i, mendefinisikan wakaf sebagai tindakan menahan harta yang boleh memberi manfaat, dengan memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf untuk diberikan kepada penerima yang dibenarkan (Perdana & Barlinti, 2023). Definisi ini menekankan pengekalan harta wakaf, serta melarang penjualan, pemberian, pewarisan, dan sebarang hak lain yang dimiliki sebelum harta itu diwakafkan, kerana

harta tersebut telah menjadi kepunyaan Allah dan bukan lagi kepunyaannya. Penerima hanya memperoleh manfaat daripadanya dan bertanggungjawab menjaganya dengan baik.

Secara keseluruhan, definisi wakaf menurut Mazhab al-Syafi'i menegaskan bahawa harta wakaf haruslah sesuatu yang boleh dimanfaatkan, kekal, dan tidak boleh dipindah milik, serta digunakan untuk kebajikan. Pewakaf tidak lagi memiliki kuasa ke atas harta yang diwakafkan, sementara penerima wakaf memperoleh manfaatnya selagi harta tersebut masih dapat dimanfaatkan dan pahala yang berterusan kepada pemberi wakaf.

2.3.2.2 Wakaf menurut Mazhab Hanafi

Pandangan Mazhab Imam Abu Hanifah terhadap wakaf menyatakan bahawa wakaf melibatkan penahanan hak milik 'ayn harta oleh pewakaf, sementara manfaatnya digunakan untuk tujuan kebajikan. Dari segi pemilikan, mazhab ini berpendapat bahawa harta yang diwakafkan tetap menjadi milik pewakaf dan boleh diperdagangkan selama pewakaf masih hidup. Namun, setelah kematian pewakaf, harta tersebut menjadi sebahagian daripada harta pusaka yang diwarisi. Mazhab ini juga menekankan bahawa wakaf adalah satu bentuk penggunaan manfaat harta untuk kebajikan (Mustafa al-Syak'ah, 1987).

Dalam konteks harta wakaf, terdapat tiga cara yang diamalkan untuk pemindahan milik, sebagaimana disusun oleh Ibn 'Ābidīn (1978). Pertama, melalui keputusan mahkamah yang dibuat berdasarkan hukum syarak yang relevan. Kedua, melalui penulisan wasiat yang sah dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Ketiga, harta boleh diwakafkan secara khusus untuk kegunaan masjid. Juga penting untuk di tekankan bahawa barang yang telah diwakafkan masih dianggap sebagai milik *wāqif*. Oleh itu, *wāqif* mempunyai hak untuk mengambil semula barang yang telah diwakafkan tersebut. Namun begitu, dalam konteks pemindahan harta wakaf, penting juga untuk mempertimbangkan pendapat Abu Hanifah yang menyatakan bahawa wakaf adalah suatu keharusan dan tidak kekal. Ini bermakna, *wāqif* juga berhak untuk menjual harta wakaf tersebut jika diperlukan.

Oleh itu mengikut takrifan yang diberikan oleh Mazhab Hanafi dapat disimpulkan bahawa harta yang diwakafkan untuk tujuan kebajikan tetap dianggap sebagai milik pewakaf. Dalam konteks ini, pewakaf masih memegang kuasa terhadap

harta yang telah diwakafkan, termasuklah hak untuk menjual, menghibah, dan melakukan tindakan lain yang berkaitan. Ini disebabkan dalam pandangan Mazhab Hanafi, wakaf adalah tentang penggunaan manfaat semata-mata, bukanlah mengenai hak milik 'ayn harta tersebut.

2.3.2.3 Wakaf menurut Mazhab Maliki

Mazhab Maliki, seperti yang dijelaskan oleh Wahbah al-Zuhayli (1985), menggambarkan wakaf sebagai tindakan mewakafkan harta tertentu untuk mendapat manfaatnya, sama ada melalui persewaan atau pemberian wang ringgit kepada penerima manfaat yang ditetapkan melalui akad dengan tempoh yang dikehendaki oleh pewakaf. Dalam konteks ini, pewakaf memegang harta tersebut dan menggunakan hasilnya untuk tujuan kebajikan, sementara harta itu tetap sebagai milik pewakaf sehingga suatu masa yang telah ditetapkan, dan tidak diwajibkan untuk selama-lamanya.

Oleh itu, konsep pemilikan dalam konteks wakaf menurut Mazhab Maliki merujuk kepada pemilikan zat (harta) atau pemilikan manfaat. Implementasi wakaf mengikut pandangan ini tidak melibatkan pemutusan hak milik pewakaf terhadap harta wakaf, namun pewakaf tidak dibenarkan menggunakan harta tersebut untuk tujuan lain selain daripada tujuan yang telah ditetapkan semula. Ini menegaskan bahawa wakaf, dalam konteks Mazhab Maliki, adalah mengenai penggunaan manfaat harta untuk kebajikan tanpa mengubah hak milik harta tersebut. Al-Sanhuri menyatakan bahawa Mazhab Maliki tidak meletakkan syarat wakaf untuk bersifat kekal. Sebaliknya, ia membenarkan wakaf sementara dengan menetapkan satu tempoh tertentu, seperti contohnya mewakafkan harta sehingga *waqif* atau penerima manfaat yang ditetapkan meninggal dunia (Bachtiar et al., 2025).

Terdapat persamaan di antara pendapat Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki terhadap wakaf, di mana wakaf tidak diwajibkan kekal selama-lamanya. Pewakaf juga diberi kebebasan untuk menetapkan syarat-syarat tertentu atas harta yang diwakafkan, dan dalam sesetengah keadaan, pewakaf mempunyai hak untuk memiliki semula harta wakaf pada masa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, penting untuk dinyatakan bahawa pewakaf tidak dibenarkan menggunakan harta yang telah diwakafkan itu pada tempoh tertentu. Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh wakaf, pewakaf tidak memegang kuasa terhadap harta tersebut, tetapi hak milik kembali kepada pewakaf apabila tempoh perwakafan berakhir.

2.3.2.4 Wakaf menurut Mazhab Hanbali

Menurut prinsip umum wakaf dalam fiqh Islam, termasuk pandangan Imam Ahmad bin Hanbal, wakaf ialah suatu tindakan menahan hak milik sesuatu harta daripada berpindah kepada pihak lain dan mengalirkan manfaatnya secara berterusan kepada pihak penerima wakaf. Harta wakaf hendaklah bersifat kekal dan tidak boleh dijual atau diwarisi, melainkan dalam keadaan tertentu yang diharuskan oleh syarak. Pewakaf tidak dibenarkan untuk mengambil manfaat peribadi daripada harta yang telah diwakafkan. Namun, sekiranya harta wakaf tersebut sudah tidak lagi bermanfaat atau berlaku keadaan darurat, Imam Ahmad membenarkan amalan *istibdal* (penggantian harta wakaf) dengan syarat hasil penjualan digunakan untuk memperoleh harta wakaf lain yang setara atau lebih bermanfaat, dan proses ini hendaklah dilaksanakan dengan kebenaran pihak berautoriti seperti hakim atau nazir, agar tujuan wakaf terus terpelihara (Ibn Qudāmah, 1985; al-Bahūtī, 1983).

Secara menyeluruh, konsep wakaf menurut Mazhab Hanbali adalah menahan secara mutlak kebebasan pemilik harta daripada menggunakan harta tersebut (harta wakaf) bagi tujuan selain kebaikan yang bermanfaat. Harta wakaf hendaklah kekal, dan hak pemilikan terhadapnya terputus sepenuhnya daripada pewakaf. Ini bermaksud *waqif* menyerahkan hartanya secara keseluruhan untuk tujuan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Prinsip ini sejajar dengan pandangan Mazhab Syafi'i yang menegaskan bahawa harta wakaf tidak boleh dijual, dihibahkan, atau diwariskan kepada mana-mana individu (Ibn Qudāmah, 1985; al-Bahūtī, 1983).

Daripada analisis definisi yang diberikan oleh para ulama mazhab, dapat dirumuskan bahawa harta wakaf mempunyai pelbagai fungsi penting bagi individu dan masyarakat. Wakaf merupakan amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan menyerahkan harta tersebut bagi tujuan kebaikan umum, sesuai dengan tuntutan syariat Islam, sambil mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Pemberian harta wakaf adalah bersifat kekal, kecuali menurut pandangan Mazhab Maliki yang mengizinkan wakaf bersifat sementara atau bertempoh (Al-Dusūqī, *t.t*).

Selain itu, wakaf adalah bentuk ibadah yang dilakukan secara sukarela tanpa paksaan. Segala penggunaannya hendaklah untuk kepentingan yang diredai oleh agama dan memenuhi keperluan masyarakat Islam secara menyeluruh, bukan semata-mata untuk kepentingan peribadi. Justeru, ibadah wakaf mempunyai kepentingan yang besar dalam Islam, bukan sekadar sebagai medium memperoleh pahala daripada Allah SWT,

tetapi juga sebagai mekanisme penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam secara keseluruhan.

2.3.3 Pensiariatan Wakaf

Wakaf merupakan ibadah yang berbentuk pemberian jariah yang menjanjikan pahala yang berkekalan malahan ditegaskan seseorang itu tidak akan mencapai amal soleh dan mendapatkan kebaikan sehinggalah beliau menginfakkan sebahagian daripada harta yang kalian cintai. Perkara ini ditegaskan dalam surah Ali Imran, yang membawa maksud (Permana & Rukmanda, 2021):

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Terjemahan: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

(Surah Ali 'Imrān 2: 92)

Ayat di atas mencerminkan bahawa mencapai kesempurnaan kebajikan melibatkan pengorbanan sebahagian daripada harta yang dihargai. Memberikan sedekah atau mewakafkan harta tidak bermakna memberi semua, tetapi sebahagian daripadanya dan ia harus datang dari harta yang disayangi, bukan yang tidak disayangi. Penafsiran ini juga memberikan gambaran yang jelas bahawa tidak perlu bimbang tentang kehilangan atau penyesalan atas pemberian yang ikhlas kerana apa yang diberikan sama ada dari harta yang disukai atau tidak disukai Allah mengetahui sepenuhnya. Dalam konteks ini, Dia akan memberi ganjaran sama ada di dunia atau di akhirat dan Allah mengetahui segala-galanya dan akan memberi balasan yang setimpal kepada sesiapa yang memberi (Firmansyah, 2019).

Ayat di atas juga dapat dikaitkan dengan ayat 267 surah Al-Baqarah yang menegaskan pentingnya untuk tidak memilih harta yang buruk untuk dinafkahkan. Ini menunjukkan bahawa dalam menafkahkan harta, tindakan tersebut haruslah dilakukan dengan penuh keikhlasan dan menggunakan harta yang berkualiti serta bernilai. Perkara ini berdasarkan tafsiran surah al-Baqarah;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ
وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِءَاخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا

أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

(Surah al-Baqarah 2: 267)

Ini menunjukkan bahawa dalam menafkahkan harta, tindakan tersebut haruslah dilakukan dengan penuh keikhlasan dan menggunakan harta yang berkualiti serta bernilai. Perkara ini berdasarkan tafsiran surah al-Baqarah:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ

سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦٦﴾

Terjemahan: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

(Surah al-Baqarah 2: 261)

Kesepadanan antara kedua ayat ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai prinsip dan etika dalam amalan sedekah. Dengan itu, seseorang

diingatkan agar tidak memilih harta yang buruk atau tidak berkualitas untuk diberikan sebagai sedekah, tetapi sebaliknya, hendaklah dipilih harta yang terbaik dan dicintai sebagai wakaf yang bertujuan mencapai keberkatan dan keredhaan Allah SWT (Abi Thalbah, 1991). Wakaf juga dituntut dalam islam berdasarkan ayat al-Quran yang menyarankan umat Islam untuk memberikan kebaikan kepada umum. Hal ini bagi mencapai al-falah berdasarkan tafsiran surah al-Hajj (Permana & Rukmanda, 2021). Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

(Surah al-Hajj 22: 77)

Kemenangan (*al-Falāh*) dapat diperoleh berdasarkan ayat diatas yang menegaskan perintah Allah kepada orang-orang yang beriman untuk menunaikan solat dan mensyariatkan perbuatan ruku' dan sujud yang merupakan keutamaan. Selain itu, ayat tersebut menegaskan pentingnya berbuat baik secara umum, menunjukkan bahawa agama Islam bukan hanya mengajarkan secara spiritual, tetapi juga menekankan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian. Dalam konteks ini, konsep "*alkhayr*" digunakan untuk merujuk kepada perbuatan baik secara luas, termasuk di antaranya adalah amal sedekah atau berwakaf. Pandangan A. Yusuf Ali (2001) yang menyatakan "*wa-af' alū al-khayr*" sebagai "*do good*" memperkuat pemahaman ini dan menekankan perlunya melakukan perbuatan baik dalam berbagai aspek kehidupan. Dengan demikian, penafsiran ayat tersebut menggariskan bahawa pentingnya amal ibadah dan amal kebajikan sebagai asa bagi pencapaian *al-falah* dan keberhasilan dalam kehidupan dunia dan akhirat (Nurhidayani, 2017).

Maka wakaf merupakan salah satu amal jariyah yang dituntut dan pahala yang diperoleh dari wakaf mengalir terus-menerus selama harta atau barang yang diwakafkan masih berguna dan memberi manfaat kepada masyarakat. Dalam konteks inilah maka

para fuqaha' mengemukakan hadits Nabi SAW yang berbicara tentang keutamaan sedekah jariyah sebagai salah satu sandaran dasar hukum wakaf (Permana & Rukmanda, 2021):

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ
أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Terjemahan: Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara yaitu: sedekah jariyah, ilmu yang dimanfaatkan, atau doa anak yang soleh”

(Hadis riwayat Muslim. No. Ḥadīth 1631, Kitāb: al-Waṣīyyah. Ṣaḥīḥ Muslim)

Harta yang diwakafkan adalah harta yang diperuntukkan untuk kepentingan umum dan tidak boleh dijual, dihibahkan, atau diwariskan. Penggunaan harta wakaf haruslah berterusan dan memberi manfaat kepada masyarakat seperti yang dikehendaki oleh pemberi wakaf semula. Maka, tujuan asal wakaf untuk kebajikan umum dapat terus dipertahankan dan digunakan. Berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“Diriwayatkan dari Ibnu Umar ra. Bahwa Umar bin Khatab mendapat sebidang tanah di Khaibar. Lalu ia menghadap Rasulullah SAW. untuk memohon petunjuknya, apa yang sepatutnya dilakukan terhadap tanah tersebut. Umar berkata kepada Rasulullah SAW., “Ya Rasulullah! Saya memperoleh sebidang tanah di Khaibar dan saya belum pernah mendapat harta lebih baik dari tanah di Khaibar itu. Oleh kerana itu, saya mohon petunjukmu tentang apa yang sepatutnya saya lakukan pada tanah itu. Rasulullah bersabda: “Jika engkau mau, tahanlah zat (asal) bendanya dan sedekahkanlah hasilnya.” Umar menyedekahkannya dan mewasiatkan bahwa tanah tersebut tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan dan tidak boleh diwarisi.

(HR. Bukhari dan Muslim) (Al-Hafidz Bin Hajar al-‘Asqalani hlm 197-198).

Berdasarkan hadits di atas amalan berwakaf telah dianjurkan dan di amalkan sejak zaman Nabi SAW. Ketika para sahabat mempunyai harta lebih dari hasil mereka baginda memberi saranan untuk berwakaf. Pensiariatan ini bersandarkan hadits (Zuhaili, 2008):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَصَابَ عُمَرُ بِخَيْبَرَ أَرْضًا فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَصَبْتُ أَرْضًا لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ مِنْهُ، فَكَيْفَ تَأْمُرُنِي بِهِ قَالَ " إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ". فَتَصَدَّقَ عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، فِي الْفُقَرَاءِ وَالْقُرْبَى وَالرَّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالضَّيْفِ وَابْنِ السَّبِيلِ، وَلَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Umar r.a., beliau berkata: “Umar memperolehi sebidang tanah di Khaibar lalu datang kepada Nabi SAW dan berkata: ‘Aku mendapat sebuah tanah yang tidak pernah aku perolehi harta semahal ini; bagaimana pendapat Baginda?’ Baginda SAW bersabda: ‘Jika engkau mahu, habiskan (habsa) pokok (asli)nya dan dermakan hasilnya.’” Kemudian Umar mewakafkan tanah itu: ia tidak dijual, dihadiahkan apatah lagi diwariskan — hasilnya digunakan untuk fakir, kaum kerabat, kemerdekaan hamba, fi sabilillah, tetamu, musafir, dan pentadbirnya boleh mengambil makanan secukupnya serta memberi makan sahabat yang tiada sumber.”

(Hadis riwayat al-Bukhārī. No. Ḥadīth 2772, Bāb: Kayfa yuktabu al-waqf. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī)

Tuntasnya berdasarkan dalil diatas, wakaf sebagai salah satu instrumen keagamaan dalam Islam telah jelas disyariatkan. Hadis-hadis yang membicarakan keutamaan sedekah jariyah menegaskan pentingnya wakaf sebagai amal yang terus memberi manfaat kepada masyarakat. Dengan demikian, wakaf bukan hanya suatu perbuatan baik tetapi juga merupakan satu ibadah yang sangat digalakkan dalam Islam.

2.3.4 Rukun Wakaf

Wakaf merupakan satu instrumen yang diiktiraf dalam Islam. Maka, perlu memahami rukun dan syarat sah wakaf bagi memastikan amalan tersebut berlandaskan Syariah. Perkara ini juga penting bagi membezakan wakaf dengan instrumen lain seperti zakat, wasiat dan hibah. Rukun wakaf ialah:

- i. Wāqif (orang yang mewakafkan harta)
- ii. Mawqūf bih (barang atau benda yang diwakafkan)
- iii. Mawqūf ‘alayh (pihak yang diberi wakaf/peruntukan wakaf)
- iv. Ṣīghah (pernyataan atau ikrar Wāqif sebagai suatu kehendak untuk mewakafkan sebagian harta bendanya)

Dalam konteks ini, para ulama’ mempunyai pendapat tersendiri dalam menentukan rukun wakaf. Perbezaan pendapat di kalangan ulama’ berkenaan dengan perkara ini adalah hasil dari interpretasi yang berbeza terhadap asas wakaf itu sendiri. Golongan al-Mālikiyyah, Syāfi’iyyah dan Hanbali menyatakan bahawa rukun wakaf terdiri daripada *Wāqif* (pemberi wakaf), *mauquf alaih* (objek wakaf), *Mawqūf bih* (hasil wakaf), dan *Ṣīghah* (pembentukan wakaf). Namun, pendapat ini berbeza dengan pandangan pengikut Hanafi yang menyatakan bahawa rukun wakaf hanya tertumpu kepada Ṣīghah (lafaz) yang menunjukkan makna atau asas wakaf (Dinna & sri wulan sari, 2021). Setiap rukun juga tertakluk kepada syarat- syarat tertentu. Syarat- syarat tersebut adalah seperti berikut:

- i. Syarat *Wāqif*

Wāqif merujuk kepada individu, organisasi, atau badan hukum yang mewakafkan harta benda yang mereka miliki. Terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seorang individu untuk menjadi *Wāqif*, iaitu merdeka, dewasa (bāligh), berakal sihat dan tidak berada di bawah pengampunan dan di bawah hukuman. Selain itu, *Wāqif* juga harus menjadi pemilik sah harta benda yang akan diwakafkan.

Manakala, *Wāqif* yang mewakafkan harta benda bagi pihak organisasi hanya dibenarkan melaksanakan tindakan wakaf apabila ia mematuhi ketetapan-ketetapan yang telah ditetapkan oleh organisasi tersebut. Kepatuhan terhadap ketetapan ini adalah penting untuk memastikan bahawa harta benda wakaf yang diberikan oleh organisasi

sesuai dengan garis panduan yang ditetapkan dalam anggaran dasar organisasi. Oleh itu, proses wakaf harus dilakukan secara teliti dan selaras dengan struktur organisasi serta objektif yang ingin dicapai demi kepentingan umum.

ii. Syarat *Mawqūf Bih* (harta yang diwakafkan)

Mawqūf atau harta yang diwakafkan secara prinsipnya haruslah harta yang sah dimiliki oleh *Wāqif*, berasal dari sumber yang halal, memiliki kestabilan atau ketahanan yang tinggi, dan tidak mudah rosak, serta memiliki nilai atau manfaat yang disyariatkan. Tambahan pula, *Mawqūf* tersebut perlu berbentuk objek yang telah ditentukan dengan jelas. Selain itu, harta wakaf harus menjadi milik sepenuhnya pewakaf, boleh dipindah milik tanpa pertindihan hak milik orang lain, dan tidak boleh merupakan harta amanah pihak lain seperti harta orang muflis, harta anak yatim, harta pajakan atau gadaian, harta pinjaman atau sewaan, dan lain-lain. Pematuhan terhadap kriteria-kriteria ini penting untuk memastikan bahawa harta wakaf yang diberikan memenuhi standar syarak dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat secara berkekalan.

iii. *Mawqūf ‘Alaih*

Mawqūf ‘alaih, atau penerima wakaf, merujuk kepada individu atau entiti organisasi yang menerima manfaat daripada harta wakaf. Penerima wakaf boleh ditentukan secara khusus (*mu’ayyan*), seperti contohnya menetapkan wakaf kepada zuriat keturunan pewakaf sahaja.

Di samping itu, penerima wakaf juga boleh tidak ditentukan dengan jelas (*ghayr mu’ayyan*), seperti wakaf yang diberikan kepada mana-mana fakir miskin, anak yatim, masjid, sekolah, dan lain-lain. Konsep ini memberi fleksibiliti kepada pewakaf dalam menentukan penerima wakaf berdasarkan keperluan dan matlamat wakaf yang ingin dicapai, sama ada untuk kepentingan individu tertentu atau untuk manfaat umum yang lebih luas. Syarat-syarat yang mesti dipenuhi bagi penerima wakaf dan manfaatnya ialah seperti berikut:

- i. Penerimaan tersebut perlu dilakukan dengan niat yang suci, bertujuan untuk mencari keredhaan Ilahi serta memperkuat ikatan dengan-Nya, sejajar dengan ajaran agama yang ditetapkan.

- ii. Identiti penerima wakaf mesti dapat ditentukan dengan jelas dan tegas, memastikan ketelusan dan kejelasan dalam pelaksanaan wakaf.
- iii. Penerima wakaf patut memiliki keupayaan serta kelayakan untuk menerima dan menguruskan manfaat yang diberikan, menjaga hak-hak yang diberikan kepadanya.
- iv. Wakaf tidak boleh dilakukan semata-mata demi kepentingan diri pewakaf, sebaliknya harus dilakukan dengan niat suci dan ketulusan hati.
- v. Penerima wakaf haruslah individu yang menjauhi maksiat, bukan kafir harbi atau murtad, memastikan kesucian dan kesetiaan terhadap ajaran agama yang dianut.
- vi. *Ṣīghah* (Ikrar wakaf)

Dalam konteks wakaf, syarat penting yang perlu dipenuhi adalah adanya ikrar wakaf. Ikrar wakaf merupakan penegasan kehendak dari *Wāqif* untuk menyatakan niatnya mewakafkan harta miliknya. Ikrar ini harus mengandungi unsur tawaran (*ījāb*) dan penerimaan (*qabūl*). *Ījāb* merujuk kepada kata-kata atau lafaz yang diucapkan oleh *Wāqif*, sama ada secara terangterangan (*ṣarīḥ*) atau secara tersirat melalui sindiran atau kiasan (*kinayah*).

Para cendekiawan telah menetapkan bahawa bagi setiap harta yang ingin diwakafkan, ikrar wakaf dalam bentuk lafaz *ījāb* adalah satu keperluan yang tidak dapat dielakkan. Ini bertujuan untuk menegaskan kesahihan dan keabsahan amalan ibadah wakaf tersebut. Walau bagaimanapun, walaupun *qabūl* atau penerimaan tidak dinyatakan secara jelas oleh pihak menerima wakaf, tetapi akad wakaf tetap dianggap sah. Ini menunjukkan bahawa dalam proses wakaf, syarat-syarat *Ṣīghah* perlu diberi perhatian antaranya:

- i. Harta yang akan diwakafkan (*Mawqūf*) harus dinyatakan secara khusus dan jelas, sambil memastikan bahawa elemen kekekalan (*ta'bid*) disertakan, menegaskan bahawa harta tersebut diwakafkan untuk selamanya tanpa batasan waktu.
- ii. Proses pelaksanaan *Ṣīghah* wakaf harus dilakukan dengan ketegasan dan keabsahan mutlak, yang bermaksud keputusan tersebut harus mengikat serta merta, tanpa ruang untuk penarikan balik, perubahan tujuan, atau

tundukkan kepada syarat-syarat tambahan yang mungkin mengakibatkan pembatalan wakaf.

- iii. Identiti penerima wakaf (*Mawqūf 'alaih*) perlu dijelaskan secara eksplisit, memastikan kejelasan dalam proses wakaf dan pengurusan manfaat yang diberikan. Dengan tindakan ini, proses wakaf dapat dilakukan dengan ketelusan dan kesahan yang sewajarnya, memastikan keberhasilan pelaksanaannya.

Sebagai contoh, *Ṣīghah* wakaf yang jelas (*ṣarīḥ*) adalah apabila penggunaan perkataan wakaf dinyatakan dengan terang dan langsung, seperti dalam ungkapan, "Saya fulan bin fulan dengan ini mewakafkan tanah saya seluas satu ekar, yang berpegang kepada hak milik ... di Lot. 123, Mukim/Pekan/Bandar ..., Daerah ..., Negeri ..., kepada pihak MAIN ..., bermula dari ... untuk tujuan kebajikan umum". Sementara itu, contoh *Ṣīghah* wakaf yang bersifat kiasan atau sindiran (*kinayah*) ialah apabila perkataan wakaf tidak disebutkan secara jelas dan terus, namun, terdapat unsur-unsur yang membawa maksud wakaf, seperti dalam pernyataan, "Hartaku ini menjadi sedekah kekal kepada fakir miskin" atau "Aku serahkan hartaku ini kepada fakir miskin selamanya." Dalam contoh-contoh ini, walaupun perkataan "wakaf" tidak disebutkan secara langsung, namun maksud wakaf tersirat melalui kata-kata yang digunakan.

2.4 Konsep Amanah

2.4.1 Definisi Amanah

Definisi Amanah berasal dari perkataan bahasa Arab *amānah*, yang bermaksud tenteram, aman, selamat dan harmoni. Amanah juga boleh difahami sebagai kepercayaan, pertaruhan, kesetiaan, ketulusan, dan sebagainya. Dengan kata lain, amanah merujuk kepada sesuatu yang diserahkan kepada seseorang untuk disimpan, dijaga, dan dipelihara, sama ada berupa harta benda, rahsia, atau lain-lain. Sebagai contoh, seseorang yang akan melancong atau bermusafir biasanya akan menyerahkan harta bendanya kepada individu lain untuk dijaga semasa beliau sedang berada dalam perjalanan. Selain itu, berdasarkan Kamus Dewan (1996), konsep amanah merujuk kepada sesuatu yang dipercayakan kepada seseorang, seperti memberikan barang untuk disimpan. Amanah juga merupakan tanggungjawab yang diberikan, di mana individu

tersebut diamanahkan untuk tidak menyalahgunakan kuasa atau pengaruh yang dimiliki. Ini menegaskan prinsip integriti dan kejujuran dalam pelaksanaan tanggungjawab yang diberikan (Mumtaz, Norzaini & Mohammed Sani, 2010).

Di samping itu, amanah dari segi etimologi atau pendekatan *lughawī* dalam Bahasa Arab, berasal daripada masdar (kata kerja) daripada kata *amānah* atau *amānatan*, yang bermaksud boleh dipercayai. Konsep amanah menurut pengertian terminologi melibatkan beberapa pandangan, antaranya menurut Ahmad Musthafa Al-Maraghi, amanah adalah sesuatu yang wajib dipelihara dan dijaga agar sampai kepada pemilik yang berhak. Manakala, menurut Ibn Al-Araby, amanah merujuk kepada segala sesuatu yang diambil dengan izin pemiliknya atau sesuatu yang diambil dengan izin pemiliknya untuk mendapatkan manfaatnya (Uswatinnisa, 2011). Tuntasnya, Berdasarkan beberapa pengertian yang dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa amanah merujuk kepada tindakan menyampaikan hak-hak kepada pemiliknya tanpa mengambil melebihi daripada hak tersebut dan tanpa mengurangkan hak orang lain. Ini bermakna individu yang diberi amanah dikehendaki untuk menjalankan tanggungjawab dengan penuh kejujuran dan keadilan, serta memastikan bahawa hak-hak yang diberikan kepada mereka disampaikan sepenuhnya tanpa sebarang penyalahgunaan atau kekurangan.

2.4.2 Amanah Menurut Istilah Syarak

Dalam Islam, amanah bukan sekadar merujuk kepada kepercayaan, tanggungjawab, dan integriti dalam melaksanakan sesuatu tugas, malah turut merangkumi aspek penjagaan harta dan hak orang lain seperti yang terdapat dalam akad wadiah (simpanan), ijarah (sewaan), dan qard (pinjaman tanpa faedah). Prinsip-prinsip ini dijelaskan secara terperinci dalam kitab-kitab fiqh, antaranya al-Mughnī oleh Ibn Qudāmah dan al-Majmū' oleh al-Nawawī, yang menegaskan bahawa pemegang amanah wajib menjaga harta yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakannya kecuali mengikut syarat yang dibenarkan (Lizza et al., 2019).

Konsep amanah ini memiliki makna yang mendalam dan luas, merangkumi implikasi moral, etika, dan spiritual yang besar dalam kehidupan seorang Muslim. Ia bukan sahaja berkaitan dengan pematuhan terhadap hukum-hakam kontrak, malah mencerminkan sifat taqwa, kejujuran, dan ihsan. Oleh itu, amanah merupakan asas

penting dalam hubungan antara individu dan masyarakat, serta menjadi ukuran integriti seseorang di sisi Allah SWT.

Lebih dari sekadar sebuah tugas, amanah dalam Islam juga merujuk kepada kepercayaan Allah kepada manusia dan kewajiban manusia untuk mematuhi perintah-perintah-Nya serta menjaga amanah tersebut dengan penuh kejujuran. Ayat-ayat Al-Qur'an secara eksplisit menekankan pentingnya menjaga amanah, baik dalam hubungan manusia dengan Allah maupun dengan sesama manusia. Oleh itu, pemahaman yang mendalam terhadap konsep amanah adalah penting dalam membentuk akhlak dan perilaku yang bermoral dalam kehidupan seorang Muslim.

Amanah di dalam Islam membawa dua penafsiran. Merujuk kepada al-Wizarah al-Awqaf (2005) dalam kitab al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah menjelaskan pertama, amanah merujuk kepada sesuatu yang diperuntukkan kepada individu yang dipercayai (amin) adalah proses akad amanah seperti *wiṣāyah* dan *wadi'ah*, atau akad yang melibatkan tanggungjawab amanah sebagai sebahagian daripada akad seperti *ijārah*, *musyārahah*, *'āriyah*, dan *rahnu*, yang dikenali sebagai akad *tābi'*. Begitu juga, terdapat keadaan di mana akad tidak diperlukan seperti harta yang terjumpa (*luqāṭah*). Kedua, konsep amanah merujuk kepada sifat-sifat seperti yang terdapat pada seorang *qadhi* atau *nazir* yang memegang tanggungjawab dalam menguruskan harta wasiat (Lizza et al., 2019). Menurut Halim & Bustami (2017), penekanan mereka terhadap maksud amanah adalah terhadap pembentukan amanah dalam perancangan harta. Mereka menjelaskan bahawa amanah adalah tanggungjawab yang diberikan kepada pemegang amanah yang dilantik untuk menguruskan dan menjaga harta tersebut. Buang (2006) juga mengulas bahawa amanah merujuk kepada individu yang bertanggungjawab memegang harta amanah untuk kepentingan dan kesejahteraan pihak yang berkaitan. Perbahasan ini diberikan indikasi berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran

yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

(Surah al-Nisa' 4: 58)

Imam al-Qurtubi (1993) mengatakan bahawa ayat tersebut merangkumi semua aspek agama dan syariat. Kisah tentang amanah ini berkaitan dengan kunci pintu Kaabah. Ibnu Juraij menyatakan, ayat ini secara khusus merujuk kepada Nabi Muhammad SAW mengenai kunci Kaabah, iaitu ketika beliau mengambilnya dari Uthman bin Abu Thalhah dari Bani Abdud Dar semasa pembukaan kota Mekah. Ayat ini secara umum menyatakan bahawa ia ditujukan kepada manusia yang bertanggungjawab dalam pembahagian harta, dengan keadilan dan tanpa kezaliman. Ia juga khusus untuk menjaga kesaksian dan yang serupa dengannya. Amanah di sini merujuk kepada tanggungjawab dalam setiap aspek wudhu, solat, zakat, janabah, puasa, dan timbangan. Tidak ada pengecualian, semua harus menjalankan tanggungjawab amanah dalam hal-hal tersebut (Al-Qurtubi, 1993).

Oleh itu, berdasarkan penafsiran kedua-dua perbincangan tentang makna amanah di atas, ia memiliki maksud yang betul kerana amanah berasal dari perkataan *aman*, yang bermaksud menjaga sesuatu benda daripada sebarang kerosakan. Penafsiran ini disokong oleh pandangan Ibnu al-'Arabi. Ini menunjukkan bahawa pentingnya tanggungjawab dan kepercayaan dalam menjaga amanah, sejajar dengan asal usul perkataannya yang menekankan aspek perlindungan dan penjagaan.

2.4.3 Kategori Amanah

Dalam Islam, pelantikan pemegang amanah biasanya dilakukan melalui akad perwakilan (*wakalah*), di mana seseorang memberikan kuasa kepada orang lain untuk menggantikannya dalam menjalankan hak-haknya. Selain itu, amanah juga dapat diwujudkan melalui *wadi'ah*, yang membolehkan seseorang menyimpan harta atau asetnya atas nama orang lain untuk tujuan keselamatan. Begitu juga, amanah dapat dilakukan melalui *wiṣāyah*, yang merupakan pelantikan atau kepercayaan terhadap seseorang untuk mengurus harta pusaka si mati (Mu'izz Abdullah, 2020).

i. Wakalah

Wakalah bermula dari kata kerja *wakala-yakilu-waklan* yang bermaksud menyerahkan atau mewakilkan urusan, dan wakalah adalah tindakan wakil. Menurut mazhab Syafi'i, wakalah merujuk kepada penyerahan kuasa (*al-muwakkil*) kepada orang lain (*al-Wakīl*) untuk melaksanakan sesuatu jenis pekerjaan yang boleh digantikan (*annaqbalu 'aniyābah*), dengan syarat pekerjaan tersebut dilakukan semasa *muwakkil* masih hidup (Helmi Karim, 2002). Konsep amanah dalam akad wakalah dapat diterapkan dengan pemilik harta atau pembuat amanah (*settlor*) meminta agensi amanah atau individu yang layak menjadi wakil bagi menguruskan hartanya semasa hidup dalam apa jua bentuk transaksi atau urusan. Agensi amanah sebagai wakil yang menerima perwakilan tersebut adalah pemegang amanah yang akan menguruskan harta pembuat amanah berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui. Dalam situasi ini, penyerahan kuasa kepada pemegang amanah atau wakil bagi pihak yang lain melalui akad wakalah membentuk pegangan harta secara amanah. Walau bagaimanapun, pegangan ini tidak menyebabkan pemindahan hak milik harta kepada pemegang amanah atau wakil seperti dalam wakalah yang asal. Oleh itu, pembuat amanah masih mempunyai hak ke atas harta amanah termasuklah melakukan transaksi, membatalkan amanah, dan lain-lain (Lizza et al., 2019).

ii. Wadī'ah

Dalam tradisi fiqh Islam, prinsip penitipan atau penyimpanan dikenali dengan prinsip alwadi'ah. Wadī'ah boleh diertikan sebagai penitipan murni dari satu pihak kepada pihak lain, sama ada individu atau badan hukum, yang mesti dijaga dan dikembalikan bila-bila masa si penitip menghendaki. Menurut ulama Mahzab Maliki, Mahzab Syafi'i, dan Mahzab Hanbali (jumhur ulama), wadī'ah didefinisikan sebagai mewakilkan orang lain untuk menjaga harta tertentu dengan cara tertentu (Helmi Karim, 2002). Maka konsep akad amanah juga memiliki makna asal yang serupa dengan wadi'ah. Wadi'ah adalah ketika harta diletakkan kepada seseorang untuk dijaga. Namun, wadi'ah lebih spesifik daripada amanah, di mana setiap wadi'ah adalah amanah, tetapi tidak setiap amanah adalah wadi'ah (Al-Qalyuby t.t).

iii. *Wiṣāyah*

Amalan *wiṣāyah* (Islamic entrustment) merupakan suatu konsep pengamanahan yang melibatkan beberapa unsur, antaranya peranan wali, waṣī, wakil, dan fungsi-fungsi

lain yang menekankan tanggungjawab sebagai pemegang amanah terhadap harta seseorang. Tanggungjawab ini meliputi berbagai aspek, seperti pengkelan harta, pengeluaran dana, penyelesaian hutang, pengembalian barang yang dipinjamkan, peralihan kepemilikan, peningkatan nilai harta, dan sebagainya, semuanya dilakukan dengan tujuan untuk memenuhi keinginan dari pemberi amanah serta menjaga kesejahteraan anggota keluarga yang ditinggalkan. *Wiṣāyah* berasal dari perkataan bahasa arab iaitu *wassa* yang bermaksud peranan (Fayumi, 1990).

Wiṣāyah berasal daripada perkataan bahasa Arab "*wassa*" yang membawa maksud peranan (Fayumi, 1990). Dari sudut bahasa, *wiṣāyah* mempunyai maksud yang serupa dengan wasiat, iaitu satu peranan atau amanah yang perlu dijalankan (Abdullah et al., 2020). Namun begitu, dari sudut istilah, para fuqaha telah memberikan tafsiran yang berbeza bagi kedua-dua konsep ini. Menurut Al-Abd al-Wahhāb Khallāf (1996), wasiat ialah satu akad tabarru' yang hanya akan terlaksana selepas kematian pewasiat. Sebaliknya, *wiṣāyah* adalah satu perjanjian yang diberikan kepada seorang waṣī untuk melaksanakan tanggungjawab pengurusan terhadap harta yang melibatkan anak-anak di bawah umur dan orang yang tidak waras selepas kematian musī (pemberi amanah) (Badran, 1986).

Tetapi melihat dari sudut *wiṣāyah* juga satu bentuk wasiat, ruang lingkup *wiṣāyah* sebenarnya lebih daripada itu, bahkan ia merangkumi semua perkara yang boleh diamanahkan dalam konteks untuk pengurusan harta selepas kematian pembuat amanah, antaranya tanggungjawab pengurusan terhadap harta al-qasir. Harta *al-qasir* merangkumi aspek pentadbiran, penjagaan, dan pengurusan hutang. Malahan melaksanakan wasiat, memulangkan barang yang dalam penjagaannya dan seumpamanya (Nor, 2012). Takrifan ini turut diperkuatkan oleh pandangan fuqaha kontemporari seperti Mustafa Al-Khin et al., (2003). Ringkasnya, konsep *wiṣāyah* lebih difokuskan kepada tanggungjawab waṣī untuk menguruskan harta musī selepas kematiannya, dengan tujuan menjaga kepentingan dan kebajikan benefisiari (Muhamad, 2011). Manakala, wasiat sebagai penyerahan harta secara sukarela oleh seseorang kepada pihak lain yang hanya berkuat kuasa setelah individu tersebut meninggal dunia. Harta yang diserahkan melalui wasiat ini boleh berupa benda fizikal atau manfaat yang dapat digunakan oleh penerima wasiat (Aisyah, 2019).

Namun demikian, *wiṣāyah* bukan hanya terbatas kepada pengurusan harta tetapi juga melibatkan aspek pentadbiran yang menyeluruh. Ini bertujuan memastikan harta tersebut diurus dan digunakan dengan cara yang paling bermanfaat untuk kepentingan

penerima amanah. Antara aplikasi *wiṣāyah* pada masa kini melibatkan urusan penamaan atau wasi di syarikat takaful, tabung haji dan KWSP (Abdullah et al., 2020). Penamaan tersebut dilantik sebagai wakil terhadap si mati bagi mentadbir urus dan memegang amanah terhadap hartanya sahaja tidaklah memilikinya.

Justeru, pemahaman yang mendalam mengenai konsep *wiṣāyah* dan peranannya adalah penting bagi memastikan tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Tambahan pula, amanah yang dipegang oleh *waṣī* memerlukan kebijaksanaan, kejujuran, dan integriti yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. *Waṣī* perlu memastikan bahawa harta tersebut dilindungi daripada sebarang bentuk penyalahgunaan dan digunakan dengan cara yang adil demi manfaat penerima amanah. Oleh penerapan konsep *wiṣāyah* yang tepat amat penting bagi mencapai matlamat tersebut serta menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat.

2.5 Konsep Wakaf Amanah Menurut Perspektif Islam

Rajah 2.1 dibawah menunjukkan hubungan konseptual antara wakaf, amanah dan perwarisan dalam pengurusan harta menurut fiqh Islam. Wakaf amanah berfungsi sebagai titik pertemuan yang menggabungkan elemen *tabarru'* (wakaf), struktur amanah dan sistem perwarisan.

Wakaf (<i>Tabarru'āt</i> / Ibadah jariyah)	Amanah (<i>Wakalah/ Wadiah/ Wişāyah</i>)	Perwarisan (<i>Faraid & Waşiyah</i>)
Wakaf Amanah Gabungan konsep wakaf dan amanah untuk membolehkan pelaksanaan wakaf (khususnya selepas kematian)		

Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kajian

2.5.1 Definisi Dan Konsep

Wakaf selepas kematian kebiasaannya juga dikenali sebagai wakaf amanah. Ia merupakan satu bentuk wakaf yang terlaksana selepas pewakaf meninggal dunia di mana waşī akan menyalurkan harta wakaf tersebut kepada penerima wakaf. Pelaksanaannya di Malaysia masih di tahap yang membangun. Berdasarkan produktiviti wakaf awalnya, tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia berada pada tahap sederhana. Ini disebabkan oleh kewujudan tanah-tanah wakaf yang terbiar dan tidak diurus dengan sempurna. Malah, terdapat juga tanah-tanah wakaf yang terbiar yang menyebabkan kurangnya minat pelabur untuk membangunkan tanah-tanah tersebut, kerana kedudukannya yang tidak strategik (Norhaliza, 2009).

Walau bagaimanapun, kini telah berlaku perubahan yang lebih positif. Pembangunan wakaf kini dijalankan dengan lebih efisien dan teratur, sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia. Bahkan, ramai ahli korporat turut terlibat dalam menjadi sebahagian daripada pewakaf di negara kita. Permintaan terhadap wakaf yang semakin baik tahun demi tahun membuka peluang inovasi dalam menghasilkan sistem wakaf yang produktif. Antara projek wakaf yang telah diperkenalkan adalah seperti perhotelan wakaf, klinik wakaf, hospital, lot kedai serta premis perniagaan dan lain-lain. Malah produk untuk dana

wakaf juga diperkenalkan seperti wakaf harta, wakaf tunai, wakaf tanah, Skim Infaq dan lain-lain (Saufi, 2021). Potensi inovasi ini telah menggerakkan bukan sahaja penyediaan produk dari pihak kerajaan tetapi juga dari organisasibukan kerajaan (NGO). Manakala produktiviti amanah seperti *wiṣāyah* juga sudah giat dilaksanakan di Malaysia. Perkhidmatan *wiṣāyah* pada hari ini diterajui oleh beberapa agensi swasta yang sebelum ini berdaftar di bawah Amanah Raya Berhad (ARB) seperti Zar Perunding Pusaka, Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd., Watikah Pusaka Resources, Kemudi Aktif Sdn. Bhd. dan lain-lain (Abdullah et al., 2020).

Melihat perkembangan ini, wakaf amanah muncul sebagai satu inovasi yang berpotensi besar untuk mengisi kekosongan instrumen wakaf selepas kematian yang masih belum dibangunkan secara khusus dalam perundangan sedia ada. Gabungan konsep wakaf bersyarat dengan mekanisme amanah sivil memberi ruang kepada pewakaf merancang aliran harta mereka secara lebih fleksibel (harta alih atau tidak alih). Dalam kerangka ini, pelaksanaan wakaf amanah membolehkan harta diurus secara teratur oleh pemegang amanah profesional, seterusnya memastikan manfaat wakaf sampai kepada penerima tanpa bergantung sepenuhnya kepada keupayaan institusi pengurusan harta pusaka seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) yang sering berdepan kekangan sumber manusia. Justeru, inovasi ini bukan sahaja menyokong matlamat pemeliharaan harta dalam Islam, malah berpotensi meningkatkan produktiviti, ketelusan dan akauntabiliti tadbir urus wakaf di Malaysia.

Namun begitu, walaupun wacana mengenai wakaf bersyarat, amanah dan perancangan harta telah dibincangkan oleh ramai sarjana, jurang akademik masih ketara. Belum wujud satu model pelaksanaan wakaf amanah yang mengintegrasikan kehendak *fiqh* (khususnya pandangan mazhab Maliki dan Hanafi yang menerima wakaf bersyarat), keperluan undang-undang Malaysia, serta struktur tadbir urus moden. Kajian terdahulu lebih menekankan aspek hukum, definisi atau isu pentadbiran wakaf secara umum, namun belum menyediakan rangka kerja praktikal yang membolehkan wakaf amanah dilaksanakan dengan konsisten dan diterima oleh masyarakat serta pihak berautoriti.

Sehubungan itu, kajian ini menelusuri keperluan membangunkan model wakaf amanah yang lebih sistematik dan komprehensif, selaras dengan kerangka Syariah, realiti undang-undang dan keperluan sosioekonomi semasa. Model sedemikian dijangka dapat mengukuhkan inovasi wakaf selepas kematian, menambah baik

pengurusan harta umat Islam, serta menyumbang kepada agenda pembangunan wakaf negara.

2.5.2 Wakaf Bersyarat

Wakaf bersyarat adalah satu bentuk wakaf di mana pewakaf menetapkan syarat khusus dalam perlaksanaannya. Bersyarat dalam hal ini artinya khiyar (boleh memilih). Khiyar diambil daripada perkataan mashdar fi'il "اختار - يختار - اختيار" yang bermaksud memilih dan melebihkan. Perkara ini biasa berlaku dalam hukum jual beli menurut Syariah Islam. Sementara itu, perkataan syarat berasal daripada masdar "شَرَطَ" yang bermaksud mensyaratkan dan memastikan. Syarat adalah janji atau sesuatu yang telah ditetapkan dan wajib dilaksanakan. Pengertian khiyar syarat adalah: "Suatu keadaan yang memberikan hak kepada 'āqid (orang yang berakad) untuk memutuskan akadnya, sama ada untuk meneruskan atau membatalkannya jika khiyar tersebut berupa *khiyar* syarat, aib, atau *ru'yah*, dan hendaklah memilih di antara dua barang jika itu *khiyar ta'yin*. Dalam perkembangan masa kini, wakaf tidak hanya diberikan begitu sahaja oleh Wāqif kepada nadhir, tetapi ada yang melakukan wakaf dengan syarat tertentu untuk masa tertentu dan penggunaannya untuk kemaslahatan tertentu. Oleh itu, wakaf bersyarat adalah perbuatan hukum seseorang atau badan hukum yang memisahkan hartanya untuk selama-lamanya bagi kepentingan agama Islam atau keperluan umum lain sesuai dengan Syariah Islam, di mana Wāqif boleh menentukan syarat-syarat yang diinginkan dalam wakafnya asalkan tidak bertentangan dengan sifat akad dan Syariah Islam (Zuhaili, 1987).

Kesahan wakaf bersyarat bergantung kepada pelaksanaannya dan barangan yang diwakafkan hendaklah seperti yang diinginkan oleh pewakaf. Oleh itu, para ulama mazhab menyatakan bahawa "syarat yang ditetapkan oleh pewakaf adalah sama dengan kehendaknya". Pewakaf boleh menentukan apa sahaja syarat yang diinginkan dalam wakafnya. Namun, terdapat beberapa pengecualian seperti berikut (Muhammad, 2017):

- i. Syarat itu sah dan berlaku jika disebutkan pada awal akad, tetapi jika disebutkan selepas akad, ia tidak lagi sah kerana pewakaf tidak mempunyai kuasa ke atas harta yang diwakafkan.
- ii. Syarat yang ditetapkan tidak boleh bertentangan dengan maksud dan hakikat wakaf. Contohnya, mensyaratkan agar barangan tersebut kekal

di tangan pemilik asal (Wāqif), yang boleh diwariskan, dijual, dipinjamkan, disewakan, atau dihibahkan kepada orang lain. Ini menunjukkan bahawa wakaf tersebut bukanlah wakaf yang sebenar. Jika Wāqif mensyaratkan demikian, ia bermakna wakaf tersebut tidak disertai dengan niat sebenar untuk berwakaf, menjadikannya wakaf yang tidak sempurna. Para ulama mazhab sepakat bahawa setiap syarat yang bertentangan dengan maksud akad adalah tidak sah/batal. Menurut al-Sanhuri dalam *Majmu'ah al-Qawanin alMukhtarah min al-Fiqh al-Islami*, Hanafi berpendapat bahawa pengecualian dibuat untuk masjid. Syarat yang tidak sah tidak membatalkan wakaf masjid itu sendiri, tetapi untuk selain masjid, syarat tersebut adalah fasid dan merosakkan wakaf.

- iii. Syarat yang ditetapkan tidak boleh bertentangan dengan hukum Syariah Islam, seperti mensyaratkan perbuatan haram atau meninggalkan yang wajib. Imam Ali r.a. berkata, “Kaum Muslimin terikat oleh syarat-syarat yang mereka tetapkan, kecuali syarat yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.” Syarat-syarat yang disertakan dalam akad dan tidak bertentangan dengan watak akad, kitabullah, atau sunnah rasul-Nya adalah sah dan harus dipenuhi.

Para ulama mazhab berbeza pendapat mengenai banyaknya contoh wakaf yang menggunakan syarat. Syafi'i dan Hambali berpendapat bahawa jika pewakaf mensyaratkan hak untuk memilih merealisasikan atau membatalkan wakaf dalam tempoh tertentu, maka wakaf dan penerima wakaf tersebut menjadi batal kerana syarat itu bertentangan dengan sifat akad. Namun, Imam Hanafi berpendapat bahawa keduanya tetap sah selagi tidak bertentangan dengan ajaran hukum Islam. Contohnya, jika pewakaf mensyaratkan adanya khiyar selama tiga hari dalam wakafnya, menurut Abu Yusuf, akad dan syaratnya sah. Tetapi, menurut Hilal bin Yahya, hanya akad wakaf yang tidak sah. Yusuf bin Khalid al-Samti pula berpendapat bahawa akad wakaf sah tetapi syaratnya tidak sah (Sarkashi, 1993).

Oleh itu, nazir harus meneliti dengan teliti syarat yang diucapkan oleh pewakaf kerana nazhir bertanggungjawab mengelola harta wakaf mengikut tujuan pewakaf. Tuntasnya, sandaran wakaf bersyarat dibenarkan mengikut pandangan mazhab tertentu, asalkan tidak melanggar Syariah dan kedudukan wakaf itu sendiri. Dalam situasi di mana syarat tersebut bertentangan dengan sifat akad atau hukum Islam, ia dianggap

tidak sah. Oleh itu, peranan nazhir adalah penting untuk memastikan syarat yang ditetapkan adalah selaras dengan tujuan wakaf dan hukum Syariah.

2.5.3 Pandangan Wakaf Bersyarat Mengikut Mazhab

Wakaf bersyarat, atau dikenali sebagai *wakaf mu'allaq* atau *taklīqī*, merujuk kepada bentuk pelaksanaan wakaf yang bergantung kepada syarat tertentu, seperti berkaitan masa, keadaan, atau penerima manfaat. Dalam tradisi fiqh Islam, isu ini telah dibahaskan secara meluas oleh para ulama dengan pelbagai pandangan, bergantung kepada tafsiran terhadap maksud asal wakaf serta syarat-syarat yang dibenarkan dalam akad *tabarru'*.

Mazhab Maliki merupakan mazhab yang paling fleksibel dan menerima pelaksanaan wakaf bersyarat, termasuk wakaf sementara dan wakaf yang ditangguhkan ke masa hadapan. Prinsip asas dalam mazhab ini ialah syarat yang ditetapkan oleh pewakaf wajib dipatuhi sekiranya tidak bercanggah dengan hukum syarak. Ini ditegaskan dalam karya *al-Sharḥ al-Kabīr* oleh al-Dardir dan dirakamkan dalam *Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah*: “Syarat pewakaf wajib diikuti sekiranya ia sah menurut syarak. Jika tidak sah, maka tidak diikuti” (Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah, 2022). Tambahan pula, mazhab Maliki mengiktiraf wakaf sementara dan wakaf yang bermula pada masa akan datang (*future-dated waqf*), disandarkan kepada qias dengan *waṣīyyah*, iaitu kontrak yang pada asasnya membenarkan syarat bersifat tangguhan (Shariah Standards, AAOIFI, 2017; Najdi, 2010,). Namun begitu, mazhab Maliki juga menetapkan batasan tertentu. Syarat yang bercanggah dengan prinsip kekekalan dan amanah seperti membenarkan pewakaf menarik semula wakaf, menjualnya, atau meletakkan syarat yang membebaskan seperti cagaran untuk pinjaman buku, dianggap sebagai syarat batil dan tidak sah (Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah, 2022). Dari aspek pelaksanaan, qabd atau *hawz* (pemilikan manfaat) juga merupakan syarat penting dalam mazhab ini. Jika pewakaf meninggal dunia sebelum penerima manfaat mengambil milikan, dan tiada wakil sah seperti penjaga bagi anak kecil, maka wakaf dianggap terbatal.

Dalam mazhab Hanafi, wakaf bersyarat juga diterima, dan perbincangan mengenainya banyak dikaitkan dengan qiyas kepada hibah dan *waṣīyyah*. Jika pewakaf berkata: “Aku wakafkan rumahku kepada fakir miskin selepas aku meninggal dunia,” maka ia sah sebagai wakaf kerana mengambil hukum wasiat. Ini dinyatakan dalam *al-*

Hidayah fi Sharh Bidayat al-Mubtadi dan *al-Baḥr al-Rā'iq* (1936), yang turut membenarkan syarat penangguhan dalam wakaf. Ini menunjukkan bahawa mazhab Hanafi mengiktiraf unsur tangguhan masa dan pelaksanaan bersyarat selagi tidak bercanggah dengan prinsip kebajikan dan syarak.

Sebaliknya, mazhab Syafi'i tidak membenarkan wakaf bersyarat, terutamanya yang dikaitkan dengan masa hadapan. Pandangan ini berpandukan prinsip bahawa akad wakaf mestilah jazm (tegas) dan berlaku serta-merta. Wakaf yang digantung kepada kematian dianggap sebagai wasiat, dan tertakluk kepada had satu pertiga harta sahaja. Pandangan ini diperincikan dalam karya Imam al-Syafi'i sendiri, *al-Umm* dan dalam *Nihāyat al-Muḥtāj*, yang menegaskan bahawa lafaz yang menggantungkan pelaksanaan kepada masa depan adalah tidak sah sebagai wakaf (Al-Shāfi'ī, n.d.; Al-Ramlī, 1967).

Mazhab Hanbali pula terbahagi kepada dua pandangan. Pandangan utama menolak wakaf bersyarat seperti dalam mazhab Syafi'i, namun terdapat riwayat lain daripada Imam Ahmad yang membenarkan wakaf ditangguhkan pelaksanaannya, dengan syarat tidak menjejaskan maksud asal wakaf sebagai bentuk ibadah kekal. Oleh itu, sebahagian ulama Hanbali membenarkan bentuk wakaf keluarga dan manfaat bersyarat yang ditadbir melalui struktur yang sah dan tersusun (Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah, 2022).

Di sinilah keperluan analisis sorotan literatur menjadi penting. Walaupun dari sudut amalan, Malaysia secara tradisinya berpegang kepada mazhab Syafi'i, tetapi dalam fiqh muamalat khususnya pembangunan instrumen kewangan Islam para sarjana kontemporari tidak lagi terikat secara literal kepada satu mazhab. Sebaliknya, mereka menggunakan pendekatan ijtihad yang berasaskan masalah dan maqasid, dengan melakukan *takhayyur* dan *talfiq* antara pandangan mazhab yang lebih sesuai dengan realiti semasa. Dalam konteks wakaf bersyarat, pandangan Maliki dan Hanafi yang mengharuskan wakaf mu'allaq dan wakaf muaqqat menjadi sangat relevan kerana ia membenarkan pewakaf merancang wakaf yang berkuat kuasa selepas kematian, selagi rukun wakaf dipenuhi dan syarat yang ditetapkan tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Pendekatan ini sejajar dengan maqasid *hifz al-māl* dan *tahqīq al-maslahah*, di samping mendukung kategori *ḥājiyyah* dan *mukammilāt* dalam pembangunan produk wakaf kontemporari.

Oleh itu, dengan menilai secara terperinci kepelbagaian pandangan mazhab, dapat dirumuskan bahawa perbahasan wakaf bersyarat tidak wajar dilihat sekadar perbezaan mazhab semata, tetapi sebagai ruang ijtihad yang memungkinkan

pembangunan model seperti wakaf amanah dan wakaf selepas kematian. Literatur terdahulu menyediakan asas teks dan kaedah, manakala literatur kontemporari memberi justifikasi teknikal untuk mengguna pakai pandangan Maliki dan Hanafi dalam kerangka perundangan dan operasi semasa. Justeru, kajian ini secara sedar memilih untuk membina perbincangan wakaf amanah di atas asas pandangan mazhab yang lebih fleksibel tersebut, sambil memastikan rukun dan syarat wakaf dipatuhi, agar instrumen yang dicadangkan sah dari sudut fiqh, praktikal dalam sistem perundangan Malaysia, dan mampu menjawab keperluan pasaran semasa.

2.5.4 Perbincangan berkenaan wakaf bersyarat

Wakaf bersyarat (juga dikenali sebagai *wakaf muqayyad* atau *taklīqī*) merujuk kepada bentuk pelaksanaan wakaf yang disertakan dengan syarat-syarat tertentu oleh pewakaf (Wāqif). Dalam tradisi fiqh, konsep ini telah dibincangkan secara mendalam oleh para ulama, dengan pelbagai pandangan mengenai kesahihan syarat, kaedah pelaksanaan, dan sejauh mana syarat tersebut boleh mempengaruhi keabsahan akad wakaf.

Menurut Mausū‘ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah (2022), syarat yang ditetapkan oleh pewakaf adalah sah dan wajib dipatuhi selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak atau bertentangan dengan tujuan asal wakaf. Syarat-syarat tersebut dibahagikan kepada tiga kategori: (i) syarat yang batil dan membatalkan wakaf, (ii) syarat yang batil tetapi wakaf tetap sah, dan (iii) syarat yang sah dan mengikat bersama wakaf. Berhubung hal ini, terdapat perbezaan antara mazhab, di mana Mazhab Maliki lebih longgar dalam menerima syarat tertentu, manakala Mazhab Syafi‘i lebih berhati-hati.

Book Shariah Standard turut menyokong keharusan wakaf bersyarat melalui qiyas kepada waṣīyyah. Ia menjelaskan bahawa wakaf boleh ditangguhkan pelaksanaannya ke masa hadapan, termasuk selepas kematian pewakaf, dengan syarat pewakaf memiliki kelayakan penuh (*ahliyah al-tabarru‘*) dan syarat tersebut tidak bercanggah dengan prinsip Syariah (Najdi, 2010). Malah, pandangan Mazhab Maliki membenarkan wakaf untuk tujuan yang harus sekalipun bukan kebajikan, berbeza dengan Mazhab Hanafi yang menyaratkan tujuan kebajikan secara khusus.

Dalam Book Islamic Financial (2019), turut dihuraikan bahawa walaupun wakaf secara asas bersifat kekal, sebahagian fuqaha membenarkan wakaf bersyarat atau bertempoh, terutamanya dalam konteks wakaf keluarga. Sebagai contoh, manfaat

daripada harta wakaf diberikan terlebih dahulu kepada anak-anak, kemudian selebihnya disalurkan kepada golongan fakir miskin. Ini menunjukkan penerimaan fiqh terhadap pelaksanaan wakaf yang lebih fleksibel dan berperingkat.

Perbahasan berkaitan *qabd* (penguasaan) dalam pelaksanaan wakaf turut menjadi isu penting. Majoriti fuqaha seperti Syafi'i, Hanbali dan Abu Yusuf berpandangan bahawa *qabd* tidak diperlukan kerana wakaf tidak dianggap sebagai pemindahan hak milik mutlak, sebaliknya sebagai bentuk taqarrub kepada Allah SWT yang menyerupai pembebasan hamba (*'itq*). Namun begitu, menurut pandangan Mazhab Maliki dan Muhammad ibn al-Hasan (Hanafi), *qabd* adalah wajib kerana disamakan dengan sedekah, yang memerlukan pemindahan hak secara nyata atau konstruktif (Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah, 2006).

Dari perspektif Maqasid Syariah, wakaf bersyarat dapat berperanan sebagai salah satu mekanisme dalam kategori *hajiyyah* dan *mukammilat*, iaitu sebagai alat untuk mengangkat kesukaran dalam pengurusan dan perancangan harta serta menyempurnakan manfaat sosial dan rohani pewakaf. *Maqāsid al-Sharī'ah: Ta'sīlan wa Tafīlan*, menghuraikan bahawa perkara yang tergolong dalam kategori ini amat penting untuk menyokong keberkesanan dasar Islam dalam kehidupan moden secara lebih inklusif dan adaptif.

Kesimpulannya, Hamat (2021) menegaskan bahawa wakaf bersyarat memiliki potensi besar untuk memperkasa instrumen wakaf yang produktif dan lestari, terutamanya apabila dilaksanakan secara berperingkat, melalui instrumen kontrak dan pelaksanaan selepas kematian. Justeru, pendekatan fiqh yang lebih terbuka, disokong oleh dokumentasi yang jelas dan sistem pemantauan institusi pemegang amanah yang berwibawa, berupaya menjadikan wakaf bersyarat sebagai instrumen perancangan harta Islam yang mapan, patuh syarak, dan sesuai dengan realiti semasa.

2.5.5 Aplikasi *Wiṣāyah*

Wiṣāyah adalah amalan yang sangat ditekankan dalam Islam, kerana agama Islam mengakui pentingnya dalam menguruskan harta benda dan kemaslahatan manusia. Setiap manusia pasti akan menghadapi kematian di dunia ini. Sebelum wafat, banyak di antara kita memiliki kewajiban dan tanggungjawab terhadap harta milik orang lain, seperti harta amanah yang kita simpan atau pinjam, hutang atau pinjaman kewangan, baik dengan individu maupun organisasi yang memerlukan penyelesaian

oleh pihak lain jika tidak dilunaskan sebelum meninggal. Selain itu, banyak di antara kita yang pada saat kematiannya meninggalkan anak-anak di bawah umur yang tidak mampu mengelola harta mereka sendiri. Berdasarkan realiti tersebut, adalah sangat wajar untuk melakukan pengurusan harta bagi menjamin kemaslahatan dan menyelesaikan urusan-urusan yang berkait dengan harta milik orang yang telah meninggal dunia (Nor, 2012).

Dalam pengurusan *wiṣāyah*, melibatkan akad penyerahan amanah kepada pemegang amanah (*trustee/ executor*). Oleh itu, terdapat beberapa tanggungjawab yang diberikan kepada pentadbir untuk menguruskan dan mengagihkan harta tersebut. Proses pengagihan ini dapat dilakukan baik semasa pemberi amanah masih hidup atau selepas kewafatan beliau. Antara perkara-perkara yang biasanya diagihkan termasuklah wakaf, hibah, harta sepencarian, hutang, Wasiat, KWSP, Lain-lain. Tatacara pelaksanaan *wiṣāyah* melibatkan proses dokumentasi yang teliti, dan terdapat beberapa langkah yang diambil bagi menjadikan pengurusan tersebut lebih lancar. Langkah-langkah tersebut termasuk (Naziree, 2008):

- i. **Perbincangan Awal:** Pelanggan berbincang dengan pihak pemegang amanah (*trustee / executor*) untuk membentuk akad *wiṣāyah*.
- ii. **Pemberitahuan Harta:** Maklumat harta disampaikan dan pembahagian harta dilakukan mengikut item yang telah ditetapkan. Ini termasuklah urusan berkaitan hutang, harta sepencarian, harta yang dimiliki atas nama orang lain, dan lain-lain.
- iii. **Perincian Kewajipan:** Kewajipan asas seperti kos pengurusan jenazah, pelunasan hutang, dan pelaksanaan hak-hak Allah seperti zakat, kifar, nazar, haji, serta hak sesama manusia diperinci.
- iv. **Kos Pengelolaan:** Kos pengurusan seperti pemilihan pemegang amanah, peguam, dan penilai pusaka ditentukan. Pengagihan harta seperti penentuan kadar harta sepencarian, hibah, wasiat, dan wakaf juga dipertimbangkan.
- v. **Senarai Waris:** Senarai waris ditentukan untuk memudahkan proses faraid. Senarai ini dikemaskinikan secara berkala, terutama apabila ada waris yang meninggal terlebih dahulu daripada pelanggan.
- vi. **Penetapan Kadar Faraid:** Kadar faraid ditetapkan mengikut harta yang dimiliki.

- vii. **Senarai Aset:** Senarai harta aset dikemaskinikan, termasuk penambahan atau penyusutan harta.
- viii. **Tanggung dan Liabiliti:** Senarai tanggungan dan liabiliti yang perlu dijelaskan.
- ix. **Pembahagian Khas:** Pembahagian khas kepada keluarga berdasarkan persetujuan semua pihak turut ditentukan.

Maka melihat daripada aplikasi wişāyah wakaf amanah perlu memasukkan elemenelemen penting yang memastikan produk tersebut berlandaskan Syariah. Antaranya, Penerima amanah (*waşī*) untuk menguruskan harta umat Islam haruslah individu yang memeluk agama Islam, memiliki akal yang waras, dan telah mencapai usia baligh. Oleh itu, golongan bukan Muslim tidak mempunyai hak untuk terlibat atau menguruskan harta pusaka Islam. Oleh kerana itu, kajian terhadap kontrak amanah yang berdasarkan konsep wişāyah diselidiki untuk mengenal pasti potensi penggunaannya.

Dari segi hukum dalam konteks amanah harta, kaedah yang digunakan ialah sesuatu urus niaga itu adalah harus sehinggalah adanya dalil yang menyatakan haram. Sebarang unsur gharar (ketidakjelasan) yang menganiaya masyarakat dan membawa implikasi negatif seperti riba, ihtikār (sorok atau monopoli), maisir judi), *Istighlāl* (manipulasi) dan sebagainya yang mana kesemua itu akan menafikan unsur *Ta'āwun* dan amalan zakat yang diwajibkan dalam Islam. Sedangkan zakat tidak boleh dipungut daripada sumber harta yang haram. Oleh yang demikian, konsep pengamanahan harta tidak hanya tertumpu kepada pengagihan material semata-mata, sebaliknya sudut rohani seperti kejujuran dan tolongmenolong adalah lebih diutamakan. Menurut prinsip asalnya, memberikan tanggungjawab pelaksanaan urusan kepada orang lain adalah tidak dibolehkan. Hal ini disebabkan kerana urusan yang berkaitan dengan harta dan diri seseorang harus tunduk pada wilayah kekuasaan individu terkait. Namun, kekuasaan seseorang terbatas hingga saat hidupnya berakhir. Oleh kerana itu, memberikan tanggung jawab pelaksanaan urusan yang tidak dapat dilaksanakan selama hidup kepada orang lain dibenarkan berdasarkan pengecualian terhadap prinsip asal tersebut. Dalam konteks ini, wişāyah merupakan bentuk peramanahan yang mirip dengan akad wadi'ah dan akad wakalah yang juga diakui oleh syariat (Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini, 2005).

Diketahui bahwa wişāyah telah menjadi praktik sahabat-sahabat Rasulullah SAW. Para sahabat sering memberikan wasiat satu sama lain dan praktik ini tidak

pernah ditolak oleh siapapun di antara mereka. Hal ini menunjukkan adanya ijmak (kesepakatan) di antara sahabat tentang pentingnya membuat wasiat. Dalam sejarah sahabat yang tercatat, disebutkan bahwa al-Zubayr menerima wasiat dari tujuh sahabat, termasuk 'Uthman bin 'Affan, al-Miqdad, 'Abdul Rahman bin 'Auf, dan Muti' bin al-Aswad. Ibn Mas'ud juga pernah membuat wasiat dengan menuliskan, "Jika aku meninggal kerana penyakit ini, maka tempat wasiatku adalah kepada Allah, kemudian kepada al-Zubayr bin al-'Awwam dan anaknya 'Abdullah" (Muhammad al-Sharbini, 2005; Ibn Hazm, 2001).

Oleh itu, dalam kerangka fiqh muamalat, hubungan antara amanah dan wakaf dapat difahami melalui dua konsep asas iaitu *tabarru'* dan *ta'liq*. Kedua-duanya ialah akad kebajikan yang berasaskan pemberian secara sukarela, tanpa imbalan, dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah dan membawa manfaat kepada orang lain. Amanah dalam bentuk *wiṣāyah*, hibah amanah atau pengurusan harta oleh pemegang amanah ialah *tabarru'* dari sudut pelantikan dan penyerahan kuasa, manakala wakaf ialah *tabarru'* dari sudut pengekalan harta dan penyaluran manfaatnya kepada pihak yang ditentukan. Apabila wakaf digabungkan dengan kontrak amanah untuk berkuat kuasa selepas kematian, ia mengambil bentuk *ta'liq*, iaitu akad kebajikan yang kesannya digantung kepada berlakunya sesuatu keadaan seperti kematian pewakaf atau tamat tempoh tertentu. Dalam konteks ini, wakaf amanah menghimpunkan dua tahap kebajikan, iaitu amanah sebagai struktur pengurusan dan wakaf sebagai instrumen pengagihan, yang kedua-duanya sah di sisi Syariah selama syarat yang ditetapkan tidak bercanggah dengan rukun wakaf, prinsip amanah dan tujuan asal *tabarru'*. Hal ini menjadikan wakaf amanah suatu bentuk inovasi yang masih berpijak pada disiplin fiqh klasik, tetapi mengguna pakai ruang *ta'liq* yang diiktiraf oleh mazhab yang lebih fleksibel seperti Maliki dan Hanafi demi merealisasikan masalah pengurusan harta umat Islam secara lebih teratur dan berterusan.

2.5.6 Undang- Undang Terpakai Terhadap Amanah

Dari perspektif undang-undang, pembentukan amanah melibatkan pelantikan pemegang amanah yang bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan tugas amanah selaras dengan syarat dan persetujuan yang ditetapkan oleh pemberi amanah. Undang-undang sivil di Malaysia telah lama mengiktiraf konsep amanah untuk Muslim dan bukan Muslim melalui rangka undang-undang seperti Akta Pemegang Amanah 1949

(Akta 208) dan Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100), yang meletakkan kewajipan fidusiari ke atas pemegang amanah sama ada semasa hidup atau selepas kematian pengamanah (Akmal Hidayah, 2017; Kader, 2015). Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa kerangka akta amanah sivil ini tidak memadai untuk dijadikan asas tunggal dalam membincangkan harta amanah orang Islam kerana ia dibangunkan berasaskan prinsip undang-undang Inggeris yang bersifat umum dan tidak secara terperinci mengambil kira keperluan Syariah, khususnya dari sudut pewakafan dan pembahagian pusaka (Abdullah Muhammad, 2006; Zainol et al., 2021). Justeru, implementasi amanah yang benar-benar patuh Syariah memerlukan integrasi antara prinsip fiqh amanah dan kerangka undang-undang sedia ada agar pengurusan harta Muslim tidak terpisah daripada tuntutan Syariah.

Selari dengan kedudukan agama Islam di bawah Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan, urusan wakaf di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa negeri, di mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bertindak sebagai pemegang amanah tunggal (sole trustee) bagi semua harta wakaf sebagaimana diperuntukkan dalam enakmen/enakmen pentadbiran agama Islam dan enakmen wakaf negeri masing-masing (Kader, 2015; JAWHAR, 2021). Beberapa negeri telah menggubal enakmen khusus wakaf seperti Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016, manakala negeri lain menstrukturkan peruntukan wakaf melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan kaedah-kaedah wakaf di bawah MAIN. Enakmen dan garis panduan ini memperincikan kedudukan MAIN sebagai mutawalli, kuasa pelaburan, istibdal, pendaftaran wakaf, serta mekanisme tadbir urus yang perlu dipatuhi dalam pembangunan aset wakaf (Yayasan Wakaf Malaysia, 2024; Kader, 2015; Anwar et al., 2022). Di peringkat persekutuan pula, penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji memperkukuh peranan penyelarasan dasar dan inisiatif pembangunan wakaf antara negeri, termasuk penerbitan dasar dan garis panduan am bagi pengurusan wakaf kontemporari.

Secara umum, Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) dan Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100) dianggap sebagai rujukan utama dalam perundang amanah sivil di Malaysia. Terdapat juga akta-akta lain yang berkaitan dengan pengamanahan yang digunakan dalam perundangan. Selain itu, terdapat beberapa syarat yang dikuatkuasakan untuk pengurusan harta umat Islam yang tidak berlaku bagi non-Muslim. Dalam konteks pengamanahan berdasarkan konsep *wiṣāyah*, pelaksanaannya

harus mengikuti rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh Syariah. Ketika seseorang setuju untuk menjadi *waṣī*, maka menjadi tanggungjawabnya untuk menjalankan segala urusan yang dipercayakan kepadanya. Dalam hukum Islam, seorang wakil dianggap sebagai pemegang amanah untuk semua urusan yang berada di bawah tanggungjawabnya. *Waṣī* wajib menjalankan semua tugas yang telah dipercayakan kepadanya sesuai dengan ketentuan dan syarat yang ditetapkan oleh pembuat amanah selama hidupnya. Perbedaan utama antara *waṣīyah* dan undang-undang sivil pemegang amanah adalah bahwa pelantikan seorang *waṣī* harus mematuhi beberapa syarat seperti berakal, baligh, merdeka, adil, dan beragama Islam (Al-Sharbini 1978; Ibn Qudamah t.th.).

Oleh kerana itu, *waṣī* yang bukan beragama Islam tidak akan dapat mengelola harta bagi orang Islam. Sesuai firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 4, seorang kafir tidak diakui untuk melakukan transaksi. Oleh kerana itu, konsep wakaf amanah berdasarkan perundangan telah diperkuat oleh pandangan para fuqaha dan peraturan-peraturan di Malaysia. Perbezaan asas ini menjelaskan mengapa pembangunan instrumen seperti wakaf amanah tidak boleh dirangka secara terpisah daripada struktur perundangan wakaf negeri dan prinsip fiqh amanah. Sebaliknya, sebarang cadangan produk wakaf kontemporari perlu mengambil kira peranan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal, keterikatan kepada enakmen wakaf negeri, serta ruang yang dibenarkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 dan keputusan fatwa semasa seperti pengiktirafan hibah amanah oleh Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan. Dalam kerangka inilah, kajian ini menghadkan skop analisisnya kepada bagaimana konsep wakaf amanah boleh dibangunkan sebagai produk yang patuh Syariah, serasi dengan enakmen wakaf negeri dan praktikal dari sudut operasi. Berdasarkan kerangka perundangan di atas, pembangunan produk wakaf amanah dapat dirangka secara selaras dengan undang-undang sedia ada bagi mengisi kekosongan yang wujud dalam model wakaf selepas kematian.

2.6 Pemegang Amanah Dan Pemegang Amanah Gantian Dalam Wakaf Amanah

Pemegang amanah gantian merujuk kepada individu atau entiti yang dilantik untuk menggantikan pemegang amanah asal bagi menjalankan tanggungjawab amanah. Dalam konteks ini, pemegang amanah gantian memainkan peranan penting dalam

memastikan pematuhan kepada tanggungjawab dan hak yang telah ditetapkan berdasarkan undang-undang atau dokumen amanah yang telah termeterai. Pelantikan pemegang amanah gantian sering berlaku apabila pemegang amanah asal tidak lagi dapat menjalankan tugasnya kerana kematian, ketidakupayaan, atau sebab-sebab lain yang menghalangnya daripada terus menguruskan amanah. Keperluan untuk pemegang amanah gantian adalah penting bagi menjamin kesinambungan pengurusan aset dan pematuhan kepada kehendak pembuat amanah. Oleh itu, pemahaman mengenai konsep, asas undang-undang, dan kriteria pelantikan pemegang amanah gantian adalah aspek kritikal bagi memastikan pengurusan amanah yang cekap dan telus (Azhar, 2017).

Pemegang amanah gantian lazimnya digunakan dalam pelbagai konteks seperti pengurusan harta pusaka, hibah amanah, dana kebajikan, dan skim pelaburan kolektif. Dalam sektor kewangan dan perancangan harta, pemegang amanah gantian sering dilantik untuk menguruskan amanah yang melibatkan aset bernilai tinggi dan pemegang kepentingan yang kompleks. Selain itu, organisasi amal dan institusi kewangan turut menggunakan pemegang amanah gantian bagi memastikan aset dan dana diuruskan secara berterusan serta mengikut kehendak asal pemberi amanah. Pelantikan pemegang amanah gantian membantu mengurangkan risiko salah urus aset, memastikan kepatuhan terhadap undang-undang, dan melindungi kepentingan benefisiari (Abdullah et al., 2021).

2.6.1 Asas dan Prinsip Undang-Undang Pemegang Amanah

Prinsip utama yang mendasari pemegang amanah gantian adalah kepercayaan. Pemegang amanah diharapkan untuk bertindak dengan kejujuran, ketelusan, dan integriti tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas aset yang bukan milik mereka sendiri, pemegang amanah juga perlu memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat adalah untuk kepentingan benefisiari dan bukannya untuk keuntungan peribadi. Prinsip ini berpandukan kepada konsep fidusiari, yang menuntut tahap amanah dan akauntabiliti yang tinggi dalam pengurusan aset amanah. Pemegang amanah juga mesti berupaya melaksanakan keputusan yang adil dan objektif serta memastikan semua tindakan mereka sejajar dengan kehendak pemberi amanah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam dokumen amanah dan pemegang amanah gantian wujud bagi memberikan sokongan untuk kelancaran proses sesebuah pengurusan (Hudson, 2021).

Selain itu, pemegang amanah gantian mempunyai tanggungjawab utama dalam memastikan aset yang diamanahkan dikendalikan secara bijaksana dan mampan. Ini termasuk pematuhan terhadap dokumen amanah, undang-undang yang berkaitan, serta peraturan yang ditetapkan oleh badan pengawal selia. Mereka juga bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan benefisiari dengan memastikan aset tersebut tidak disalahgunakan atau dieksploitasi. Dalam kes-kes tertentu, pemegang amanah gantian perlu membuat keputusan yang kompleks berkaitan dengan pelaburan, pengagihan aset, dan perlindungan terhadap sebarang risiko kewangan yang mungkin menjejaskan amanah tersebut. Oleh itu, pemegang amanah gantian bukan sahaja memerlukan kebolehan untuk mentadbir aset dengan profesionalisme tetapi juga perlu memiliki pemahaman yang mendalam mengenai aspek perundangan dan kewangan yang berkaitan dengan pengurusan amanah (Abdullah, 2021).

2.6.2 Kriteria dan Syarat Pemilihan Pemegang Amanah Gantian

Pemilihan pemegang amanah gantian biasanya bergantung kepada beberapa kriteria seperti kelayakan profesional, pengalaman, dan integriti. Individu yang dilantik harus mempunyai rekod yang baik, termasuk keupayaan untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan benefisiari. Dalam konteks undang-undang, kriteria ini sering kali ditetapkan oleh dokumen amanah atau peraturan undang-undang yang relevan (Matthews & Bray, 2018).

Pemilihan pemegang amanah gantian melibatkan proses yang teliti untuk memastikan individu yang dilantik mampu melaksanakan tanggungjawab amanah dengan cekap dan berintegriti. Kriteria asas dalam pemilihan termasuk kelayakan profesional, pengalaman dalam pengurusan amanah, dan sifat kejujuran serta kepercayaan. Pemegang amanah gantian perlu memiliki rekod integriti yang kukuh dan tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kepercayaan benefisiari. Di samping itu, individu tersebut mesti menunjukkan keupayaan untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan benefisiari tanpa dipengaruhi oleh kepentingan peribadi.

Dalam konteks perundangan, beberapa negara menetapkan syarat undang-undang yang khusus untuk pemegang amanah gantian. Sebagai contoh, di bawah Trustee Act 2000 di England dan Wales, pemegang amanah mesti bertindak dengan tahap penjagaan yang sewajarnya (*duty of care*) dalam menjalankan tugas mereka. Akta

ini juga menetapkan panduan mengenai pelantikan pemegang amanah tambahan atau penggantian, termasuk memastikan bahawa mereka memenuhi syarat untuk melaksanakan fungsi amanah.

Di Malaysia, pemilihan pemegang amanah gantian tertakluk kepada *Trustees (Incorporation) Act 1952*, yang mengawal selia pelantikan dan tanggungjawab pemegang amanah. Undang-undang ini menetapkan keperluan bahawa individu atau entiti yang dilantik mestilah bertindak demi kepentingan benefisiari dan mematuhi kehendak dokumen amanah. Selain itu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) turut memainkan peranan penting dalam mengawal selia aktiviti pemegang amanah untuk entiti korporat.

Dalam konteks Islam pula, pemegang amanah gantian perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh prinsip Syariah. Ini termasuk memastikan bahawa pemegang amanah adalah seorang Muslim yang memenuhi keperluan akhlak dan moral yang tinggi. Prinsip seperti amanah, adil, dan tidak menyalahgunakan kuasa ditekankan dalam pemilihan pemegang amanah. Sebagai contoh, dokumen seperti wakaf dan hibah sering menyatakan kriteria khusus bagi individu yang akan memegang amanah tersebut, termasuk keupayaan untuk memahami kehendak Syariah.

Pemegang amanah gantian juga perlu menguasai peraturan kewangan dan perakaunan yang relevan, terutama jika amanah melibatkan pengurusan aset kewangan. Undang-undang seperti *Companies Act 2016* di Malaysia dan garis panduan pematuhan oleh institusi kewangan memastikan pemegang amanah gantian memiliki kebolehan untuk mengurus aset dengan bertanggungjawab. Pemegang amanah yang dilantik oleh syarikat atau institusi korporat mungkin juga perlu mematuhi kod etika atau modus operasi yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Keseluruhannya, kriteria dan syarat pemilihan pemegang amanah gantian bukan sahaja bergantung kepada kelayakan individu tetapi juga peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Penetapan garis panduan ini adalah untuk memastikan bahawa amanah dapat dilaksanakan dengan berkesan, seterusnya melindungi hak dan kepentingan semua pihak yang terlibat.

2.6.3 Pelantikan Pemegang Amanah Gantian

Prosedur pelantikan pemegang amanah gantian bergantung kepada dokumen amanah dan peruntukan undang-undang. Biasanya, proses ini memerlukan pengesahan

oleh mahkamah atau persetujuan benefisiari, terutama jika dokumen amanah tidak menyatakan prosedur yang jelas. Penamatan tugas pemegang amanah gantian pula berlaku melalui persetujuan bersama, penarikan diri secara sukarela, atau melalui perintah mahkamah jika terdapat ketidakpatuhan terhadap tanggungjawab amanah.

Dalam konteks Malaysia, pelantikan dan penamatan pemegang amanah gantian tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang ditetapkan, termasuk Akta Skim Kepentingan 2016 [Akta 778] dan Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100] (Suruhanjaya Syarikat Malaysia [SSM], 2016). Peranan akta ini menjadi semakin relevan dalam perancangan harta dan pengurusan amanah untuk mengelakkan pertikaian waris dan memastikan aset diagihkan mengikut kehendak pemberi amanah.

Pelantikan pemegang amanah gantian perlu memenuhi syarat tertentu bagi memastikan individu atau entiti yang dilantik dapat menjalankan tugas dengan amanah dan profesionalisme. Menurut Seksyen 12 Akta Skim Kepentingan 2016, hanya syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 atau individu yang mendapat kelulusan daripada Menteri layak dilantik sebagai pemegang amanah (SSM, 2016). Selain itu, individu yang terlibat tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan berkaitan dengan syarikat pengurusan skim amanah bagi mengelakkan konflik kepentingan. Pemegang amanah gantian perlu memenuhi beberapa kriteria utama, antaranya:

- i. **Integriti dan Kebolehpercayaan** – Pemegang amanah mesti mempunyai reputasi yang baik dan tidak mempunyai rekod jenayah atau kebangkrutan (Bank Negara Malaysia, 2020).
- ii. **Kemampuan dan Kepakaran** – Pemegang amanah harus mempunyai pengetahuan tentang undang-undang amanah, pengurusan aset, serta keupayaan mentadbir dan mengagihkan harta kepada benefisiari yang ditetapkan (Zahari et al., 2021).
- iii. **Ketelusan dan Akauntabiliti** – Mereka harus bersedia memberikan laporan berkala dan bertanggungjawab terhadap tindakan mereka dalam menguruskan amanah (AsSalihin Trustee Berhad, 2022).
- iv. **Neutraliti** – Pemegang amanah gantian tidak boleh mempunyai kepentingan peribadi dalam aset amanah untuk memastikan pengagihan dilakukan dengan adil (TH, 2022).

Penamatan pemegang amanah gantian boleh berlaku atas beberapa sebab, sama ada melalui peruntukan undang-undang atau persetujuan antara pihak berkepentingan. Sebab-sebab utama termasuk:

- i. **Ketidakupayaan Fizikal atau Mental** – Jika pemegang amanah tidak lagi mampu menjalankan tugasnya disebabkan masalah kesihatan yang serius.
- ii. **Pelanggaran Syarat Amanah** – Jika pemegang amanah gagal melaksanakan tanggungjawab mereka dengan betul atau terlibat dalam salah guna kuasa (Lembaga Tabung Haji, 2024).
- iii. **Kebankrapan** – Menurut Akta Insolvensi 1967, seseorang yang diisytiharkan bankrap secara automatik tidak layak menjadi pemegang amanah (SSM, 2016).
- iv. **Peletakan Jawatan atau Persetujuan Benefisiari** – Dalam sesetengah kes, pemegang amanah boleh meletakkan jawatan secara sukarela atau ditamatkan dengan persetujuan semua pihak berkepentingan (As-Salihin Trustee Berhad, 2022).

Sebagai contoh, kes yang melibatkan pemegang amanah gantian di Malaysia ialah skim Hibah Amanah yang ditawarkan oleh Lembaga Tabung Haji (TH). Dalam skim ini, pemberi hibah bertindak sebagai pemegang amanah utama sepanjang hayatnya, dan selepas kematian, TH mengambil alih peranan sebagai pemegang amanah gantian untuk mentadbir serta membahagikan harta kepada penerima hibah (Lembaga Tabung Haji, 2024). Begitu juga dengan As-Salihin Trustee Berhad yang menawarkan perkhidmatan pemegang amanah gantian dalam perancangan harta bagi memastikan aset diserahkan kepada waris yang berhak mengikut perjanjian yang ditetapkan (As-Salihin Trustee Berhad, 2022).

Dalam kajian ini, konsep pemegang amanah gantian diketengahkan sebagai elemen pelengkap dalam pembentukan model wakaf amanah yang lebih sistematik dan berdaya laksana. Penempatan komponen ini bukan sekadar inovasi struktur, tetapi satu keperluan bagi mengurangkan beban pentadbiran yang kini dipikul sepenuhnya oleh MAIN sebagai pemegang amanah tunggal di setiap negeri. Dengan adanya pemegang amanah gantian, kesinambungan tadbir urus wakaf dapat dijamin apabila pemegang amanah utama tidak lagi mampu menjalankan tugasnya, di samping meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan aset wakaf. Pendekatan ini

turut membuka ruang kajian untuk menilai keserasian antara prinsip amanah yang diterima dalam undang-undang sivil dengan tuntutan Syariah serta peruntukan enakmen wakaf negeri. Oleh itu, penerokaan terhadap sejauh mana terma pemegang amanah gantian dapat diguna pakai dalam konteks wakaf di Malaysia menjadi signifikan, bukan sahaja sebagai sumbangan ilmiah, malah sebagai asas bagi memperkukuh model tadbir urus wakaf kontemporari yang lebih responsif terhadap keperluan masyarakat dan perkembangan semasa.

2.6.4 Pemegang Amanah Gantian Dari Sudut Islam

Dalam Islam, konsep pemegang amanah gantian adalah satu peranan yang penting dalam memastikan kelangsungan pengurusan harta dan kepentingan orang lain, terutama dalam hal berkaitan harta pusaka, wasiat, dan hak waris. Pemegang amanah gantian akan dilantik apabila pemegang amanah asal tidak dapat lagi melaksanakan tanggungjawabnya disebabkan oleh kematian, ketidakmampuan, atau faktor lain yang menghalang. Dalam konteks ini, Islam menekankan bahawa amanah adalah tanggungjawab yang berat, dan setiap tindakan berkaitan harta milik orang lain akan dipersoalkan di akhirat. Oleh itu, pelantikan pemegang amanah gantian adalah satu langkah penting untuk memastikan hak penerima amanah terjaga dan tidak ada hak yang terabai (Said, 2019).

Dari segi pelaksanaannya, Islam memberi ruang kepada pemegang amanah gantian untuk dilantik baik dalam dokumen wasiat, hibah amanah, atau sebagai pelaksana harta jika pemegang amanah asal tidak dapat menjalankan tugas. Keempat-empat mazhab utama Islam iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali, mengiktiraf konsep pemegang amanah gantian, dan masing-masing memberikan bimbingan dalam memilih pengganti yang sah, yang mempunyai kelayakan syarie, amanah, serta berkeupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan adil (Kamali, 2011). Contohnya, dalam Mazhab Syafi'i, sekiranya pemegang amanah asal tidak dapat melaksanakan tugas, pelantikan pengganti boleh dilakukan oleh pemberi amanah atau pihak berwajib seperti qadi. Begitu juga, dalam Mazhab Hanafi, pemegang amanah boleh digantikan jika wujud keuzuran atau kegagalan dalam memenuhi tanggungjawab.

Dalam sejarah Islam, konsep pemegang amanah gantian sudah lama diamalkan, bahkan Rasulullah SAW sendiri pernah melantik pengganti dalam beberapa urusan penting, seperti dalam menguruskan zakat dan harta umat. Ini menunjukkan bahawa

pelantikan pengganti bukan hanya berlaku dalam konteks wasiat, tetapi juga dalam urusan kepimpinan dan pengurusan harta bagi menjaga kebaikan umat (Nurhady, 2019). Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Anfal ayat 27 yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنِيكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Anfāl:7)

Melalui prinsip al-‘adl (keadilan), tanggungjawab dan al-maslahah (kebaikan umum), pelantikan pemegang amanah gantian membolehkan kesinambungan pengurusan yang adil dan tidak terbengkalai, terutama bagi melindungi hak waris yang tidak berupaya atau anak yatim. Dalam hal ini, Islam memberikan kemudahan dan perlindungan untuk memastikan bahawa harta yang ditinggalkan dapat diurus dengan penuh tanggungjawab sehingga mencapai kemaslahatan kepada semua pihak yang terlibat (Sanusi, 2023).

Walaupun banyak kajian telah membincangkan konsep pemegang amanah gantian dalam konteks wasiat, hibah amanah dan pengurusan harta pusaka, perbincangan tersebut masih terhad kepada aspek asas seperti syarat pelantikan, tanggungjawab pemegang amanah dan perlindungan hak waris (Said, 2019; Kamali, 2011; Sanusi, 2023). Kajian-kajian ini belum menghubungkan konsep tersebut dengan pembangunan instrumen wakaf moden. Secara khususnya, belum ada kajian yang meneliti bagaimana pemegang amanah gantian boleh digabungkan dalam model wakaf selepas kematian atau bagaimana peranan ini dapat membantu MAIN mengurus wakaf dengan lebih teratur. Jurang ini penting kerana wakaf amanah berpotensi menjadi penyelesaian kepada isu pentadbiran wakaf dan pusaka seperti proses pengurusan yang lambat, namun mekanisme pelaksanaan masih belum diterangkan dalam mana-mana model sedia ada. Oleh itu, kajian ini cuba mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti bagaimana pemegang amanah gantian boleh disesuaikan dalam model wakaf amanah yang lebih praktikal dan selaras dengan keperluan masyarakat masa kini.

2.7 Wakaf Dan Pembangunan Ekonomi

Harta wakaf diperluas melalui pelbagai projek dan inisiatif yang bertujuan untuk memberi manfaat ekonomi kepada umat Islam, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Pendapatan daripada penyewaan bangunan wakaf dan projek-projek wakaf lainnya digunakan untuk menyokong kesejahteraan dan kepentingan umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Contohnya, bantuan disalurkan kepada individu yang tergolong dalam kategori asnaf-asnaf zakat, serta untuk pembangunan, pengurusan, dan pemberdayaan institusi keagamaan seperti masjid, surau, madrasah, klinik, dan rumah sakit. Tambahan pula, bantuan juga diberikan kepada mangsa bencana alam, mereka yang mengalami kecelakaan, memerlukan rawatan perubatan, anak yatim, serta untuk menyokong pendidikan, penyebaran ajaran Islam, dan pembangunan negara secara keseluruhan (Fuadi, 2018).

Pendanaan wakaf juga memainkan peranan yang signifikan dalam mengurangkan kemiskinan di Malaysia dengan membiayai pelbagai program peningkatan kemahiran, inisiatif kewangan mikro, dan bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan. Sebagai contoh, program wakaf yang dilaksanakan oleh Johor Corporation menyokong perniagaan mikro dan kecil melalui pinjaman tanpa faedah dan sumbangan, membolehkan individu meningkatkan status ekonomi mereka dan mencapai kemandirian (Huda, 2020).

Tambahan pula, sumbangan wakaf memperkuat sektor kesihatan di Malaysia dengan membiayai pelbagai kemudahan perubatan termasuk hospital, klinik, dan program kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kepada golongan miskin dan yang memerlukan. Hospital Wakaf An-Nur, sebagai contoh, menawarkan rawatan perubatan dengan harga yang berpatutan, dan kadang-kadang percuma, kepada keluarga yang memerlukan, memastikan bahawa perkhidmatan kesihatan diakses oleh semua lapisan masyarakat, tanpa mengira keupayaan kewangan mereka (Mahmood & Shafiai, 2013).

Dengan itu, sumbangan wakaf terhadap pembangunan ekonomi dan sosial turut dapat diperjelaskan melalui pandangan Ibn Khaldun dalam *al-Muqaddimah*. Beliau menegaskan bahawa kekuatan ekonomi umat sangat bergantung kepada kestabilan institusi sosial dan kemampuan masyarakat mengurus sumber secara berterusan. Ibn Khaldun melihat harta wakaf sebagai mekanisme yang memperkukuh ekonomi kerana ia mewujudkan aliran manfaat yang berpanjangan tanpa menghabiskan sumber asal. Melalui prinsip *al-'umrān* (pembangunan tamadun), beliau menekankan bahawa aset

tetap seperti tanah, bangunan, dan kemudahan umum yang dijadikan wakaf berfungsi sebagai pemangkin kemajuan kerana manfaatnya kembali kepada masyarakat khususnya dalam pendidikan, kesihatan, dan kebajikan. Pandangan ini sejajar dengan realiti kontemporari Malaysia, di mana aset wakaf yang dapat dibangunkan secara produktif berpotensi menjana nilai ekonomi secara berterusan, mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan, serta meningkatkan mobiliti sosial bagi golongan berpendapatan rendah. Justeru, perspektif Ibn Khaldun mengukuhkan lagi asas teoritikal bahawa wakaf bukan sahaja instrumen kebajikan, tetapi juga alat pembangunan ekonomi makro yang menyumbang kepada kesejahteraan umat dalam jangka panjang (Listiana, 2020).

2.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini dibangunkan untuk menyediakan asas analitik yang jelas dalam menilai konsep wakaf amanah, termasuk kedudukan fiqh, perundangan, dan implikasinya terhadap pembangunan ekonomi umat Islam. Kajian ini menggunakan berfokus kepada perbahasan 4 teori utama: (i) Maqasid Syariah: *Hifz al-Mal*, (ii) Masalah Mursalah sebagai justifikasi keperluan instrumen wakaf amanah, (iii) Hubungan antara amanah dan wakaf sebagai akad *tabarru'* dan *ta'liq*, dan (iv) Teori ekonomi Ibn Khaldun mengenai kesejahteraan masyarakat melalui pengagihan harta. Setiap komponen teori ini dibahaskan sepanjang sorotan literatur bagi membentuk asas konseptual yang kukuh dalam menilai keperluan, kesesuaian dan potensi pembangunan model wakaf amanah di Malaysia.


Pertama, prinsip Maqasid Syariah khususnya *hifz al-māl* menjadi asas utama kepada keberlaksanaan wakaf amanah. Pemeliharaan harta dalam Islam bukan sahaja bermaksud mengelakkan kerosakan atau pembaziran, tetapi juga memastikan harta dialirakan ke tempat yang memberi manfaat optimum kepada masyarakat. Dalam konteks pengurusan harta selepas kematian, wakaf amanah menyediakan mekanisme untuk memastikan harta tidak terbeku akibat proses pentadbiran pusaka yang panjang, sebaliknya dapat dimanfaatkan segera untuk tujuan kebajikan. Pemikiran ini selari dengan kerangka Maqasid yang menekankan kecekapan, ketertiban dan manfaat jangka panjang dalam pengurusan harta (Auda, 2008; al-Shatibi, 1997).

Kedua, konsep masalah mursalah memberikan justifikasi Syariah terhadap pembangunan instrumen wakaf kontemporari. Masalah menerima pertimbangan

keperluan semasa selagi tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Dalam hal ini, wakaf amanah wajar dinilai sebagai satu keperluan kerana ia menyelesaikan beberapa isu utama seperti kelewatan pentadbiran harta pusaka, pertikaian waris, kesukaran pewakaf yang masih memerlukan hartanya semasa hidup, dan beban pentadbiran di pihak MAIN. Oleh itu, pembentukan wakaf amanah mematuhi pendekatan ijtihad kontemporari yang menerima inovasi hukum demi mengangkat masalah masyarakat (Dusuki & Abdullah, 2007).

Ketiga, hubungan antara amanah dan wakaf memberikan asas fiqh kepada model wakaf amanah. Kedua-duanya tergolong dalam akad *tabarru'*, iaitu pemberian kebajikan yang dilakukan secara sukarela. Dalam wakaf amanah pula terdapat unsur *ta'liq*, yakni pelaksanaan yang digantungkan kepada syarat seperti kematian pewakaf. Walaupun mazhab Syafi'i menetapkan bahawa wakaf berlaku serta-merta, pandangan mazhab Maliki dan Hanafi mengharuskan wakaf bersyarat dan wakaf masa hadapan berdasarkan *qiyas* kepada *was'iyah*. Pendekatan ijtihad ini lebih praktikal untuk keperluan semasa kerana ia membenarkan perancangan harta yang fleksibel tanpa menjejaskan rukun dan tujuan wakaf. Pandangan fiqh ini menjadi asas penerimaan konsep wakaf amanah dalam kerangka Syariah moden (Najdi, 2010; AAOIFI, 2017).

Keempat, teori ekonomi Ibn Khaldun menjelaskan bahawa kekuatan sesebuah negara bergantung kepada keseimbangan pengagihan harta dan kebajikan sosial masyarakat. Wakaf secara tradisinya telah menjadi pemangkin utama pembangunan infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan kebajikan dalam tamadun Islam. Ibn Khaldun menekankan bahawa ekonomi ummah akan lebih stabil apabila harta tidak terkumpul secara pasif, tetapi digerakkan dalam bentuk wakaf yang memberi manfaat berterusan kepada masyarakat (Ibn Khaldun, 1967; Chapra, 2008). Maka, wakaf amanah dapat dilihat sebagai lanjutan kepada konsep ini, iaitu mengaktifkan harta pewakaf secara sistematik agar terus memberikan manfaat selepas kematian.



Rajah 2.2 Kerangka Konseptual Kajian

2.9 Jurang kajian

Seiring dengan peningkatan kes pengurusan harta pusaka seperti harta beku, wujud keperluan mendesak terhadap penyelesaian yang lebih teratur dan sistematik melalui pembangunan instrumen wakaf kontemporari yang berfungsi sebagai

mekanisme perancangan harta selepas kematian. Salah satu produk yang berpotensi mengisi kekosongan ini ialah wakaf amanah, iaitu pelaksanaan wakaf yang berkuat kuasa selepas kematian pewakaf tetapi telah dipisahkan daripada harta pusaka dan dilindungi oleh pemegang amanah berautoriti seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Melalui mekanisme ini, hasrat pewakaf dapat dilaksanakan tanpa bergantung kepada persetujuan waris atau proses pembahagian faraid yang lazimnya memakan masa yang panjang (Abdullah et al., 2020). Walau bagaimanapun, kajian berkaitan mekanisme operasinya, implikasi perundangan serta potensinya sebagai instrumen pembangunan ekonomi masih terhad dan belum dibangunkan secara menyeluruh.

Selain itu, jurang kajian yang dikenal pasti melalui ketiadaan model pelaksanaan wakaf yang mengintegrasikan keperluan perancangan harta selepas kematian dengan tuntutan pembangunan ekonomi semasa. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan perbincangan kepada aspek hukum wakaf, pembangunan aset atau instrumen pelaburan wakaf moden, namun kurang memberi perhatian kepada bagaimana instrumen wakaf boleh direka bentuk secara komprehensif untuk menangani isu praktikal seperti harta beku, kelewatan pembahagian pusaka, pelaksanaan niat pewakaf selepas kematian serta pengurusan dokumentasi wakaf yang sah dari sudut Syariah dan perundangan (Hasan & Abdullah, 2018; Abdul Karim et al., 2020). Kekosongan ini signifikan kerana ia berkait rapat dengan memenuhi Maqasid Syariah, khususnya *hifz al-mal*, yang menuntut agar harta dipelihara daripada pembaziran dan dimanfaatkan secara optimum untuk maslahat masyarakat (Said et al., 2019).

2.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab 2 menghimpunkan asas fakta, teori dan perbincangan fiqh klasik serta kontemporari yang berkaitan dengan wakaf, amanah dan instrumen pengurusan harta menurut Syariah. Sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun wakaf amanah tidak dibincangkan secara langsung dan khusus dalam karya-karya terdahulu, konsepnya dapat dikesan melalui asas fiqh yang berkait rapat dengan wakaf bersyarat, *wiṣāyah*, serta prinsip amanah dalam Islam. Perbahasan mazhab, khususnya Maliki dan Hanafi, yang menerima pelaksanaan wakaf bersyarat, menyediakan landasan kukuh untuk membina instrumen wakaf yang lebih fleksibel seperti wakaf selepas kematian. Pandangan ini selari dengan keperluan semasa yang

menuntut inovasi dalam instrumen pengurusan harta Islam agar lebih responsif terhadap realiti sosial dan perundangan masa kini.

Secara lebih khusus, sorotan literatur mendedahkan wujudnya jurang kajian yang signifikan, iaitu ketiadaan model yang komprehensif dan terperinci berkenaan wakaf amanah sebagai satu mekanisme perancangan harta selepas kematian. Walaupun elemen-elemennya seperti syarat wakaf, peranan *waṣī*, kontrak amanah, dan prinsip maqasid *hiḥz al-māl* telah dibincangkan secara berasingan, belum ada penyelidikan yang menggabungkannya secara sistematik sebagai satu model operasi yang boleh digunakan di Malaysia. Kekosongan ini menjadi lebih ketara apabila isu seperti harta beku, kelemahan pengurusan pusaka dan keperluan instrumen alternatif yang patuh Syariah semakin mendesak. Oleh itu, kajian ini hadir untuk memperhalusi ruang kosong tersebut, dengan membangunkan satu model wakaf amanah yang berteraskan masalah, berpaksikan pandangan fuqaha yang relevan, dan selaras dengan keperluan perundangan serta konteks pentadbiran wakaf di Malaysia.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini mengupas pendekatan metodologi yang digunakan dalam kajian berkaitan pembangunan model wakaf amanah komprehensif di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan penyelidikan kualitatif sepenuhnya. Pendekatan ini dipilih bagi memastikan setiap objektif dan persoalan kajian dapat dijawab secara mendalam berdasarkan pemahaman terhadap konteks, pengalaman serta pandangan peserta kajian. Perbincangan dalam bab ini akan merangkumi aspek reka bentuk kajian, pemilihan populasi dan teknik pensampelan, kaedah pengumpulan serta pengurusan data, prosedur analisis data, pembangunan instrumen kajian, serta penilaian terhadap tahap kesahan dan kebolehpercayaan data (Creswell, 2014; Merriam & Tisdell, 2016).

3.2 Penentuan Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan reka bentuk kajian kes untuk meneroka secara mendalam konsep, pelaksanaan, dan cabaran wakaf amanah dalam konteks pengurusan harta Islam di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami makna, pengalaman, dan persepsi pelaku utama terhadap satu fenomena kompleks, terutama apabila sesuatu isu masih baharu dan belum diteroka secara meluas dalam penyelidikan sedia ada (Creswell, 2014; Merriam, 2009). Pemilihan reka bentuk kajian kes juga bertepatan kerana ia fokus kepada satu unit analisis tertentu, iaitu wakaf amanah, dalam konteks institusi dan kerangka undang-undang yang spesifik.

Pelaksanaan kajian kes ini melibatkan pengumpulan data daripada pelbagai sumber seperti temu bual separa berstruktur dengan informan pakar (seperti pengurus institusi wakaf, pakar Syariah dan pengamal undang-undang), analisis dokumen berkaitan (manual operasi, garis panduan wakaf, serta fatwa), dan sorotan literatur. Pendekatan ini membolehkan triangulasi data bagi menjamin kesahihan dapatan serta memperkukuh pemahaman terhadap isu yang diteliti (Yin, 2018). Selain itu, analisis

data dilakukan secara tematik bagi mengenal pasti corak, makna dan tema yang berulang dalam wacana wakaf amanah berdasarkan pengalaman dan realiti semasa.

Signifikannya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan reka bentuk kajian kes kerana sifat penyelidikan yang meneroka fenomena baharu, kompleks dan masih terdapat jurang dalam kajian terdahulu. Menurut Creswell (2014) dan Merriam & Tisdell (2016), pendekatan kualitatif paling sesuai apabila penyelidik ingin memahami makna, proses dan pengalaman subjek kajian secara mendalam sama ada sesuatu yang tidak dapat dicapai melalui kaedah kuantitatif yang bersifat numerikal dan statistik. Dalam konteks wakaf amanah di Malaysia, isu ini belum mempunyai model operasi dan kefahamannya bergantung kepada penjelasan pakar, pengalaman institusi, serta tafsiran Syariah, justeru pendekatan kualitatif adalah paling relevan untuk meneroka dimensi-dimensi tersebut secara menyeluruh.

Pemilihan temu bual separa berstruktur pula adalah berlandaskan kelebihan kaedah ini yang menyediakan keseimbangan antara struktur soalan yang terancang dan fleksibiliti untuk menggali idea tambahan. Creswell (2014) menegaskan bahawa kaedah ini sesuai apabila penyelidik ingin mendalami fenomena, tetapi masih memerlukan panduan supaya data dapat diselaraskan dengan objektif kajian. Kaedah ini membolehkan informan, khususnya pengurus wakaf, pakar Syariah, dan pengamal industri, memberi pandangan secara terbuka tentang isu-isu teknikal, cabaran operasi dan justifikasi fiqh yang tidak dapat diperoleh melalui temu bual berstruktur atau soal selidik. Yin (2018) turut menekankan bahawa dalam kajian kes, kaedah temu bual separa berstruktur merupakan instrumen utama untuk mendapatkan maklumat dan rasional di sebalik amalan semasa.

3.2.1 Kajian Kes

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes sebagai strategi utama bagi membolehkan penyelidik menyelami secara mendalam fenomena wakaf amanah dalam konteks pengurusan harta pusaka Islam. Kajian kes sesuai diaplikasikan kerana ia memberikan kefleksibelan dalam meneroka sesuatu fenomena secara holistik serta membolehkan penyelidik menilai kerumitan pelaksanaannya dalam konteks sebenar (Priya, 2021; Hyett et al., 2014; Stake, 1995). Oleh itu, pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami dinamika, cabaran, dan potensi pelaksanaan wakaf amanah


dengan mempertimbangkan latar institusi, hukum syarak, dan budaya tempatan yang mempengaruhi pelaksanaannya.

Di samping itu, kajian kes juga amat relevan dalam membangunkan dan menilai model baharu dalam persekitaran yang kompleks seperti pembangunan produk wakaf, yang memerlukan integrasi antara dasar, pentadbiran, dan norma agama. Menurut Baxter dan Jack (2008), kajian kes berupaya menjawab persoalan penyelidikan yang melibatkan penilaian terhadap program atau intervensi baharu. Dalam konteks ini, penggunaan kajian kes memberikan asas kukuh untuk menilai kesesuaian dan keberkesanan model wakaf amanah yang dicadangkan, serta mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik sebelum pelaksanaannya secara lebih meluas

3.3 Reka Bentuk Kajian Kualitatif

Menurut Bryman (2008), penyelidikan kualitatif lazimnya bermula dengan mengenal pasti persoalan kajian yang bersifat eksploratif dan terbuka. Seterusnya, penyelidik memilih lokasi kajian atau kumpulan sasaran yang relevan untuk ditemubual atau diperhatikan secara langsung. Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah seperti temubual mendalam, nota lapangan dan dokumen, diikuti dengan proses analisis tematik bagi mengenal pasti pola, makna dan hubungan antara tema.

Proses analisis dijalankan secara induktif, di mana dapatan dibina daripada maklumat lapangan yang dikumpulkan, bukan berdasarkan andaian awal. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menyesuaikan diri dengan data dan mengubah hala tuju analisis mengikut keperluan. Data yang diperoleh dianalisis dalam beberapa pusingan untuk membentuk pemahaman teoritikal atau konseptual yang kukuh terhadap fenomena yang dikaji. Rajah berikut akan menggambarkan secara visual proses kajian kualitatif dalam penyelidikan ini:




Rajah 3.1 Proses Kajian Kualitatif

Pendekatan kualitatif dipilih dalam kajian ini kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan gambaran yang mendalam dan holistik terhadap fenomena yang kompleks seperti pembangunan model wakaf amanah. Pendekatan ini membolehkan penerokaan mendalam terhadap pemahaman, pandangan, serta pengalaman pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan wakaf, termasuk institusi agama, perancang kewangan, dan pewakaf sendiri. Menurut Creswell (2013), kaedah kualitatif sangat sesuai untuk menyelidik isu sosial yang kompleks dan kontekstual, khususnya apabila objektif kajian melibatkan penerokaan makna dan pengalaman individu.

Tambahan pula, Merriam dan Tisdell (2015) menyatakan bahawa pendekatan kualitatif memberi fleksibiliti kepada penyelidik untuk menyesuaikan reka bentuk kajian sepanjang proses penyelidikan, seterusnya menjadikan dapatan lebih relevan dengan realiti industri semasa. Dalam konteks kajian ini, penggunaan data kualitatif membolehkan penyelidik mengenal pasti tema, pola, dan hubungan yang penting bagi membentuk asas model wakaf amanah yang praktikal dan bersesuaian dengan keperluan semasa. Ini selari dengan pendekatan *grounded theory* yang digunakan secara meluas untuk membina teori atau model baharu berasaskan dapatan lapangan. Selain itu, Patton (2002) menegaskan bahawa pendekatan kualitatif adalah penting dalam peringkat awal pembangunan sesuatu produk atau dasar kerana ia membolehkan pemahaman menyeluruh terhadap potensi, halangan dan persepsi pengguna sebelum model dicadangkan.

Justeru, pendekatan ini amat relevan untuk menjayakan objektif kajian yang bertujuan mencadangkan satu kerangka model wakaf amanah yang komprehensif.

Maka, Bagi merealisasikan pendekatan kualitatif yang dipilih, reka bentuk kajian ini dirangka dalam tiga fasa utama yang saling berkait dan membentuk satu rangka kerja penyelidikan yang tersusun serta berstruktur. Setiap fasa disusun secara berperingkat bagi memastikan pencapaian objektif kajian dapat dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu. Pembahagian fasa ini bukan sahaja membantu memperjelas hala tuju kajian, tetapi turut memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan keseluruhan proses penyelidikan. Rajah 3.3.2 memaparkan gambaran aliran pelaksanaan kajian secara menyeluruh berdasarkan susunan ketiga-tiga fasa tersebut.



Rajah 3.2 Fasa-Fasa Kajian

3.3.1 Fasa Pertama: Fasa Awal Penstrukturan Kajian

Fasa pertama memberi fokus kepada pembentukan asas kajian, yang bertujuan membina kefahaman awal terhadap maksud, ruang lingkup dan matlamat penyelidikan sebelum pelaksanaan fasa-fasa seterusnya seperti penulisan terperinci dan pengumpulan data lapangan (Hua, 2016). Dalam fasa ini, penekanan diberikan kepada tiga elemen utama yang saling melengkapi.

Elemen pertama melibatkan pengenalan kajian, yang merangkumi proses mengenal pasti isu utama yang menjadi teras penyelidikan. Ia merangkumi pembentukan persoalan kajian, perumusan objektif yang ingin dicapai serta penetapan skop dan batasan kajian. Proses ini penting bagi memastikan hala tuju penyelidikan lebih fokus, terarah dan selaras dengan isu sebenar yang ingin dirungkai.

Elemen kedua pula berkaitan dengan sorotan literatur dan analisis dokumen relevan. Fasa ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh pemahaman terhadap reka bentuk dan asas konseptual wakaf amanah, terutamanya dari perspektif

Islam dan kerangka perundangan sedia ada. Penekanan khusus diberikan kepada integrasi antara konsep wakaf dan amanah sebagai asas kepada pembentukan model inovatif dalam pengurusan harta umat Islam.

Untuk membina pemahaman yang komprehensif, data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan yang memfokuskan kepada pelbagai sumber ilmiah. Sumber tersebut termasuk bahan digital dan bercetak, seperti kitab turath (klasik), buku kontemporari, jurnal akademik (berwasit dan tidak berwasit), artikel ilmiah serta laporan seminar yang berkaitan dengan topik kajian. Analisis mendalam terhadap sumber-sumber ini membantu penyelidik membina asas teori dan konsep yang mantap.

Bagi memastikan kesahihan dan ketepatan sumber, enjin carian dalam talian seperti Web of Science (WoS), Scopus, Emerald Insight, Google Scholar dan MyJurnal telah digunakan secara strategik. Pendekatan ini membolehkan maklumat yang diperoleh bukan sahaja relevan dan sahih, tetapi juga mencerminkan perkembangan semasa dalam perbincangan berkaitan wakaf dan amanah menurut pandangan ilmuwan Islam serta kerangka undang-undang di Malaysia. Beberapa perpustakaan fizikal turut dikunjungi bagi mendapatkan sumber maklumat dan bahan rujukan yang relevan dengan keperluan kajian ini. Antara perpustakaan yang telah menjadi lokasi pencarian data termasuklah:

- i. Perpustakaan Tun Abdul Razak
- ii. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
- iii. Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin
- iv. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia

Seterusnya, elemen ketiga dalam kajian ini melibatkan analisis dokumen. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan, iaitu satu kaedah yang sesuai untuk meneliti bahan berbentuk teks seperti ucapan, penulisan, serta tingkah laku yang telah direkodkan bagi tujuan penyelidikan (Krippendorff, 2018; Bowen, 2009). Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti konsep, prinsip dan kerangka pelaksanaan wakaf amanah sebagaimana yang diuraikan dalam dokumen dasar, laporan rasmi, serta bahan ilmiah yang berkaitan.

Selain itu, data yang dikumpulkan melalui temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah ini dipilih kerana sifatnya yang sistematik dalam mengenal pasti, mengorganisasi, serta memberikan makna kepada corak data kualitatif.

Analisis tematik membolehkan penyelidik mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan pelaksanaan, cabaran, dan potensi wakaf amanah dalam konteks pembangunan sosioekonomi umat Islam di Malaysia. Proses analisis bermula dengan transkripsi penuh temu bual, diikuti oleh pembinaan kod awal yang mewakili konsep asas daripada data. Kod-kod ini kemudiannya dikategorikan ke dalam subtema dan seterusnya dibangunkan menjadi tema utama yang menjawab persoalan kajian (Nowell et al., 2017).

Dalam kajian ini, proses analisis dibantu oleh perisian NVivo 14 yang berfungsi sebagai Computer Assisted Qualitative Data Analysis Software (CAQDAS). Penggunaan NVivo 14 membolehkan data dianalisis secara lebih mendalam, teratur dan berstruktur, di samping mengurangkan risiko kehilangan maklumat penting semasa pengekodan manual. Beberapa ciri penting NVivo 14 telah dimanfaatkan, antaranya:


1. Crosstab Analysis – digunakan untuk memeriksa hubungan silang antara tema utama dengan kategori informan, contohnya perbandingan antara institusi berbeza (PNB, MyAngkasa, As-Salihin, PWS) dengan pandangan akademik. Ciri ini membantu memperlihatkan perbezaan dan persamaan pandangan secara visual serta kuantitatif (Brandão, 2015).
2. Mindmap Analysis – digunakan untuk membina peta minda yang memaparkan rangkaian hubungan antara kod, subtema, dan tema utama. Kaedah ini memberikan gambaran konseptual mengenai bagaimana isu-isu utama seperti perundangan, cabaran pentadbiran, dan potensi wakaf amanah saling berkait, sekali gus memperkukuh kebolehfahaman pembaca terhadap dapatan kajian.
3. Carta Hierarki – membantu memvisualisasikan tahap hubungan antara tema dan subtema, serta menunjukkan sejauh mana kekerapan isu tertentu muncul dalam data. Carta hierarki yang dihasilkan memberikan gambaran visual yang jelas mengenai kepentingan relatif setiap tema berdasarkan kekerapan kod yang muncul daripada transkrip temu bual.

Selain daripada itu, Text Search Query dan Analisis Naratif turut diaplikasikan dalam NVivo 14 untuk meneliti makna, kata kunci, dan konteks tertentu yang berkaitan dengan isu penyelidikan. Analisis naratif ini membolehkan penyelidik memahami bagaimana informan membentuk makna terhadap konsep wakaf amanah, serta bagaimana wacana tersebut dikaitkan dengan kerangka Syariah dan perundangan sivil.

Pendekatan ini sejalan dengan dapatan kajian kualitatif lain yang menekankan pentingnya mencari makna di sebalik naratif yang dikemukakan oleh informan utama.

Oleh itu, penggunaan NVivo 14 dalam analisis tematik bukan sahaja memperkukuh kebolehpercayaan (trustworthiness) dapatan kajian, tetapi juga membolehkan maklumat daripada pelbagai kategori informan digabungkan secara sistematik. Hasilnya ialah satu gambaran menyeluruh mengenai wakaf amanah, yang bukan sahaja dilihat daripada perspektif praktikal institusi tetapi juga diteliti melalui lensa akademik dan Syariah. Dengan cara ini, analisis yang dilakukan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan ilmu serta amalan pengurusan harta Islam kontemporari.

Secara ringkasnya, Rajah 3.2 menunjukkan hubungan sistematik antara objektif kajian dengan kaedah pengumpulan dan analisis data yang dilaksanakan dalam Fasa Pertama. Fasa ini memberi tumpuan kepada pencapaian objektif 1 dan 2 melalui pendekatan kualitatif yang menyeluruh, merangkumi teknik analisis dokumen dan analisis tematik.



Rajah 3.3.3 Hubungan Sistematik Antara Objektif Kajian Dengan Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data Fasa Satu

3.3.2 Fasa Kedua: Fasa Pengumpulan Data & Kerja Lapangan

Fasa kedua kajian ini merangkumi pelaksanaan kajian lapangan yang bertujuan untuk mencapai objektif utama penyelidikan, iaitu meneroka potensi wakaf amanah sebagai instrumen dalam pengurusan harta umat Islam, sama ada untuk manfaat individu mahupun masyarakat secara kolektif. Dalam fasa ini, pengumpulan data dijalankan melalui interaksi langsung bersama informan utama yang terdiri daripada individu berpengalaman dan institusi berkepakaran dalam bidang wakaf, seperti pensyarah akademik dan pegawai dari Perbadanan Wakaf Selangor. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh pandangan yang holistik dan autentik berdasarkan realiti semasa pelaksanaan wakaf amanah. Empat komponen utama yang mendasari pelaksanaan fasa ini ialah pengumpulan data, pengurusan data, analisis data dan penyataan dapatan kajian (Merriam & Tisdell, 2016).


Temu bual yang dijalankan telah dirakam dan ditranskripsi sepenuhnya bagi tujuan analisis yang teliti. Di samping itu, data berkaitan potensi wakaf amanah dalam pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia turut diperoleh melalui dokumen dan fail yang berkaitan. Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan, yang membolehkan penyelidik mengenal pasti tema, pola, dan makna tersirat dalam data kualitatif (Braun & Clarke, 2022). Perisian NVivo digunakan untuk membantu proses pengurusan dan analisis data secara sistematik, khususnya dalam menyusun, menandakan kod dan membina tema secara efisien dan teratur (Bazeley & Jackson, 2013).

Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi prinsip-prinsip etika penyelidikan bagi memastikan ketelusan dan integriti akademik. Sebelum pengumpulan data dijalankan, kebenaran rasmi telah diperoleh daripada pihak berautoriti yang berkaitan serta daripada semua responden kajian. Setiap responden telah diberikan penerangan yang jelas berkaitan tujuan kajian, kaedah pengumpulan data, serta implikasi penggunaan maklumat yang diberikan. Persetujuan dimaklumkan (*informed consent*) diperoleh secara bertulis, termasuk keizinan untuk menggunakan nama sebenar dan jawatan responden dalam pelaporan kajian ini, selaras dengan persetujuan yang telah diberikan tanpa sebarang paksaan.

Selain itu, walaupun identiti responden dinyatakan secara terbuka berdasarkan keizinan mereka, penyelidik tetap mengekalkan amalan pengendalian data secara beretika dan profesional. Semua maklumat yang dikumpulkan digunakan secara

bertanggungjawab, terhadap kepada skop kajian, dan dianalisis tanpa sebarang manipulasi yang boleh menjejaskan kesahihan dapatan. Data temubual, dokumen dan rekod sokongan disimpan secara selamat serta hanya digunakan untuk tujuan akademik. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan pematuhan etika penyelidikan, malah meningkatkan tahap kebolehpercayaan (*credibility*) dan ketulenan (*authenticity*) dapatan kajian.

Fasa kedua ini memberi tumpuan khusus kepada pencapaian Objektif Kedua, iaitu meneroka potensi wakaf amanah dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Data diperoleh melalui kaedah temu bual bersama informan berkepakaran, disokong oleh kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kesemua data dianalisis menggunakan gabungan analisis tematik dan analisis kandungan, bagi mengenal pasti pendekatan, strategi dan potensi pelaksanaan wakaf amanah secara lebih komprehensif. Ringkasan pelaksanaan Fasa Kedua ditunjukkan dalam Rajah 3.3.4



Rajah 3.3.4 Hubungan Sistematik Antara Objektif Kajian Dengan Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data Fasa Dua

3.3.3 Fasa Ketiga: Fasa Pemerhatian dan Kerja Lapangan

Fasa ini memberi tumpuan kepada Objektif Ketiga kajian, iaitu mencadangkan struktur dan model wakaf amanah yang dapat dijadikan panduan dalam membangunkan produk wakaf amanah di Malaysia. Proses pembentukan model ini dilaksanakan dalam dua peringkat utama, iaitu: (1) penentuan isu atau cabaran praktikal berkaitan pelaksanaan wakaf amanah di Malaysia, dan (2) pembinaan model konseptual berdasarkan dapatan kajian lapangan serta sorotan literatur, sebagaimana dicadangkan oleh Yin dan McKay (2018). Pendekatan ini membolehkan penghasilan model wakaf amanah yang bersifat praktikal dan berasaskan realiti semasa, selari dengan keperluan pewakaf serta keupayaan institusi pengurusan wakaf.

1. Peringkat Penentuan Masalah Simulasi

Pada peringkat ini, kes pelaksanaan wakaf amanah melibatkan entiti seperti Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. telah dianalisis bagi menilai isu sebenar dalam pelaksanaan serta pengurusannya. "Masalah simulasi" merujuk kepada situasi sebenar di lapangan yang memberi gambaran langsung tentang cabaran pengoperasian wakaf amanah (Yin & McKay, 2018). Dalam konteks ini, dua isu utama telah dikenal pasti.

Pertama, terdapat kekurangan produk wakaf yang fleksibel dan mesra kepada pewakaf, khususnya yang membolehkan penyerahan harta selepas kematian. Kekangan ini menjejaskan hasrat pewakaf untuk mengekalkan penggunaan harta semasa hayat, sekali gus menghadkan potensi penjanaan dana wakaf yang signifikan untuk pembangunan ekonomi umat Islam. Masalah ini turut berpunca daripada ketiadaan perkhidmatan khas berkaitan wakaf pascakematian dalam kalangan institusi wakaf sedia ada.

Kedua, pengurusan harta pusaka melalui sistem faraid konvensional yang kompleks dan memakan masa akibat peningkatan kes serta kekangan sumber manusia. Dalam konteks ini, wakaf amanah dilihat mampu mempercepatkan penyaluran harta melalui pelantikan pemegang amanah yang bertindak sebagai pelaksana hasrat pewakaf selepas kematian, tanpa perlu melalui proses pewarisan yang berpanjangan. Dapatan daripada temu bual, dokumen dan literatur digunakan sebagai asas pembentukan model yang praktikal dan patuh Syariah.


2. Peringkat Pembinaan Model Konsep

Dalam peringkat ini, elemen-elemen utama pembentukan model wakaf amanah dikenalpasti melalui analisis data lapangan, analisis tematik dan sorotan dokumen institusi seperti PWS dan PNB. Fokus diberikan kepada strategi yang dapat mengatasi cabaran pembangunan ekonomi umat Islam serta pengurusan harta pusaka melalui instrumen wakaf amanah.

Antara elemen penting yang dikenalpasti termasuk:

- i. Reka bentuk kontrak wakaf amanah yang membolehkan penyerahan harta selepas kematian pewakaf secara sah dan teratur.
- ii. Peranan pemegang amanah (seperti PWS atau institusi berkaitan) dalam melaksanakan hasrat pewakaf tanpa melalui proses pewarisan konvensional.
- iii. Cadangan struktur pentadbiran wakaf amanah, terutamanya melibatkan penawaran produk wakaf pasca-kematian.
- iv. Usaha pendidikan dan pemasyarakatan wakaf amanah kepada komuniti bagi meningkatkan kesedaran serta penyertaan masyarakat.

Model yang dibangunkan akan dibentangkan dan disemak oleh pakar dalam bidang wakaf, termasuk pengamal institusi, ahli akademik dan pentadbir pusaka. Semakan ini bertujuan memastikan model tersebut memenuhi kehendak Syariah, praktikal untuk dilaksanakan serta selaras dengan keupayaan institusi seperti PWS, PNB dan MyAngkasa untuk mengadaptasinya. Rajah 3.4 seperti dibawah:



Rajah 3.3.5 Hubungan Sistemik Antara Objektif Kajian Dengan Kaedah Pengumpulan Dan Analisis

Sebagai kesimpulan, hubungan antara objektif kajian dan metodologi yang digunakan dapat dirujuk dalam Jadual 3.2. Jadual ini memberikan gambaran secara ringkas dan jelas mengenai pendekatan metodologi yang diaplikasikan bagi mencapai setiap objektif kajian. Tujuannya adalah untuk menilai kesesuaian kaedah yang dipilih agar selari dengan matlamat dan hala tuju penyelidikan secara keseluruhan.

Jadual 3.1

Ringkasan Metodologi Kajian Yang Diketengahkan

Fasa Kajian	Aktiviti Utama	Tempoh Pelaksanaan	Hasil / Output Utama
Fasa 1: Penstrukturan Awal Kajian	- Mengetahui pasti isu kajian, persoalan & objektif	Bulan 1 – 6	- Kerangka teori & konsep wakaf amanah terbentuk. - Pemahaman awal terhadap isu,

	<ul style="list-style-type: none"> - Menetapkan skop dan batasan kajian. - Sorotan literatur melalui sumber turath & kontemporari. - Carian kajian dalam WoS, Scopus, Emerald, MyJurnal, Google Scholar. - Lawatan ke perpustakaan untuk rujukan fizikal. - Analisis dokumen awal menggunakan kaedah analisis kandungan. - Temu bual separa berstruktur bersama informan pakar (PWS, PNB, MyAngkasa, akademik). 		<p>konteks & jurang kajian.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan instrumen temu bual awal. -Senaraikan soalan dan mendapatkan pengesahan dari pada pemeriksa (pensyarah).
<p>Fasa 2: Pengumpulan Data & Kerja Lapangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pengumpulan dokumen institusi wakaf (manual operasi, garis panduan, fatwa) .- Transkripsi temu bual.- Analisis tematik 	<p>Bulan 6 – 20</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Tema-tema utama berkaitan pelaksanaan & potensi wakaf amanah dikenal pasti. - Dapatan empirikal tentang cabaran, peluang & realiti institusi. - Pengesahan triangulasi data antara temu bual, dokumen &

	<p>menggunakan NVivo 14 (pengekodan, peta minda, Carta Hierarki).</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemerhatian terhadap operasi institusi terlibat. - Analisis isu simulasi berkaitan wakaf amanah (kelewatan faraid, kekurangan produk fleksibel). 	literatur.
<p>Fasa 3: Pemerhatian & Pembinaan Model</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan model konseptual berdasarkan dapatan lapangan. - Semakan model oleh pakar Syariah, undang-undang dan pengamal institusi. - Penambahbaikan model mengikut maklum balas pakar. 	<ul style="list-style-type: none"> - Model cadangan Wakaf Amanah Malaysia dibangunkan. - Pengesahan pakar (expert validation). - Cadangan strategi pelaksanaan & struktur pentadbiran wakaf amanah.

3.4 Pensampelan dan Fokus Kajian

3.4.1 Pensampelan

Kajian ini memfokuskan kepada dua kategori utama informan, iaitu pemain industri dan tenaga akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang wakaf, pengamanahan dan pengurusan harta Islam. Pemilihan kategori ini dibuat bagi

mendapatkan perspektif yang menyeluruh daripada kedua-dua pihak: pelaksana di lapangan serta ahli akademik yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan ilmu berkaitan wakaf.

Bagi kategori pemain industri, beberapa organisasi telah dikenal pasti atas sumbangan signifikan mereka dalam sektor wakaf, khususnya menerusi inisiatif berimpak tinggi yang berkait dengan wakaf amanah. Antara entiti yang terlibat termasuk Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), yang memainkan peranan penting dalam pembangunan aset wakaf negeri Selangor; Permodalan Nasional Berhad (PNB), yang menunjukkan potensi dalam mengintegrasikan instrumen pelaburan dengan model wakaf; MyAngkasa Amanah Berhad, sebagai pemegang amanah profesional; serta Amanah Warisan Berhad (Assalihin Berhad), yang khusus dalam pengurusan harta pusaka dan pewarisan berlandaskan Syariah.

Sementara itu, bagi kategori tenaga akademik, kajian memberi tumpuan kepada pensyarah dan penyelidik dalam bidang wakaf serta pengurusan harta Islam daripada institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pemilihan ini bertujuan mendapatkan pandangan mendalam berdasarkan prinsip hukum Syariah serta keperluan semasa dalam penggubalan struktur wakaf amanah yang bersifat holistik dan praktikal.

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

3.5.1 Kesahan

Kesahan merujuk kepada sejauh mana sesuatu instrumen atau kaedah penyelidikan benar-benar mengukur perkara yang dimaksudkan untuk dinilai. Menurut, kesahan merangkumi aspek ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), dan kebermaknaan (*meaningfulness*). Dalam kajian ini, kesahan diperkuat melalui kaedah semakan informan (*member checking*), di mana draf hasil kajian dibawa semula kepada informan untuk pengesahan ketepatan maklumat serta relevansi makna yang dinyatakan (Motulsky, 2021).

Selain itu, Creswell (2008) dan Holand (2002) berpandangan bahawa pengulangan perkataan atau istilah tertentu dalam kalangan informan boleh menjadi indikator kepada kesahan data. Apabila sesuatu istilah atau makna yang hampir serupa

kerap muncul dalam temu bual atau pernyataan informan, ia menunjukkan kewujudan konsistensi makna serta kejelasan konsep yang dikemukakan oleh peserta kajian.

Sebagai rumusan, pendekatan kesahan dalam kajian ini dilaksanakan melalui pengesahan oleh peserta kajian dan pengukuhan maklumat melalui elemen pengulangan, yang berfungsi sebagai mekanisme penting dalam menjamin ketepatan, kebolehpercayaan, dan ketulenan data yang diperoleh.

3.5.2 Kebolehpercayaan

Terdapat pelbagai kaedah yang telah diperkenalkan oleh pakar dalam bidang metodologi kajian untuk menilai tahap kebolehpercayaan. Dalam kajian ini, kaedah semakan silang digunakan sebagai satu strategi untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan. Menurut Tisdell (2009) dan Azman et al., (2024), peserta kajian akan mengesahkan transkrip temu bual dan interpretasi awal penyelidik sebagai langkah untuk mengurangkan sebarang salah tafsir serta memastikan ketepatan dalam pembentangan data. Kaedah ini turut dikenali sebagai *member checking*, iaitu peserta diberi peluang untuk menyemak semula hasil temu bual mereka dan memberikan maklum balas terhadap kesahihan transkripsi.

Selain itu, kajian ini turut melibatkan proses semakan pakar atau *peer review*, di mana beberapa ahli akademik dan pakar dalam bidang berkaitan menilai ketepatan dan kesesuaian instrumen temu bual serta analisis data. Proses ini sejajar dengan amalan penyelidikan kualitatif yang menekankan kepada penilaian bebas untuk mengurangkan bias penyelidik dan meningkatkan ketelusan data (Motulsky, 2021).

Seterusnya, kaedah semakan informan seperti yang dicadangkan oleh Ghazali & Sufean (2016) turut dilaksanakan, di mana rakaman temu bual telah ditranskripsikan secara *verbatim* dan kemudian disemak semula oleh informan bagi memastikan ketepatan kandungan serta maksud. Langkah ini mengukuhkan kebolehpercayaan analisis data melalui pengesahan langsung oleh sumber maklumat utama dalam kajian.

1.Pengumpulan Data Temu Bual & Dokumen Sokongan	
2.Transkripsi & Import ke NVivo 14	
3.Pelaziman Data (Pembacaan Berulang, Memo)	
4.Pengekodaan Awal	
5.Analisis Tematik dengan NVivo	
<ul style="list-style-type: none"> • Carian Teks • Perbandingan Pengekodaan • Carta Hierarki • Peta Minda • Analisis Silang 	
6.Pembentukan Subtema & Tema Utama (Corak, Makna, Hubungan)	
7.Triangulasi Data Temu Bual Dokumen Institusi Literatur	
8.Penghasilan Dapatan & Penulisan Bab 4	

Rajah 3.2 Proses Analisis Data Temu Bual Menggunakan Nvivo 14

3.6 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan reka bentuk metodologi yang digunakan untuk meneliti pelaksanaan wakaf amanah dalam konteks institusi dan amalan semasa di Malaysia. Pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh pemahaman mendalam terhadap pengalaman, perspektif dan hujah fiqh para informan. Pemilihan informan dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan hanya individu yang mempunyai kepakaran dalam wakaf, amanah dan perundangan Islam terlibat, termasuk wakaf zurri serta isu-isu berkaitan wakaf bersyarat. Proses pengumpulan data turut disokong oleh semakan dokumen dan analisis literatur untuk memastikan triangulasi dan ketepatan maklumat.

Analisis data dijalankan menggunakan perisian NVivo bagi memudahkan proses pengekodan, pengasingan tema dan mengesan pola yang berkaitan dengan objektif kajian. Proses ini melalui beberapa peringkat iaitu transkripsi, pengekodan awal, pembangunan tema dan semakan silang bagi memastikan kebolehpercayaan dapatan. Keseluruhannya, Bab Tiga menggariskan kaedah yang sistematik dan telus untuk memastikan dapatan yang dilaporkan dalam Bab Empat adalah sahih, boleh dipercayai dan benar-benar mencerminkan realiti pelaksanaan wakaf amanah dalam konteks institusi di Malaysia.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis tematik terhadap data temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan dengan enam orang informan kajian. Data temu bual dianalisis menggunakan perisian NVivo 14 bagi membantu proses pengurusan, pengkodan dan pengelompokan maklumat secara sistematik. Analisis ini dilakukan mengikut enam fasa Analisis Tematik yang dicadangkan oleh Analisis data kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik secara naratif, dengan memberi penekanan kepada naratif informan yang kemudiannya diolah kepada tema dan subtema utama. Pendekatan ini lebih menekankan tafsiran makna berbanding prosedur teknikal pengkodan yang rigid (Braun & Clarke, 2019; Creswell & Poth, 2018).

Penyusunan dapatan dalam bab ini mengikut tema utama dan subtema yang telah dikenal pasti melalui proses pengkodan dalam NVivo. Setiap tema dibentangkan bersama petikan verbatim daripada informan yang telah diberikan kod (R1 hingga R6) bagi tujuan penyusunan data yang lebih kemas. Petikan ini dipilih berdasarkan kemampuan untuk mewakili isu, pandangan, dan pengalaman yang relevan dengan objektif kajian. Penjelasan naratif turut disertakan bagi menghubungkan dapatan dengan konteks kajian, di samping disokong dengan visualisasi data seperti peta minda, Carta Hierarki, dan model hubungan yang dihasilkan daripada NVivo.

4.2 Profil Informan Kajian

Seramai enam orang informan dipilih secara pensampelan bertujuan kerana mereka mewakili institusi utama yang terlibat secara langsung dalam pengurusan wakaf, amanah, dan pentadbiran harta umat Islam di Malaysia. Pemilihan wakil industri daripada MyAngkasa Amanah Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), dan As-Salihin Trustee Berhad adalah berasaskan kepakaran mereka dalam operasi amanah, instrumen hibah, pengurusan aset wakaf serta penyelarasan Syariah dalam institusi kewangan dan wakaf. Kesemua mereka

memegang jawatan dalam pengurusan dan mempunyai pengalaman kerja yang luas, menjadikan pandangan mereka relevan untuk meneroka potensi pelaksanaan wakaf amanah secara praktikal. Keterlibatan mereka juga penting kerana institusi-institusi ini memainkan peranan besar dalam inovasi produk amanah dan wakaf kontemporari, termasuk hibah amanah, wakaf unit amanah, serta pengurusan hartanah wakaf.

Di samping itu, dua orang informan akademik, iaitu Dr. Muhamad Mu'izz bin Abdullah (UKM) dan Dr. Norazlina Mamat (UiTM), dipilih kerana kepakaran mereka dalam bidang Fiqh Muamalat, Fiqh Wakaf, dan Undang-Undang Syariah. Kehadiran sarjana ini memastikan analisis yang diperoleh bukan sahaja berpaksikan realiti industri tetapi turut diteliti melalui lensa fiqh, maqasid dan kerangka perundangan Islam. Kesemua informan ini mempunyai latar belakang ilmu dan pengalaman yang mendalam berkaitan wakaf, amanah dan pengurusan harta, justeru memberikan justifikasi kukuh terhadap kesesuaian mereka sebagai informan kajian. Gabungan pandangan industri dan akademik ini membolehkan dapatan kajian menjadi lebih komprehensif, seimbang, dan berautoriti dalam membentuk model wakaf amanah yang praktikal serta patuh Syariah.

Jadual 4.1

Senarai Informan


Senarai Informan Kajian		
Informan	Jawatan	Institusi
Mohd Zulkifli Ismail	Board of Director	MyAngkasa Amanah
Muhammad Syafiq Abduullah	General Manager	Berhad
Norsyah Sharipuddin	Hibah & Amanah Operations	
Nor Azizah Tukiran	Shariah Management	Permodalan Nasional Berhad (PNB)
Ibnu Hubain Abdul Aziz	Eksekutif	Perbadanan Wakaf
Mohd Hafiz Ismail	Bahagian Kewangan	Selangor (PWS)
Norhalisa Mujer	Bahagian Hartanah	
Afiq Fazail	Operations	As-Salihin Trustee Berhad
Dr. Muhamad Mu'izz Abdullah	Pensyarah	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Dr. Norazlina Mamat	Pensyarah	Universiti Teknologi MARA (UiTM)

4.3 Proses Analisis Data

Proses analisis data dalam kajian ini dijalankan secara sistematik menggunakan kaedah Analisis Tematik seperti yang dicadangkan oleh (Braun & Clarke, 2019). Data temu bual separa berstruktur dianalisis dengan bantuan perisian NVivo 14 untuk menguruskan, mengekod, dan menghubungkan maklumat secara teratur. Proses analisis bermula dengan transkripsi penuh semua rakaman temu bual, diikuti langkah membaca berulang kali bagi membiasakan diri dengan kandungan data.

Seterusnya, pengekodan awal (*initial coding*) dilaksanakan secara induktif, iaitu kod dibentuk terus daripada data tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerangka teori sedia ada. Melalui pengekodan ini, pelbagai segmen data yang mempunyai makna serupa dikumpulkan di bawah kategori yang sama. NVivo digunakan untuk

menandakan segmen data tersebut, membolehkan pengelompokan automatik dan visualisasi hubungan antara kod.



Rajah 4.1 Peta Minda Topik Utaman Dalam Nvivo

Hasil proses ini telah menghasilkan lima tema utama seperti yang digambarkan dalam peta minda NVivo:


1. **Definisi** – membincangkan variasi takrifan berkaitan wakaf amanah, termasuk konsep yang hampir serupa dengan instrumen lain, definisi wakaf oleh pelbagai pihak, definisi pengamanahan, serta perbezaan tafsiran antara institusi. Perbezaan ini mempengaruhi kefahaman dan keseragaman pelaksanaan di peringkat nasional (Mohd Zamro et al., 2022).
2. **Isu-isu** – merangkumi pelbagai permasalahan berkaitan pelaksanaan wakaf amanah seperti isu ketidakselarasan dengan maqasid Syariah, peranan pemegang amanah, kekangan pelaksanaan, niat pewakaf, syarat yang dikenakan, perundangan wakaf, penerimaan oleh pihak berautoriti agama, serta penggunaan harta wakaf. Tema ini penting kerana ia menggambarkan titik-titik kelemahan yang memerlukan perhatian segera dalam pengurusan wakaf amanah (Abdul Rahman Najdi, 2010; Mohd Zamro et al., 2022a).
3. **Cabaran** – meliputi aspek halangan yang dihadapi seperti cabaran perundangan, cabaran pelaksanaan di lapangan, kekangan hak pemilikan, dan batasan dari sudut peraturan. Faktor-faktor ini membentuk konteks realiti industri yang mempengaruhi kejayaan model wakaf amanah (Said et al., 2019; Yusof, 2008).
4. **Potensi** – merujuk kepada peluang yang boleh dimanfaatkan daripada pelaksanaan wakaf amanah, seperti potensi pelaburan, penjana pendapatan

berterusan, dan pembangunan komuniti. Potensi ini dapat direalisasikan melalui strategi yang berkesan dan sokongan dasar yang kukuh (Azis et al., 2021).

5. **Cadangan Model** – menekankan saranan informan terhadap model pengurusan wakaf amanah yang lebih mampan, fleksibel, dan sesuai dengan keperluan semasa. Antara cadangan termasuklah model bersepadu yang menggabungkan prinsip Syariah, kecekapan pengurusan, dan kemudahan pengawasan (Norazlina Abd Wahab et al., 2021; Amalina Mursidi et al., 2022).

Melalui penggunaan NVivo, hubungan antara tema-tema ini dapat divisualisasikan dengan jelas, memudahkan pengkaji mengenal pasti corak (*patterns*) dan makna yang mendalam daripada data. Analisis ini bukan sahaja membolehkan penyusunan dapatan secara sistematik, malah meningkatkan kebolehpercayaan melalui proses peer debriefing dengan rakan penyelidik yang boleh dipercayai (Creswell, 2014).

Rajah 4.2 di bawah menunjukkan Carta Hierarki yang dihasilkan melalui analisis dalam perisian NVivo 14. Carta ini memvisualisasikan tema dan subtema yang diperoleh daripada pengekodan data temu bual informan. Saiz setiap blok dalam carta mencerminkan kekerapan atau jumlah rujukan kod yang dikaitkan dengan tema tersebut. Melalui visualisasi ini, dapat dilihat hubungan hierarki antara tema utama beserta subtema yang menyokongnya. Paparan ini memudahkan pengkaji mengenal pasti fokus utama yang dibincangkan oleh informan serta menghubungkannya dengan objektif kajian. Oleh itu, dengan bantuan perisian nvivo memberikan fokus kepada kata kunci yang perlu di ketengankan dalam setiap tema yang akan di bincangkan.



Rajah 4.2 Visualisasi Jawapan Informan (Carta Hierarki)

Langkah seterusnya dalam analisis tematik ialah membuat perbandingan antara tema utama dan kata kunci subtema bagi memastikan dapatan benar-benar mencerminkan pandangan informan. Tema seperti Definisi, Isu-isu, Cabaran, Potensi dan Cadangan Model mengandungi subtema yang merangkumi kata kunci atau konsep tertentu. Dalam kajian ini, pendekatan analisis naratif digunakan bagi menyusun dan menghuraikan data secara lebih terperinci. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengekstrak makna daripada pengalaman dan pandangan informan, seterusnya membina jalan cerita yang konsisten berdasarkan tema-tema utama yang dikenal pasti. Analisis naratif juga memberi ruang untuk meneliti konteks, emosi, serta hujah yang mendasari sesuatu pandangan, menjadikannya lebih sesuai untuk menggambarkan fenomena kajian secara menyeluruh. Bagi mengukuhkan penemuan, dapatan yang diperoleh daripada NVivo 14 dirumuskan semula dalam bentuk Carta Hierarki yang meringkaskan tema dan subtema yang telah dianalisis. Rajah ini berfungsi sebagai visualisasi yang lebih jelas daripada rajah 4.2 yang mempunyai batasan dari beberapa subtema yang tidak kelihatan, bagi menunjukkan struktur hubungan antara tema, sekaligus memudahkan pembaca memahami pola dan arah dapatan kajian.


4.4 Dapatan Mengikut Tema

Analisis tematik yang dijalankan dengan bantuan perisian NVivo 14 telah menghasilkan lima tema utama yang mencerminkan definisi, isu-isu, cabaran, potensi dan cadangan model pelaksanaan wakaf amanah. Setiap tema ini terbentuk melalui proses pengkodan data temu bual secara induktif, iaitu kod dibentuk berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan tanpa dipengaruhi kerangka teori sedia ada. Tema-tema tersebut dirangka supaya selaras dengan objektif kajian, dan setiap satu dibentangkan bersama petikan verbatim informan serta penjelasan naratif yang terperinci.

Jadual 4.2


Ringkasan Tema Utama dan Sub Tema Utama

Tema Utama	Sub Tema	Kod	Informan
Definisi/	Pelaksanaan	Wakaf <i>muaqqat</i>	R5
Kefahaman Wakaf Amanah	selepas kematian	Wakaf bersyarat	R5
		Wakaf wasiat	R2,R1
Isu Kajian	Isu wakaf bersyarat	Guna semula harta wakaf	R3
		Pengiktirafan undang-undang	R4
		Jurang pendapat	R1,R3
Cabaran	Cabaran dari waris	Hak pemilikan	R1, R2
		Ahli waris kurang pengetahuan	R2, R3
		Perbezaan pentadbiran setiap negeri	R4
Potensi	Memberi manfaat kepada golongan tiada waris/ bujang	Memperluaskan dana wakaf	R3
		Penerimaan baik dari pihak indutri	R2,R4



Rajah 4.3 Tema Isu: Awan Kekeperan Perkataan

Awan kekerapan perkataan digunakan untuk mengenal pasti istilah dan konsep yang paling dominan dalam data temu bual informan. Paparan ini menunjukkan perkataan yang kerap diulang muncul dalam saiz yang lebih besar, sekali gus memberi gambaran awal tentang fokus perbincangan informan berkaitan konsep wakaf amanah. Perkataan utama seperti undang-undang, jurang pendapat dan wakaf amanah muncul dengan kekerapan yang tinggi, menandakan bahawa isu merupakan tema teras dalam perbincangan kajian ini. Dapatan awal ini seterusnya menyokong proses pengekodan dan pembentukan tema utama dalam analisis kualitatif menggunakan NVivo.




Rajah 4.4 Tema Potensi: Awan Kekeperan Perkataan

Awan kekerapan perkataan digunakan untuk mengenal pasti istilah dan konsep yang paling dominan dalam data temu bual informan. Paparan ini menunjukkan perkataan yang kerap diulang muncul dalam saiz yang lebih besar, sekali gus memberi gambaran awal tentang fokus perbincangan informan berkaitan konsep wakaf amanah. Perkataan utama seperti potensinya, kerjasama dan hukum muncul dengan kekerapan yang tinggi, menandakan bahawa potensi merupakan tema teras dalam perbincangan kajian ini. Dapatan awal ini seterusnya menyokong proses pengekodan dan pembentukan tema utama dalam analisis kualitatif menggunakan NVivo.

4.4.1 Tema 1: Definisi dan Konsep Wakaf Amanah

Berdasarkan dapatan temu bual, tema pertama yang dikenal pasti ialah pemahaman konsep wakaf amanah. Secara umum, para informan memberikan tafsiran yang berbeza namun saling melengkapi mengenai maksud dan pelaksanaan konsep ini dalam konteks pengurusan harta menurut perspektif Islam. Perbandingan kata kunci dari setiap informan seperti dalam rajah.




Rajah 4.7 Carta Hierarki Definisi dan Konsep

Berdasarkan Carta Hierarki di atas, dapat dirumuskan beberapa perbincangan yang diperoleh daripada sub-tema, antaranya:

- i. Persamaan dengan wakaf wasiat dan had satu pertiga,
- ii. Fleksibiliti dalam jumlah harta yang diwakafkan,
- iii. Aplikasi praktikal dan inovasi wakaf kontemporari,
- iv. Penglibatan undang-undang sivil.

Perbincangan ini menggunakan pendekatan analisis naratif bagi menghasilkan rumusan yang lebih menyeluruh. Serta rajah dibawah menunjukkan paparan hierarki nod untuk memberikan gambaran jelas terhadap tema dan sub tema kajian.



Rajah 4.8 Paparan Hierarki Nod Konsep

Tema pertama yang muncul daripada analisis temu bual ialah pemahaman mengenai definisi dan konsep wakaf amanah. Secara umum, para informan bersetuju bahawa wakaf amanah merupakan bentuk wakaf kontemporari yang fleksibel dan relevan dengan keperluan masyarakat moden. Namun begitu, terdapat perbezaan penekanan antara informan, sama ada dari aspek perundangan Syariah, fleksibiliti instrumen, ataupun hubung kaitnya dengan konsep pengamanahan sivil.

i. Persamaan dengan wakaf wasiat dan had satu pertiga

R2 menjelaskan bahawa wakaf amanah mempunyai persamaan rapat dengan wakaf wasiat, iaitu tertakluk kepada had maksimum satu pertiga daripada harta pewakaf. Jika pewakaf ingin mewakafkan lebih daripada itu, persetujuan semua waris diperlukan, dan penolakan walaupun daripada seorang waris akan membatalkan niat wakaf tersebut:

“...Memahami konsep wakaf amanah ni hampir sama seperti wakaf wasiat di mana ianya memang tertakluk pada 1/3 sahaja. Kalau nak lebih, kena persetujuan waris-warisan. Tapi kalau ada seorang pun tak setuju maka terbatal lah...” (R2)

Beliau turut membandingkan wakaf amanah dengan hibah amanah, namun menekankan bahawa pelaksanaannya memerlukan penelitian lanjut untuk mengelakkan kekeliruan:

“...Konsep dia sama juga seperti hibah amanah tapi beza pada konsep itu sendiri... masih perlu diperhalusi lagi...” (R2)

ii. Fleksibiliti dalam Jumlah Harta yang Diwakafkan

R1 pula menekankan bahawa wakaf amanah membuka ruang lebih luas berbanding wakaf wasiat. Melalui instrumen amanah, pewakaf boleh mewakafkan jumlah harta yang lebih besar, tanpa terikat kepada syarat satu pertiga sebagaimana wasiat:

“...Wakaf amanah ini seperti mana wakaf wasiat yang membenarkan seseorang untuk berwakaf tetapi masih mendapat manfaat harta tersebut sehingga tempoh matang iaitu kematian pewakaf...” (R1)

“...Bezanya penggunaan amanah di sini dilihat membuka ruang kepada pewakaf untuk meletakkan jumlah yang lebih besar dan tidak terhalang seperti syarat wasiat...” (R1)

Pandangan ini menunjukkan bahawa wakaf amanah lebih fleksibel kerana dapat menampung keperluan pewakaf yang ingin mengagihkannya dalam skala besar untuk tujuan kebajikan.

iii. Aplikasi Praktikal dan Inovasi Wakaf Kontemporari

R4 pula menekankan aspek praktikal, dengan melihat wakaf amanah sebagai instrumen inovatif yang membolehkan pewakaf terus menikmati manfaat harta sepanjang hayat. Selepas kematian, hak pengurusan berpindah kepada institusi agama:

“...Kalau dilihat ianya merupakan satu usaha yang murni lah sebagai salah satu produk inovatif wakaf. Bila dilihat pada model contoh tu, ianya seakan wakaf ta'liq...” (R4)

“...Wakaf amanah yang niat asalnya bagi memudahkan seseorang untuk berwakaf kerana harta tersebut masih dapat dimanfaatkan oleh si pewakaf selagi masih hidup. Namun lepas meninggal dunia telah menjadi tanggungjawab MAIS untuk menguruskan harta seperti niat pewakaf...” (R4)

Pendekatan ini memperlihatkan bahawa wakaf amanah dapat menjadi instrumen praktikal untuk menarik lebih ramai masyarakat terlibat dalam pewakafan kerana ia tidak menafikan hak manfaat pewakaf semasa hayat.

iv. Penglibatan Undang-undang Sivil

R3 menekankan dimensi undang-undang sivil dalam pelaksanaan wakaf amanah. Menurut beliau, penggabungan unsur amanah membolehkan pelaksanaan wakaf bebas daripada sekatan-sekatan wasiat, dan pewakaf boleh menyalurkan wakaf kepada pelbagai bentuk serta tujuan:

“...Penglibatan amanah di situ menandakan ianya terikat dengan undang-undang sivil. Maka tiada masalah untuk berniat wakaf untuk apa sahaja kerana amalannya tidak terikat dengan syarat wasiat...” (R3)

Ini menunjukkan bahawa wakaf amanah berfungsi sebagai mekanisme penghubung antara prinsip Syariah dengan kerangka perundangan moden.

v. Tafsiran Menyeluruh dalam Kerangka Amanah Islam

R5 memberikan tafsiran lebih menyeluruh, dengan mengaitkan wakaf amanah kepada prinsip pengamanahan Islam yang luas, meliputi wakaf, hibah, wasiat, dan instrumen lain. Beliau menekankan bahawa gabungan amanah dan wakaf menjadikan instrumen ini lebih fleksibel tanpa menyalahi Syariah:

“...Bila ada gabungan amanahnya di situ, dia akan menjadi luaslah... ana masa dalam industri memang membuat kajian berkenaan amanah dan berfokus kepada perbezaan amanah Islam dan amanah sivil...” (R5)

“...Amanah Islam dia merangkumi wakaf, wasiat, hibah dan apa sahaja yang boleh dimasukkan dengan amanah juga termasuk dalam pengamanahan dalam Islam. Secara asasnya pengamanahan dalam Islam ni dia sangat luas lah mengikuti skop-skop yang berlandaskan Syariah la...” (R5)

“...Wakaf amanah ni seperti (mu’aqat), wakaf bersyarat...” (R5)

vi. Inovasi Wakaf Wasiat dengan Kontrak Amanah

Akhir sekali, R6 menyatakan bahawa wakaf amanah boleh difahami sebagai bentuk wakaf wasiat yang digabungkan dengan kontrak amanah. Hal ini memberi kelainan kepada instrumen wakaf tradisional kerana pewakaf boleh mengikat harta dengan kontrak pengamanahan sebelum dilaksanakan sebagai wakaf selepas kematian:

“...Secara asasnya dia seperti wakaf wasiat lah tapi kamu cuba bawak kelainan dengan menggabungkan kontrak pengamanahannya.” (R6)

Secara keseluruhan, para informan memperlihatkan konsensus bahawa wakaf amanah merupakan instrumen wakaf kontemporari yang fleksibel, menggabungkan prinsip amanah dengan elemen wakaf. Perbincangan mereka boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Persamaan dengan wakaf wasiat (R2) tetapi tertakluk kepada had satu pertiga, kecuali dipersetujui waris.
2. Fleksibiliti jumlah harta (R1) yang boleh diwakafkan tanpa terikat dengan had wasiat.
3. Instrumen inovatif (R4) yang membolehkan pewakaf terus menikmati manfaat sepanjang hayat.
4. Kekuatan undang-undang sivil (R3) yang menjadikan pelaksanaannya sah dari sudut perundangan moden.
5. Kerangka pengamanahan Islam yang luas (R5) yang menghubungkan wakaf, hibah, dan wasiat.
6. Gabungan dengan kontrak amanah (R6) yang memberi keunikan kepada pelaksanaan wakaf ini.

Jadual 4.3

Ringkasan Pandangan Definisi dan Konsep

Informan	Ringkasan Pandangan
R1	Wakaf amanah membuka ruang lebih luas berbanding wakaf wasiat kerana pewakaf boleh mewakafkan jumlah yang lebih besar dan masih menikmati manfaat sepanjang hayat.
R2	Wakaf amanah mempunyai persamaan rapat dengan wakaf wasiat, tertakluk kepada had satu pertiga, dan memerlukan persetujuan semua waris sekiranya melebihi had tersebut.
R3	Wakaf amanah terikat dengan undang-undang sivil, justeru pelaksanaannya lebih fleksibel dan tidak terbatas kepada syarat wasiat semata-mata.


Informan	Ringkasan Pandangan
R4	Wakaf amanah ialah instrumen inovatif yang membolehkan pewakaf menikmati manfaat harta semasa hidup, manakala pengurusan selepas kematian diserahkan kepada institusi agama.
R5	Wakaf amanah ditafsirkan secara menyeluruh dalam kerangka pengamanahan Islam yang merangkumi wakaf, hibah, wasiat, dan instrumen lain, menjadikannya lebih fleksibel.
R6	Wakaf amanah boleh difahami sebagai gabungan wakaf wasiat dengan kontrak amanah, memberikan kelainan kepada instrumen wakaf tradisional.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa wakaf amanah difahami oleh para informan bukan semata-mata sebagai instrumen fiqh baharu, tetapi sebagai mekanisme pengurusan harta dalam ekosistem umat Islam. Hasil daripada wacana informan adalah wakaf amanah berpotensi memenuhi jurang yang ditinggalkan oleh instrumen tradisional seperti wasiat, hibah dan wakaf biasa, terutama dalam isu pemindahan harta selepas kematian, fleksibiliti syarat, dan perlindungan hak pewakaf.

Interpretasi ini selari dengan dapatan Mohd Zamro et al. (2022), yang menegaskan bahawa integrasi elemen amanah dalam wakaf berupaya memperkukuh masalah sosial, memupuk kepentingan pengurusan harta dan meningkatkan daya produktiviti wakaf. Melalui lensa maqasid, dapatan informan mengesahkan keperluan instrumen yang dapat melindungi harta (*hifz al-mal*), mengurangkan pertikaian waris, dan mempercepatkan agihan manfaat, seterusnya menjadikan wakaf amanah sebuah model yang relevan dan kritikal untuk pembangunan sistem wakaf kontemporari. Oleh itu, hasil penilaian daripada temubual turut menyumbang kepada pencapaian objektif satu kajian iaitu mengenalpasti konsep wakaf amanah menurut perspektif Islam

4.4.2 Tema 2: Isu-isu dalam Pelaksanaan Wakaf Amanah

Tema seterusnya, merangkumi pelbagai isu yang menghalang kelancaran pelaksanaan wakaf amanah di Malaysia. Isu-isu ini merentasi aspek perundangan, pengurusan, kefahaman masyarakat, dan kesesuaian dengan prinsip Syariah. Antara subtema yang muncul termasuklah ketidakselarasan dengan maqasid Syariah, peranan pemegang amanah yang tidak jelas, kekangan pelaksanaan, niat pewakaf yang tidak boleh dilaksanakan selepas kematian, syarat-syarat tambahan yang dikenakan oleh pewakaf, isu perundangan wakaf, penerimaan oleh pihak berautoriti agama, dan penggunaan harta wakaf untuk tujuan yang berbeza daripada asalnya.




Rajah 4.9 Carta Hierarki Isu-Isu Kajian

Berdasarkan Carta Hierarki di atas, dapat dirumuskan beberapa perbincangan yang diperoleh daripada sub-tema, antaranya:

- i. Jurang Kefahaman terhadap Wakaf Bersyarat/Wakaf Mu'qqat
- ii. Isu Pewakaf Menggunakan Semula Harta
- iii. Pengiktirafan di peringkat perundangan
- iv. Kedudukan Pemegang Amanah Gantian dalam Wakaf Amanah

Perbincangan ini menggunakan pendekatan analisis naratif bagi menghasilkan rumusan yang lebih menyeluruh. Serta rajah dibawah menunjukkan paparan hierarki nod untuk memberikan gambaran jelas terhadap tema dan sub tema kajian.



Rajah 4.10 Paparan Hierarki Nod Isu

Isu 1: Jurang Kefahaman terhadap Wakaf Bersyarat/Wakaf Mu'qqat

Salah satu isu utama yang dikenal pasti dalam pelaksanaan wakaf amanah ialah wujudnya jurang kefahaman berkaitan konsep wakaf bersyarat atau wakaf *mu'qqat*. Informan menyatakan bahawa perbincangan mengenai wakaf bentuk ini masih baru dan belum mencapai tahap kesepakatan dalam kalangan pihak berkepentingan. Hal ini menyebabkan timbul persoalan sama ada wakaf bersyarat benar-benar boleh diaplikasikan dalam konteks undang-undang Syariah dan peraturan semasa.

R1 (PNB) menjelaskan bahawa perbincangan mengenai wakaf bersyarat mula mendapat perhatian semula, tetapi ketiadaan panduan yang jelas menjadikannya sukar untuk dilaksanakan. Oleh itu, PNB memilih untuk mengaplikasikan wakaf *mu'abbad* berbanding wakaf wasiat:

“...antara isunya adalah kefahaman terhadap wakaf bersyarat ni baru mula hangat dibincangkan semula, jadi akan terdapat jurang dalam pendapat tentang kesahannya, sebab itu PNB decide untuk aplikasi wakaf muaabad bukan wakaf wasiat...” (R1)

R2 turut menimbulkan persoalan berhubung keabsahan syarat dalam wakaf dan sama ada pelaksanaannya boleh ditangguhkan:

“...Boleh ke meletakkan sebarang syarat dalam wakaf? Atau bertanggung tu boleh ke?...” (R2)

Pandangan ini disokong oleh R3 yang menekankan bahawa wakaf *mu'qqat* masih merupakan konsep baharu yang memerlukan lebih banyak sumber literasi dan kajian sebelum dapat dilaksanakan dengan berkesan:

“...Wakaf muaaqqat ni sangat baru, sangat memerlukan sumber literasi...” (R3)

Keseluruhannya, isu ini menggambarkan bahawa ketiadaan keseragaman dalam kefahaman mengenai wakaf bersyarat dan wakaf *mu'qqat* telah menimbulkan cabaran besar kepada institusi. Jurang literasi dan perbincangan fiqh yang belum mendalam menyebabkan pelaksanaannya bersifat terbatas. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menyediakan garis panduan yang jelas serta penjelasan hukum daripada pihak berautoriti agar konsep ini dapat difahami secara menyeluruh dan diaplikasikan dengan konsisten dalam konteks wakaf amanah di Malaysia.

Isu 2: Isu Pewakaf Menggunakan Semula Harta

Isu kedua yang dibincangkan informan berkaitan dengan persoalan sama ada pewakaf boleh menggunakan semula harta yang telah diwakafkan, khususnya dalam konteks perbezaan pandangan mazhab. Perbincangan ini timbul kerana dalam amalan tradisional, wakaf dilihat sebagai sesuatu yang kekal (*mu'abbad*), namun dalam pelaksanaan wakaf amanah, terdapat keperluan untuk mempertimbangkan fleksibiliti tertentu.

Menurut R1, pandangan mazhab Syafi'i menekankan bahawa wakaf bersifat kekal dan tidak boleh ditarik semula. Oleh itu, sekiranya pewakaf ingin menetapkan tempoh atau terus menikmati manfaat harta selepas diwakafkan, ia memerlukan justifikasi Syariah yang kukuh:

“Ikut Syafie wakaf ni bersifat mu'abbad tapi kalau nak buat bertempoh dan pewakaf boleh guna balik jadi kena cari hujah la untuk isu tu, kenapa pewakaf boleh pakai balik.” (R1)

R2 turut menegaskan pandangan serupa, namun beliau menekankan bahawa fleksibiliti boleh dicapai dengan merujuk kepada pandangan mazhab Maliki. Mazhab Maliki berpendapat, wakaf sementara (*mu'qqat*) dibenarkan selagi rukun dan syarat wakaf dipenuhi:

“Kalau kita dah niat berwakaf maka harta itu bukan kita punya sudah la. Tapi bila meletakkan syarat perlu diperiksa kesahan amalan tersebut. Kalau ikut Syafie

memang sudah terhentilah, tetapi mengguna pakai mazhab Maliki ianya dibenarkan selagimana niat dan rukun wakaf itu dapat dipenuhi.” (R2)

R4 pula menekankan konsep wakaf *ta'liq*, iaitu pewakaf masih boleh memanfaatkan harta tersebut atas budi bicara pemegang amanah, selagi terdapat perjanjian yang jelas:

“Wakaf boleh tak pakai balik bila dah jadi harta Allah. Hujahnya, atas perbincangan dan budi bicara pemegang amanah terhadap pemberi wakaf untuk memberikan kebenaran dan perjanjian untuk menerima manfaat. Ni konsep wakaf takliq.” (R4)

Pandangan akademik turut disokong oleh R6, yang menyatakan bahawa dalam mazhab Syafi'i, wakaf kekal merupakan prinsip asas, namun mazhab Maliki memberi ruang fleksibiliti demi masalah:

“Jika dilihat secara literal menurut pandangan mazhab Syafi'i, keadaan ini tidak selari dengan prinsip wakaf. Dalam mazhab Syafi'i, apabila sesuatu harta telah diwakafkan, pewakaf tidak lagi dibenarkan memanfaatkannya untuk kepentingan peribadi. Tapi bagi Maliki, wakaf tidak semestinya bersifat kekal (*ta'bid*) secara mutlak, dan ada ruang fleksibiliti dalam pengurusanannya. Lihat pada masalah.” (R6)

Dapatan ini menggambarkan ketegangan antara keperluan mengekalkan prinsip asal Syariah (mazhab Syafi'i) dengan keperluan praktikal dan konteks kontemporari (mazhab Maliki). Ia selari dengan perbincangan dalam *Shariah Standards, AAOIFI (2017)* yang mengiktiraf kewujudan wakaf sementara, dan pandangan Abdul Rahman Najdi (2010) yang menegaskan bahawa wakaf pasca kematian boleh diqiyaskan dengan wasiat, sekali gus membolehkan had dan tempoh tertentu dikenakan.

Isu 3: Pengiktirafan di peringkat perundangan

Isu ketiga berkait rapat dengan keperluan menyelaraskan pelaksanaan wakaf amanah dengan dua kerangka peraturan utama: hukum syarak dan undang-undang sivil. R2 menyatakan bahawa di Malaysia, semua produk wakaf perlu memenuhi kedua-dua aspek ini sebelum dapat dilaksanakan:

“Di Malaysia kita terikat dengan dua perkara sebelum menghasilkan apa-apa produk, yang pertama dari hukum syarak, kedua dari segi undang-undang.” (R2)

R5 pula menekankan cabaran praktikal, iaitu penerimaan pihak berkuasa agama yang berbeza-beza antara negeri. Beliau memberi contoh bahawa pelaksanaan sesuatu

produk baru boleh terbantut kerana wujud variasi tafsiran di peringkat negeri, terutamanya dalam kalangan pegawai agama:

“Isu utama adalah pelaksanaannya. Contoh kalau produk-produk baru ni cabaran dia dari segi penerimaan nya berbeza dari setiap pejabat agama ikut negeri. Yang pertama adalah dari segi pegawai.” (R5)

Perbezaan tafsiran dan penerimaan ini menguatkan hujah bahawa isu pelaksanaan wakaf amanah bukan sekadar persoalan hukum, tetapi juga persoalan institusi dan pentadbiran. Dapatan ini selari dengan kajian Said et al. (2019) yang menekankan bahawa ketiadaan penyelarasan undang-undang wakaf di Malaysia menimbulkan pelbagai cabaran, terutamanya apabila melibatkan inovasi seperti wakaf amanah.

Isu 4: Kedudukan Pemegang Amanah Gantian dalam Wakaf Amanah

Isu keempat berkaitan dengan kedudukan pemegang amanah gantian atau *substitute trustee*. Dalam perundangan Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf. Walau bagaimanapun, cadangan untuk melibatkan pihak ketiga sebagai pemegang amanah gantian menimbulkan perdebatan dalam kalangan informan.

Menurut R1, perkara ini boleh menimbulkan kesukaran kerana kedudukan MAIN sebagai *sole trustee* sudah ditetapkan:

“Isu pemegang amanah gantian ni pulak mesti akan ada kesukaran sebab majlis agama adalah sole trustee kalau ikut di MAWIP lah sebab PNB menjadi mutawalli kepada MAWIP. Jadi untuk negeri-negeri lain kena tengok balik.” (R1)

R2 menambah bahawa isu ini perlu diperhalusi kerana kedudukan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal tidak selari dengan idea pelantikan pihak ketiga:

“MAIN ni pemegang amanah tunggal, jadi kena halusi balik kalau betul nak guna third party atau pemegang amanah gantian sebagai mutawalli.” (R2)

R4 pula memberi pandangan berdasarkan pengalaman Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), di mana peranan pemegang amanah gantian tidak dapat diaplikasikan kerana PWS sudah diiktiraf secara enakmen sebagai pemegang amanah tunggal:

“Kalau di PWS memang tidak boleh untuk menggunakan produk ini sebab PWS sudah terikat dengan enakmen wakaf iaitu ‘abadan abada’ pemegang amanah wakaf adalah PWS. Tapi berbeza lah untuk negeri-negeri lain sebab diorang takde seperti established di PWS.” (R4)

Jadual 4.4

Ringkasan Pandangan Isu-Isu Kajian

Informan	Ringkasan Pandangan
R1	Kefahaman terhadap wakaf bersyarat atau <i>mu'abbad</i> masih lemah; PNB memilih untuk melaksanakan wakaf kekal (<i>mu'abbad</i>) bagi mengelakkan kekeliruan.
R2	Terdapat keraguan mengenai keabsahan syarat dalam wakaf, serta kemungkinan pewakaf menggunakan semula harta yang telah diwakafkan.
R3	Wakaf <i>mu'abbad</i> masih baharu dan memerlukan lebih banyak sumber literasi serta kajian sebelum diaplikasikan secara praktikal.
R4	Wakaf ta'liq dilihat sebagai mekanisme membenarkan pewakaf menikmati harta semasa hidup melalui perjanjian dengan pemegang amanah.
R5	Penerimaan produk wakaf berbeza antara negeri; halangan utama adalah perbezaan pentafsiran oleh pejabat agama negeri.
R6	Isu Syariah merupakan cabaran terbesar; sebarang pelaksanaan wakaf amanah perlu berpandukan fatwa yang ketat dan hujah masalah.

Perbincangan para informan memperlihatkan ketegangan antara keperluan institusi wakaf untuk mengekalkan autoriti tunggal MAIN sebagai pemegang amanah, dan cadangan untuk memperkenalkan mekanisme yang lebih fleksibel seperti pelantikan pemegang amanah gantian. Walaupun terdapat kebimbangan terhadap implikasi fiqh, undang-undang dan prosedur, penelitian penyelidik menunjukkan bahawa beberapa isu yang dibangkitkan mempunyai asas penyelesaian dalam amalan semasa serta dalam pandangan mazhab yang lebih terbuka.

Sebagai contoh, isu penggunaan manfaat harta wakaf semula oleh pewakaf yang dianggap mencurigakan oleh sebahagian informan. Walaupun begitu, sebenarnya telah diamalkan dalam beberapa negeri melalui konsep wakaf zurri (wakaf keluarga), seperti di Kelantan, Kedah dan Terengganu (Sanusi, 2023). Amalan ini mengakui keharusan pewakaf menetapkan manfaat untuk dirinya atau keturunannya sebelum manfaat

tersebut disalurkan kepada umum. Ini menunjukkan bahawa amalan wakaf bersyarat bukanlah asing dalam konteks Malaysia, sekali gus menarik minat para pengkaji bahawa wakaf bersyarat atau wakaf amanah akan membuka ijtihad kepada permasalahan dan isu wakaf.


Selain itu, isu kesahan wakaf mu'aqat (wakaf bertempoh) dan wakaf ta'liq (wakaf bersyarat) turut dikemukakan oleh informan. Walaupun sesetengah institusi berhati-hati (R1, R2, R3), penelitian fiqh menunjukkan bahawa mazhab Maliki dan Hanafi mengiktiraf kedua-dua bentuk wakaf ini sebagai sah selagi rukun wakaf dipenuhi dan syarat tidak bercanggah dengan Syariah. Pendekatan ini lebih relevan dalam konteks pembangunan wakaf amanah, kerana ia memerlukan mekanisme pelaksanaan selepas kematian, penangguhan manfaat, dan syarat-syarat khusus yang tidak rigid seperti wakaf tradisional mazhab Syafi'i.

Pandangan informan bahawa penerimaan negeri berbeza-beza (R5) turut menunjukkan cabaran struktur perundangan Malaysia yang meletakkan kuasa wakaf di bawah negeri. Justeru, mekanisme seperti wakaf amanah perlu dibina berdasarkan pandangan fiqh yang lebih fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan institusi negeri, sambil memastikan keputusan berpandukan fatwa dan justifikasi masalah (R6).

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kebimbangan berkaitan fleksibiliti syarat, kesahan wakaf bertempoh dan isu tadbir urus serta amalan wakaf di beberapa negeri menunjukkan ruang yang jelas untuk mengadaptasi pendekatan Maliki dan Hanafi dalam membangunkan model wakaf amanah. Ini mengukuhkan justifikasi bahawa wakaf amanah boleh berperanan sebagai instrumen yang sah, praktikal dan patuh Syariah untuk menangani isu-isu semasa pengurusan harta seperti harta beku, kelewatan pembahagian pusaka dan kekangan struktur wakaf tradisional.

4.4.3 Tema 4: Cabaran Utama dalam Pelaksanaan Wakaf Amanah

Cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan wakaf amanah melibatkan beberapa dimensi utama, iaitu aspek perundangan, hak pemilikan, kekangan pelaksanaan, serta penguatkuasaan peraturan. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun wakaf amanah berpotensi besar sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi umat Islam, pelaksanaannya masih berdepan halangan yang perlu ditangani secara menyeluruh agar tidak menjejaskan keberkesanannya.




Rajah 4.11 Carta Hierarki Cabaran Kajian

Berdasarkan Carta Hierarki di atas, dapat dirumuskan beberapa perbincangan yang diperoleh daripada sub-tema, antaranya:

- i. Perundangan dan Fatwa
- ii. Cabaran Hak Pemilikan dan Tuntutan Waris
- iii. Cabaran Pentadbiran Antara Negeri
- iv. Pelaksanaan dan Produk Hibrid
- v. Akademik dan masalah

Perbincangan ini menggunakan pendekatan analisis naratif bagi menghasilkan rumusan yang lebih menyeluruh. Serta rajah dibawah menunjukkan paparan hierarki nod untuk memberikan gambaran jelas terhadap tema dan sub tema kajian.



Rajah 4.11 Paparan Hierarki Nod Cabaran

i. Cabaran Perundangan dan Fatwa

R1 menegaskan bahawa majoriti fatwa di Malaysia masih berpegang kepada pandangan mazhab Syafi'i yang menekankan wakaf bersifat kekal (*mu'abbad*). Justeru, sebarang usaha untuk memperkenalkan konsep wakaf bertempoh (*mu'qqat*) atau wakaf bersyarat perlu disertai dengan justifikasi syarak yang kukuh, termasuk hujah masalah:

“Di Malaysia ni majoriti fatwa masih menggunakan wakaf mu'abbad, jadi sekiranya pembawaan mazhab lain akan ada cabaran, kena datangkan dengan pandangan yang membenarkan wakaf mu'qqat atau bersyarat ni, kaitkan dengan masalah.” (R1)

Pandangan ini selari dengan perbincangan *Shariah Standards, AAOIFI (2017)* yang mengiktiraf kepelbagaian pendekatan mazhab, namun menekankan keperluan hujah maqasid dalam menjustifikasi inovasi wakaf.

ii. Cabaran Hak Pemilikan dan Tuntutan Waris

R2 dan R3 pula menyorot cabaran berkaitan kemungkinan tuntutan daripada waris pewakaf terhadap harta yang telah diwakafkan. Menurut mereka, isu ini hanya dapat ditangani melalui dokumen hitam putih yang sahih, seperti kontrak amanah atau *trust deed* yang jelas:

“sebagai contoh bila kita dah niat untuk berwakaf kepada sesuatu benefisiari, dalam konteks wakaf amanah adakah penerima tersebut boleh challenge untuk ambil terus. Jadi untuk elakkan perkara ni perlu ada satu persetujuan atau sesuatu kontrak yang

perlu diperkemas di mana menjadi syarat supaya ianya tidak boleh di-challenge.” (R2)

“Cabaran adalah dari ahli waris, jadi isu sekiranya boleh challenge balik, kena ada hitam putih yang mengikat.” (R3)

Isu ini juga menyentuh soal pahala wakaf, di mana R2 menimbulkan persoalan sama ada pahala wakaf tetap sampai kepada pewakaf jika harta diuruskan oleh syarikat amanah sebagai pengantara:

“Isu: dari sudut Syariah sekiranya wakil yang berwakaf untuk si mati adakah sampai hasrat tersebut dari segi dokumentasi, pahalanya sampai tidak kepada pewakaf tersebut. Soalnya sama ada bila kita wakaf tersebut dalam amanah adakah wakaf tersebut diterima pahalanya kepada pewakaf yang asal, sebab dia dah melalui pengantara syarikat amanah.” (R2)

Hal ini membuktikan bahawa cabaran wakaf amanah bukan sahaja dari segi teknikal, tetapi juga dari segi keyakinan masyarakat tentang keberterimaan amal di sisi Allah SWT.

iii. Cabaran Pentadbiran Antara Negeri

R4 pula melihat bahawa cabaran besar timbul kerana perbezaan tafsiran dan pendekatan antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Beliau menegaskan perlunya model yang seragam sekiranya wakaf amanah mahu dilaksanakan secara meluas:

“Cabaran jugak lah sebab nak aplikasikan di Malaysia ni sebab pandangan dari Majlis Agama setiap negeri itu berbeza, jadi kena wujudkan model yang selari untuk negeri-negeri tersebut jika nak aplikasikan.” (R4)

Hal ini selari dengan dapatan Said et al. (2019) yang menyatakan bahawa ketiadaan penyeragaman undang-undang wakaf di peringkat nasional menyukarkan pelaksanaan produk baharu seperti wakaf amanah.

iv. Cabaran Pelaksanaan dan Produk Hibrid

R5 melihat cabaran dari sudut praktikal dan interpretasi Syariah, khususnya berkaitan peranan pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) yang dipegang MAIN. Beliau berpendapat bahawa wujud keperluan untuk meneroka tafsiran baharu agar pemegang amanah gantian atau pihak ketiga dapat dilibatkan, memandangkan kini terdapat pelbagai produk hibrid seperti sukuk wakaf:

“Kekangan pelaksanaan Wakaf Amanah dari sudut perundangan/Syariah. Contoh, pemegang amanah gantian, kena cuba cek sejauh mana tafsiran pemegang amanah tunggal. Adakah sole trustee adalah milik mutlak oleh MAIN atau boleh dibawakan kepada PAG. Kalau sekarang pun banyak produk-produk hibrid macam contoh wakaf sukuk dan sebagainya jadi aplikasinya luas kalau nak ikutkan kehendak dan perkembangan wakaf masa kini, jadi saya rasa ianya boleh dikembangkan dan explore. Sebab muamalat ni bersifat anjal sekiranya dia memenuhi syarat dan rukun jadi tiada masalah untuk ada PAG tapi kena explore tanya dulu sejauh mana tafsiran itu dibenarkan. Tetapi justifikasinya tengok pada produk wakaf sedia ada ni dia boleh digunakan.” (R5)

R5 juga menegaskan bahawa walaupun dokumen kontrak seperti *trust deed* sudah diwujudkan, masih ada kemungkinan ia dicabar oleh waris. Namun, selagi mana syarat dan rukun wakaf dipenuhi, cabaran tersebut sukar berjaya:

“Cabaran dari ahli waris: dah ada trust deed dan akad perjanjian still boleh dicabar tapi sejauh mana berjaya atau pun tidaklah. Contoh selagi mana cukup syarat perkara itu sudah terlaksana dan pentingnya rukun itu dipenuhi, oleh itu datangnya produk hibrid macam mana pun rukun perlu diperkemas. Samalah macam produk ini pun rukun dipenuhi tiada masalah.” (R5)

IV. Cabaran Akademik dan Masalah

R6 menambah dari perspektif akademik bahawa pelaksanaan wakaf amanah wajar diperhalusi kerana ia melibatkan isu Syariah yang besar. Menurut beliau, fatwa dari pihak berautoriti agama akan lebih ketat kerana ia perlu menilai kesesuaian serta tahap masalah yang boleh dicapai:

“Dari sudut akademik, pendekatan ini adalah wajar untuk diperhalusi. Namun, dari perspektif industri, fatwa yang dikeluarkan akan lebih ketat, kerana ia perlu dinilai dari segi kesesuaian dan tahap masalah yang boleh dicapai. Dalam hal ini, penilaian syarak perlu dibuat secara teliti, dengan mengaitkan keputusan tersebut kepada sejauh mana ia dapat menjana ekonomi umat Islam.” (R6)

Namun demikian, beliau juga berpandangan bahawa dari segi undang-undang sivil, cabaran ini tidak begitu besar kerana lazimnya perundangan akan menyesuaikan diri setelah garis panduan Syariah dan enakmen negeri diperhalusi:

“Dari segi perundangan, isu ini tidak menjadi halangan besar kerana apabila aspek syarak dan enakmen telah selaras, undang-undang sivil lazimnya akan menyesuaikan diri mengikut garis panduan tersebut.” (R6)

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran utama wakaf amanah melibatkan empat aspek: (i) keperluan fatwa dan justifikasi Syariah, (ii) potensi tuntutan waris dan isu dokumentasi, (iii) perbezaan pentadbiran antara negeri, dan (iv) kesukaran melibatkan pemegang amanah gantian serta produk hibrid. Walaupun cabaran ini nyata wujud, ia masih boleh ditangani melalui pendekatan masalah, penyeragaman dasar di peringkat nasional, serta penyediaan instrumen undang-undang yang jelas. Dapatan ini sejajar dengan kajian Mohd Zamro et al. (2022a) dan Said et al. (2019) yang menegaskan bahawa cabaran wakaf kontemporari perlu diatasi dengan kombinasi kefleksibelan fiqh dan kerangka tadbir urus yang efektif.

Jadual 4.5

Cabaran Kajian

Informan	Ringkasan Pandangan
R1	Fatwa di Malaysia masih berpaksikan mazhab Syafi'i yang menekankan wakaf kekal; justeru wakaf bersyarat memerlukan justifikasi masalah.
R2	Terdapat cabaran tuntutan waris terhadap harta wakaf; dokumen kontrak jelas diperlukan untuk mengelakkan cabaran undang-undang.
R3	Risiko cabaran daripada waris tetap wujud walaupun kontrak sudah ada; dokumen undang-undang perlu diperkukuh.
R4	Perbezaan pentadbiran antara negeri menjadi cabaran besar; model pelaksanaan perlu diseragamkan di seluruh negara.
R5	Kedudukan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal menyukarkan pelaksanaan wakaf amanah; keperluan tafsiran baharu untuk membolehkan produk hibrid.
R6	Cabaran Syariah lebih ketara berbanding undang-undang sivil; fatwa perlu jelas dan menekankan masalah sebelum dilaksanakan.


Dapatan temu bual menunjukkan bahawa cabaran wakaf amanah banyak berpunca daripada perbezaan tafsiran hukum, tahap kefahaman masyarakat, dan struktur pentadbiran antara negeri. R1 menjelaskan bahawa dominasi mazhab Syafi'i dalam fatwa-fatwa negeri menyebabkan konsep seperti wakaf bersyarat dan wakaf mu'qqat (yang diterima oleh Maliki dan Hanafi) sukar dilaksanakan tanpa hujah masalah yang kukuh. Ini bermaksud halangan bukan pada konsep wakaf amanah, tetapi pada penerimaan pihak berautoriti.

R2 dan R3 pula menekankan isu tuntutan waris dan kurangnya keyakinan terhadap perlindungan Syariah apabila harta dipindahkan kepada amanah. Ini menunjukkan keperluan kepada dokumen yang lebih jelas serta pendedahan masyarakat tentang perbezaan antara wakaf, wasiat dan hibah. Pandangan R4 dan R5 menunjukkan bahawa ketiadaan standard pentadbiran yang seragam antara negeri menjejaskan usaha membangunkan model wakaf amanah yang lebih fleksibel. Perbezaan pelaksanaan "sole trustee" menyebabkan inovasi wakaf seperti wakaf pelaburan dan instrumen kewangan sukar dikembangkan. R6 pula menegaskan bahawa keputusan fatwa sangat bergantung kepada penilaian manfaat kepada masyarakat. Oleh itu, sesuatu model wakaf amanah lebih mudah diterima jika dapat membuktikan masalah yang jelas seperti penyelesaian harta beku.

4.4.4 Tema 3: Potensi Pelaksanaan Wakaf Amanah

Tema ketiga berkait dengan potensi besar yang dimiliki wakaf amanah untuk menjadi salah satu instrumen pembangunan sosioekonomi umat Islam. Berdasarkan analisis temu bual, wakaf amanah dilihat berupaya menyediakan mekanisme baharu yang lebih fleksibel, sekali gus meluaskan ruang pewakaf dalam mengurus harta mereka dengan cara yang lebih strategik, patuh Syariah dan seiring dengan kerangka perundangan sivil di Malaysia. Potensi ini bukan sahaja terletak pada aspek kebajikan,

bahkan juga dalam menjana pendapatan berterusan, membangunkan infrastruktur awam, serta memperkukuh kesejahteraan komuniti.




Rajah 4.12 Carta Hierarki Potensi Kajian

Berdasarkan Carta Hierarki di atas, dapat dirumuskan beberapa perbincangan yang diperoleh daripada sub-tema, antaranya:

- i. Kejelasan Kontrak Sebagai Asas Potensi
- ii. Berpotensi Memberi Manfaat Sosial Kepada Golongan Masyarakat
- iii. Memperluaskan Dana Wakaf dengan Instrumen Amanah
- iv. Perkembangan Model Wakaf Selepas Kematian
- v. Kerjasama dengan Institusi Kewangan Islam
- vi. Ligitimasi Syariah dan Penyelesaian Isu Pandangan Fuqaha

Perbincangan ini menggunakan pendekatan analisis naratif bagi menghasilkan rumusan yang lebih menyeluruh. Serta rajah dibawah menunjukkan paparan hierarki nod untuk memberikan gambaran jelas terhadap tema dan sub tema kajian.



Rajah 4.13 Paparan Hierarki Nod Potensi

i. Kejelasan Kontrak Sebagai Asas Potensi

R1 menekankan bahawa potensi wakaf amanah hanya dapat dimaksimumkan sekiranya kontrak yang diaplikasikan jelas dari awal. Sama ada wakaf tersebut bersifat kekal (*mu'abbad*) atau bertempoh (*mu'aqqat*), ia mesti dipastikan tidak bertentangan dengan prinsip Syariah:

“Wakaf amanah ada potensi tapi kena jelas kontrak apa mahu diaplikasikan, mu'abbad atau mu'aqqat, dan pastikan tidak bertentangan dengan Syariah.” (R1)

Pandangan ini membawa maksud bahawa sebarang inovasi dalam produk wakaf perlu berpaksikan kepada kejelasan kontrak. Sekiranya struktur kontrak kabur, potensi instrumen ini akan terjejas kerana risiko pelanggaran Syariah dan pertikaian undang-undang.

ii. Berpotensi Memberi Manfaat Sosial Kepada Golongan Masyarakat

R2 pula menekankan dimensi sosial, iaitu wakaf amanah dapat memberi manfaat kepada golongan yang berstatus bujang, tidak mempunyai waris, atau hidup sebatang kara tetapi memiliki harta. Menurut beliau, golongan ini sering terpinggir dalam perancangan pewarisan harta, dan wakaf amanah mampu menjadi alternatif strategik:

“Dia satu produk yang baik kerana ramai je pelanggan-pelanggan di sini jatuh pada kategori orang bujang, berkahwin tapi waris dah tiada, ada yang tidak kahwin langsung, meninggal dunia tetapi sebatang kara. Jadi mereka dalam kategori ni ada yang berharta sebab jawatan tinggi dan kerja dah lama jadi, wakaf amanah ni baguslah alternatif untuk belia dalam kategori ini, juga untuk golongan yang banyak harta.” (R2)

Pandangan R2 ini memperlihatkan bahawa potensi wakaf amanah bukan hanya dari aspek teori Syariah, malah mempunyai implikasi praktikal yang nyata terhadap kelompok masyarakat tertentu, sekali gus menjadikannya satu produk kewangan Islam yang inklusif.

iii. Memperluaskan Dana Wakaf dengan Instrumen Amanah

R3 pula melihat potensi wakaf amanah dari perspektif perundangan dan instrumen sokongan. Menurut beliau, sekiranya pewakaf ingin mewakafkan lebih daripada satu pertiga harta, instrumen seperti *trust deed* atau surat janji perlu digunakan untuk mengabsahkan pelaksanaannya:

“Potensinya ada sebab dari pihak kami juga memang ada yang berminat nak buat wakaf sebegitu rupa, namun sekiranya nak lebih dari nilai wasiat 1/3 kena kaitkan dengan kontrak pengamanahan, trust deed, surat janji dan sebagainya.” (R3)

Hal ini menunjukkan bahawa pengembangan potensi wakaf amanah tidak dapat dipisahkan daripada integrasi undang-undang sivil dan pengurusan kontrak moden. Dengan adanya dokumen sah, konflik dengan prinsip pewarisan Islam dapat diminimumkan.

iv. Perkembangan Model Wakaf Selepas Kematian

R4 menambah bahawa potensi wakaf amanah juga bergantung kepada kejelasan saluran dan model pengurusannya. Menurut beliau:

“Potensinya tapi kena jelas ke mana saluran wakaf itu dan aliran model yang nak dilakukan.” (R4)

Ini membuktikan bahawa sekuat mana pun potensi wakaf amanah, ia tetap memerlukan kerangka pengurusan yang telus dan mapan. Tanpa model pelaksanaan yang jelas, sebarang bentuk inovasi akan terdedah kepada risiko salah urus dan hilang kepercayaan masyarakat. Oleh itu kajian ini membawa kepada lebih banyak diskusi yang akan membawa kepada pembentukan model yang lebih efisien.

v. Kerjasama dengan Institusi Kewangan Islam

R5 pula memberi penekanan kepada potensi kerjasama antara institusi wakaf dengan sektor kewangan Islam, seperti bank-bank yang telah mula mengintegrasikan produk wakaf ke dalam model perkhidmatan mereka. Beliau menegaskan bahawa

terdapat permintaan yang semakin meningkat daripada masyarakat untuk berwakaf sambil terus menikmati sebahagian manfaat:

“Kalau pelaksanaannya di Malaysia, potensi pelaksanaannya adalah luas, boleh kerjasama dengan institusi kewangan dan sebagainya, sebagai contoh Bank Muamalat ada membuat kerjasama dengan industri wakaf. Sebab ada permintaan dari masyarakat yang nak berwakaf tetapi masih nak menerima manfaatnya seperti nak ambil hasil sewa dan sebagainya.” (R5)

Dapatan ini selari dengan laporan Azis et al. (2021) yang menekankan bahawa inovasi wakaf kontemporari perlu dirangka melalui kolaborasi sektor kewangan Islam bagi menjamin kelestarian dan kebolehpasaran produk wakaf di pasaran moden.

vi. Ligitimasi Syariah dan Penyelesaian Isu Pandangan Fuqaha

Akhir sekali, R6 memberi pandangan akademik yang lebih berhati-hati. Menurut beliau, potensi pelaksanaan wakaf amanah sememangnya luas, namun penyelidik dan penggubal dasar perlu meneliti isu pertukaran pandangan hukum antara fuqaha agar pelaksanaannya tidak menimbulkan kontroversi Syariah:

“Daripada sudut praktikal, wakaf amanah berpotensi untuk dilaksanakan. Namun begitu, Ikhmal perlu meneliti semula isu pertukaran pandangan hukum yang mungkin berlaku, terutamanya melibatkan pendapat ulama dan fuqaha. Hal ini kerana ia merupakan isu Syariah yang besar.” (R6)

Analisis terhadap keenam-enam subtema dalam Carta Hierarki menunjukkan bahawa wakaf amanah memiliki potensi besar sebagai instrumen pengurusan harta Islam yang fleksibel dan berdaya guna. Dapatan temubual menekankan bahawa kejelasan kontrak merupakan asas utama yang menentukan kesahihan dan kelangsungan wakaf. Wakaf amanah dilihat mempunyai kejelasan kontrak dengan berpaksikan wakaf bersyarat, wakaf mu‘aqqat atau wakaf yang berkuat kuasa selepas kematian. Wakaf amanah turut dikenal pasti berupaya memberi manfaat kepada individu bujang atau mereka yang tidak mempunyai waris, kerana ia menyediakan saluran yang teratur untuk memastikan aset terus dimanfaatkan selepas kematian.

Selain itu, penggunaan instrumen amanah moden seperti *trust deed* dan dokumen pengurusan harta dilihat membuka peluang untuk memperluas aset yang boleh diwakafkan, sekali gus membantu meningkatkan sumbangan dana wakaf. Para informan juga menekankan potensi wakaf amanah sebagai model wakaf selepas kematian yang lebih sistematik, bergantung kepada ketepatan penetapan benefisiari,

aliran pelaksanaan dan model struktur produk. Potensi ini turut diperkukuh melalui kerjasama institusi wakaf dengan sektor kewangan Islam, yang menyediakan pilihan kepada masyarakat untuk berwakaf sambil menikmati manfaat sepanjang hayat. Keseluruhannya, dapatan menegaskan bahawa wakaf amanah mempunyai sandaran fiqh yang kukuh, khususnya melalui pandangan Mazhab Maliki dan Hanafi yang mengiktiraf wakaf bersyarat, wakaf bertempoh dan amalan wakaf zurri, menjadikan inovasi wakaf amanah selari dengan maqasid Syariah dan keperluan masyarakat semasa. Oleh itu, dapatan ini menyumbang kepada pencapaian objektif kedua kajian iaitu menganalisis potensi wakaf amah dalam pengurusan harta umat Islam.


Jadual 4.6

Potensi Kajian

Informan	Ringkasan Pandangan
R1	Potensi hanya dapat dimaksimumkan sekiranya kontrak jelas sejak awal, sama ada <i>mu'abbad</i> atau <i>mu'aqqat</i> , dan tidak bercanggah dengan Syariah.
R2	Wakaf amanah berpotensi memberi manfaat besar kepada golongan bujang, tidak berwaris, atau hidup sebatang kara yang memiliki aset.
R3	Instrumen perundangan seperti <i>trust deed</i> dan surat janji penting untuk mengabsahkan wakaf amanah, terutamanya jika melebihi had satu pertiga.
R4	Potensi wakaf amanah bergantung pada kejelasan model pelaksanaan dan aliran pengurusannya agar telus dan sistematik.
R5	Wakaf amanah mempunyai prospek besar melalui kerjasama dengan institusi kewangan Islam yang telah mula mengintegrasikan produk wakaf.
R6	Pelaksanaan wakaf amanah berpotensi luas tetapi perlu diteliti isu fiqh agar tidak menimbulkan kontroversi Syariah.

4.4.5 Tema 5: Cadangan Model Wakaf Amanah

Cadangan model yang dikemukakan oleh informan menekankan keperluan kepada pendekatan hibrid, iaitu menggabungkan prinsip wakaf tradisional dengan fleksibiliti pengurusan moden. Model ini dicadangkan supaya melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), syarikat pemegang amanah berlesen, institusi kewangan, pihak swasta, dan komuniti penerima manfaat. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan wakaf amanah memerlukan kerangka yang jelas, telus, dan mampu menjamin kelestarian harta pewakaf dalam jangka masa panjang.




Rajah 4.14 Carta Hierarki Cadangan Model Kajian

Berdasarkan Carta Hierarki di atas, dapat dirumuskan beberapa perbincangan yang diperoleh daripada sub-tema, antaranya:

- i. Kejelasan Konsep Awal Model
- ii. Pendekatan Hibrid antara Wakaf dan Amanah
- iii. Penggabungan Amanah Sivil dan Fatwa Syariah
- iv. Cadangan Model wakaf Ta'liq
- v. Keberkesanan Saluran dan Kelancaran Model
- vi. Kepentingan penyelesaian Isu Syariah

Perbincangan ini menggunakan pendekatan analisis naratif bagi menghasilkan rumusan yang lebih menyeluruh. Serta rajah dibawah menunjukkan paparan hierarki nod untuk memberikan gambaran jelas terhadap tema dan sub tema kajian.



Rajah 4.15 Paparan Hierarki Nod Cadangan Model

i. Kejelasan Konsep Awal Model

R1 menekankan bahawa sebelum menghasilkan model, penyelidik perlu menetapkan jenis wakaf yang ingin diaplikasikan, sama ada wakaf kekal (*mu'abbad*) atau wakaf bertempoh (*mu'aqqat*). Hal ini penting kerana kejelasan konsep akan menentukan bentuk kontrak dan instrumen undang-undang yang digunakan:

“Sebelum nak hasilkan model tetapkan pembawaan jenis wakaf dahulu, jelaskan konsep yang ingin digunakan kemudian rujuk dengan ahli informan yang seterusnya selepas saya.” (R1)

ii. Pendekatan Hibrid antara Wakaf dan Amanah

R2 pula mencadangkan pendekatan berlapis, iaitu mendahulukan konsep amanah sivil terlebih dahulu, sebelum unsur wakaf dilaksanakan selepas kematian pewakaf. Menurut beliau, hal ini penting untuk mengelakkan kekeliruan kerana wakaf bermaksud *waqafa* (terhenti), manakala amanah lebih berhubung dengan kontrak dan akta perundangan:

“Cadangan dari kami kalau nak gabungkan wakaf dan amanah ni perlu cara lain. Sebab wakaf tu sendiri sudah bagus dan bila dah berwakaf sepatutnya harta tu dah terhenti lah wa qo fa, mengikut pengertiannya. Jadi untuk produk ni kita akan melihat satu Wakaf, jatuh pada Syariahnya dan amanah more to trust, trust act. Di mana dua elemen berbeza, jadi cadangannya untuk imposekan perkara ini kita boleh dahulukan

konsep amanah dahulu barulah kita lakukan wakaf. Wakaf diletakkan kemudian makna kata wakilnya itu yang akan berwakaf untuknya selepas meninggal dunia.” (R2)

Beliau juga menambah bahawa bagi harta kekal, instrumen *Power of Attorney (POA)* perlu diwujudkan untuk memastikan pemegang amanah gantian berkuasa memindahkan harta tersebut kepada MAIN selepas kematian pewakaf:

“Manakala untuk harta kekal memerlukan Power of Attorney (POA). Ada pemegang amanah gantian. Cumanya dari segi prosesnya dia letak sahaja harta tersebut di bawah amanah trustee dan diberikan POA tersebut dan sekiranya apa sahaja berlaku kepada pewakaf (settlor) akan diberikan kepada pemegang amanah gantian untuk transfer kepada MAIN.” (R2)

iii. Penggabungan Amanah Sivil dan Fatwa Syariah

R3 mengingatkan bahawa walaupun wakaf amanah bersandarkan kontrak pengamanahan, ia tetap perlu merujuk kepada fatwa dan pengiktirafan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf:

“Wakaf amanah ni di bawah kontrak pengamanahan, walaupun menggunakan konsep amanah sivil, dia tetap akan merujuk kepada fatwa dan Majlis Agama Islam.” (R3)

Pandangan ini menekankan kepentingan dual compliance, iaitu pematuhan kepada undang-undang sivil serta pengesahan daripada autoriti agama negeri.

iv. Cadangan Model Wakaf Ta‘liq

R4 pula mengemukakan cadangan model yang menyerupai konsep wakaf *ta‘liq*. Dalam model ini, pewakaf boleh terus mendaftarkan harta kepada MAIN, tetapi dibenarkan untuk terus menggunakannya sepanjang hayat berdasarkan perjanjian yang jelas. Perjanjian ini termasuk syarat seperti tidak boleh diwarisi, tidak boleh dibuat renovasi besar, serta penama bertanggungjawab membayar cukai:

“Kalau ikutkan model ni hampir sama dengan wakaf ta‘liq. Wakaf ta‘liq pada dasarnya berlaku secara serta merta tapi pengurusan hartanah tersebut tertanggung. Contohnya si A berwakaf tapi dia nak guna rumah ini untuk manfaat saya, jadi si A akan daftar kepada MAIS untuk lakukan wakaf sekarang tapi kita akan memberikannya kebenaran (surat kebenaran duduk) untuk guna manfaat tu dan kita kuatkan lagi dengan perjanjian, di mana perjanjian tersebut mengelakkan hartanah itu tidak boleh diwarisi, tak boleh renovation yang terlalu besar, cukai ditanggung oleh pewakaf, contohnya

dalam surat tu akan sudah tersenarai siapa yang duduk (biasanya suami isteri) tiada kaviyet. Dalam geran sudah bertukar kepada nama MAIS. Apa yang bagus nya penama sudah bertukar sebab ia akan memudahkan proses pemberian wakaf tersebut kerana kalau tukar selepas dia meninggal dunia masih renyah kena buat bicara kuasa.” (R4)

Cadangan ini memberikan alternatif praktikal yang dapat mengurangkan birokrasi selepas kematian pewakaf, di samping memastikan harta wakaf tidak disalahguna oleh waris.

v. Keberkesanan Saluran dan Kelancaran Model

R5 pula menekankan bahawa rangka model yang dicadangkan perlu menjamin kelancaran saluran wakaf agar harta pewakaf dapat dimanfaatkan secara efektif oleh penerima manfaat:

“Rangka model yang mampu memberikan kelancaran terhadap saluran di mana wakaf itu dapat digunakan secara efektif, supaya ianya tidak menjadi masalah untuk pemegang amanah melaksanakan harta pewakaf untuk berwakaf.” (R5)

vi. Kepentingan Penyelesaian Isu Syariah

Akhir sekali, R6 memberikan pandangan kritikal bahawa cadangan model wakaf amanah hanya boleh dilaksanakan jika isu Syariah diselesaikan terlebih dahulu. Tanpa kejelasan hukum, sebarang bentuk inovasi akan menimbulkan kontroversi dan merencatkan penerimaan masyarakat:

“Model yang awak dah buat ni, pada pendapat saya boleh dilaksanakan tapi pastikan isu Syariah selesaikan dahulu.” (R6)

Secara keseluruhannya, cadangan model wakaf amanah yang dikemukakan oleh para informan menekankan pendekatan hibrid yang menggabungkan prinsip wakaf tradisional dengan instrumen amanah moden. Model ini memerlukan:

1. Kejelasan konsep wakaf (mu‘abbad, mu‘aqat atau ta‘liq) sejak awal.
2. Integrasi instrumen undang-undang moden seperti *trust deed* dan *Power of Attorney*.
3. Pengiktirafan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal disertai dengan kerjasama syarikat amanah berlesen.
4. Perjanjian jelas untuk mengelakkan tuntutan waris dan salah guna harta.
5. Rangka saluran yang efektif agar manfaat wakaf dapat disalurkan dengan lancar.
6. Penyelesaian isu Syariah sebagai asas legitimasi model ini.

Dapatan ini selari dengan kajian Norazlina Abd Wahab et al. (2021) dan

Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa para informan bukan sekadar menghuraikan cadangan teknikal model wakaf amanah, tetapi memberikan isyarat terhadap keperluan asas yang lebih mendalam, iaitu penyatuan konsep wakaf dan amanah secara tersusun. Makna di sebalik penekanan mereka terhadap kejelasan konsep awal (R1) dan pendekatan hibrid antara amanah sivil dan wakaf (R2) menggambarkan bahawa model ini hanya berpotensi berfungsi jika kerangka kontraknya tidak bercanggah antara dua sistem—undang-undang sivil dan Syariah. Penelitian kritikal penyelidik mendapati bahawa cadangan instrumen seperti *trust deed* dan *Power of Attorney* bukan sekadar sokongan dokumentasi, tetapi mekanisme untuk memastikan niat pewakaf terlaksana tanpa risiko cabaran waris, selaras dengan prinsip masalah dalam mengelakkan mudarat dan ketidakstabilan aset. Pandangan R3 dan R4 pula menunjukkan bahawa pengiktirafan MAIN dan konsep ta'liq bukan hanya isu pentadbiran, tetapi mencerminkan usaha mencari titik keseimbangan antara keperluan fleksibiliti pewakaf dan prinsip “habs al-asl, tasbil al-manfa‘ah” yang menjadi teras wakaf (Amalina Mursidi et al. 2022).

Kenyataan informan turut menunjukkan bahawa kejayaan model ini bergantung kepada keberkesanan saluran pelaksanaan (R5) dan penyelesaian isu Syariah (R6), yang bermakna bahawa inovasi wakaf amanah hanya boleh diterima jika legitimasi hukumnya mantap dan selari dengan maqasid Syariah. Penyelidik menafsirkan bahawa keperluan merujuk pandangan Maliki dan Hanafi menunjukkan ruang ijtihad yang sah untuk membenarkan wakaf bersyarat, termasuk tujuan-tujuan kontemporari seperti wakaf selepas kematian dan wakaf zurri. Ini menunjukkan bahawa model wakaf amanah bukan sekadar adaptasi teknikal tetapi satu respon terhadap keperluan masyarakat moden untuk mengurus harta secara terancang, mengelakkan pembekuan aset, dan memastikan manfaat harta terus mengalir setelah pewakaf meninggal dunia.

Jadual 4.7

Cadangan Model Kajian

Informan	Ringkasan Pandangan
R1	Model perlu dimulakan dengan kejelasan konsep sama ada wakaf kekal atau bertempoh sebelum kontrak ditetapkan.
R2	Dicadangkan pendekatan hibrid: mendahulukan konsep amanah sivil, kemudian melaksanakan wakaf selepas kematian dengan instrumen <i>Power of Attorney</i> (POA).
R3	Wakaf amanah berasaskan kontrak sivil tetapi tetap perlu pengiktirafan fatwa dan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal.
R4	Model yang sesuai ialah wakaf ta'liq, di mana harta didaftarkan kepada MAIN tetapi pewakaf boleh menggunakannya sepanjang hayat melalui perjanjian jelas.
R5	Model perlu memastikan kelancaran saluran agar manfaat wakaf dapat disalurkan dengan efektif tanpa halangan birokrasi.
R6	Model hanya boleh dilaksanakan sekiranya isu Syariah diselesaikan terlebih dahulu; tanpa legitimasi hukum ia sukar diterima masyarakat.

4.5 Hasil Cadangan Model Wakaf Amanah


Bagi memperkukuh pelaksanaan wakaf secara lebih tersusun dan sistematik di Malaysia, penulis mencadangkan model wakaf amanah asas yang boleh dijadikan rujukan oleh pihak-pihak berkepentingan. Model awal ini terbentuk hasil daripada proses penyesuaian dan penilaian sepanjang kajian dijalankan, serta diperhalusi melalui semakan dan komentar pakar wakaf daripada kalangan industri dan akademik. Cadangan awal ini kemudiannya menjadi asas atau *fondasi* kepada penambahbaikan model seterusnya.

i. Model 1(a): Penerapan Wakaf Amanah

Model pertama yang dicadangkan dikenali sebagai *Model 1(a): Penerapan Wakaf Amanah*. Model ini menekankan penglibatan empat entiti utama, iaitu:

1. **Pewakaf** – individu atau pihak yang mewakafkan harta secara beramanah.

2. **Pemegang Amanah** – institusi amanah yang dilantik untuk mengurus dan melaksanakan hasrat pewakaf.
3. **Benefisiari (Penerima Manfaat)** – individu atau kumpulan yang menerima manfaat daripada wakaf.
4. **Pihak Berkuasa Agama / Pengawal Selia** – institusi agama seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang memastikan pematuhan Syariah dan perundangan.




Rajah 4.16 Model 1(a)

Proses ini bermula apabila pewakaf berurusan dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk merealisasikan hasrat berwakaf secara beramanah. Pewakaf akan melaksanakan wakaf bersyarat, sebagai contoh menghibahkan sebuah rumah kepada MAIN, serta menetapkan syarat-syarat khusus melalui dokumen rasmi iaitu surat ikatan amanah (*trust deed*). Menerusi perjanjian ini, pewakaf mengekalkan hak milik dan hak guna penuh ke atas harta tersebut sepanjang hayat. Namun, sejourus selepas kematiannya, status harta akan ditukar secara automatik kepada harta wakaf dan disalurkan kepada tujuan kebajikan.

Sepanjang hayat pewakaf, perjanjian ini kekal dalam status belum matang dan boleh dibatalkan sekiranya pewakaf berubah fikiran. Namun, selepas pewakaf meninggal dunia, perjanjian tersebut menjadi muktamad dan perlu dilaksanakan mengikut ketetapan yang telah ditetapkan. MAIN akan melantik syarikat pemegang amanah (SPA) sebagai pemegang amanah gantian (PAG) yang sah, bagi melaksanakan hasrat pewakaf seperti yang terkandung dalam surat ikatan amanah tersebut.

Apabila perjanjian mencapai tempoh matang, PAG bertanggungjawab untuk mengambil alih harta yang dinyatakan dan menyalurkannya kepada pihak penerima manfaat yang layak, seperti rumah kebajikan, pusat anak yatim, atau institusi pembangunan masyarakat Islam. Selain itu, PAG juga memikul tanggungjawab untuk memantau penggunaan dan pengurusan harta wakaf tersebut agar menepati niat asal pewakaf serta mengelakkan sebarang bentuk penyalahgunaan.

ii. Model 1(b): Penambahbaikan Penerapan Wakaf Amanah



Rajah 4.17 Model 1(b)

Model 1(b) pula merupakan penambahbaikan daripada Model 1(a). Dalam model ini, pewakaf berurusan terus dengan **Syarikat Pemegang Amanah (SPA)** untuk menyelaras dokumentasi awal, sebelum rujukan dibuat kepada MAIN bagi tujuan kelulusan Syariah dan perundangan. Keistimewaan model ini ialah pewakaf dilantik semula oleh SPA sebagai **pemegang amanah gantian sepanjang hayatnya**.

Berdasarkan Rajah Model 2, proses bermula apabila pewakaf hadir untuk melaksanakan hasrat berwakaf melalui urusan awal dengan Syarikat Pemegang Amanah (SPA). SPA bertindak menyelaras dokumentasi awal dan merujuknya kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), iaitu badan berautoriti yang sah dari segi perundangan untuk mengesahkan status dan kelulusan wakaf.


Apa yang membezakan model ini ialah pewakaf turut dilantik semula oleh SPA sebagai pemegang amanah gantian sepanjang tempoh hayatnya. Pelantikan ini membolehkan pewakaf terus memantau, menyelia, dan mengurus harta yang telah diwakafkan secara berperingkat, sebelum pemindahan penuh hak milik dilaksanakan kepada MAIN selepas kematiannya. Apabila pewakaf meninggal dunia, harta yang

telah termeterai dalam surat ikatan amanah akan secara automatik diserahkan kepada MAIN, dan SPA akan melaksanakan pelaksanaannya sebagai pemegang amanah gantian seperti yang telah ditetapkan dalam dokumen rasmi.

Seterusnya, SPA bertanggungjawab untuk menyalurkan harta tersebut kepada pihak penerima manfaat yang telah dinyatakan oleh pewakaf, seperti rumah kebajikan, pusat anak yatim, atau institusi pendidikan Islam. SPA juga memainkan peranan penting dalam memantau penggunaan harta agar sentiasa sejajar dengan niat asal pewakaf, bagi menjamin manfaat wakaf dapat dimaksimumkan secara berterusan dan patuh Syariah. Model ini menggambarkan pendekatan yang lebih fleksibel dan bertanggungjawab, kerana bukan sahaja memudahkan pewakaf menyumbang harta, malah turut melibatkan mereka secara langsung dalam tadbir urus dan pengawasan wakaf sepanjang hayat.

iii. Model 2

Model 2 yang dicadangkan dalam kajian ini menekankan pendekatan pelaksanaan wakaf amanah secara lebih tersusun dengan mendahulukan kontrak amanah atau trust deed sebagai asas utama penyerahan harta wakaf. Pendekatan ini dibangunkan bagi mengelakkan timbulnya kontroversi fiqh, khususnya berkaitan isu penetapan syarat dalam pelaksanaan wakaf. Hal ini kerana menurut Mazhab Maliki, pewakaf dibenarkan menetapkan syarat tertentu dalam wakaf, manakala Mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan utama di Malaysia tidak membenarkannya secara mutlak kecuali dalam keadaan yang sangat terbatas.



Rajah 4.18 Model 2


Bagi menjaga sensitiviti fiqh tersebut, Model 2 dirangka dengan meletakkan perjanjian amanah sebagai instrumen asas sebelum pelaksanaan wakaf dilakukan secara rasmi. Dalam model ini, pewakaf dan pemegang amanah sama ada Syarikat Pemegang Amanah berlesen atau Majlis Agama Islam Negeri menandatangani dokumen trust deed yang memperincikan hasrat pewakaf, jenis aset yang ingin diwakafkan, serta tanggungjawab pemegang amanah. Melalui kontrak ini, pewakaf menyerahkan asetnya secara amanah kepada pemegang amanah dengan syarat bahawa pelaksanaan wakaf hanya akan berkuat kuasa selepas kematian pewakaf.

Sepanjang hayat pewakaf, beliau masih dibenarkan untuk menikmati manfaat daripada aset berkenaan seperti tinggal di rumah atau memperoleh hasil sewaan. Namun, hak milik substantif aset tersebut hanya dipindahkan sebagai harta wakaf selepas pewakaf meninggal dunia. Dengan cara ini, tiada pelaksanaan wakaf secara formal berlaku ketika pewakaf masih hidup, sekali gus tidak bercanggah dengan pendirian Mazhab Syafi'i.

Pendekatan ini bukan sahaja memelihara prinsip Syariah, malah memastikan hasrat pewakaf dapat dilaksanakan dengan sah, sistematik, dan selari dengan prinsip tadbir urus moden. Selain itu, Model 2 diyakini berpotensi memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap instrumen wakaf amanah kerana ia menyediakan ruang perancangan harta yang lebih selamat, telus, serta praktikal untuk dilaksanakan. Model ini juga merupakan penambahbaikan daripada Model 1 hasil maklum balas dan perbincangan bersama ahli industri, sekali gus menjadikannya lebih relevan dengan keperluan semasa. Namun model ini diperhalusi lagi pada peringkat seterusnya.

iv. Model 3

Berdasarkan dapatan kajian, pelaksanaan wakaf amanah dirangka melalui struktur yang tersusun serta melibatkan beberapa fasa penting. Keseluruhannya, model ini berasaskan kawalan penuh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal, dengan penglibatan Majlis Fatwa Negeri dalam menentukan kesahan sighth wakaf, serta pilihan melibatkan pihak ketiga iaitu institusi amanah sebagai pengurus pelaksanaan. Model ini boleh dihuraikan melalui dua pendekatan utama, iaitu Model Ta'liq dan Model Ta'liq dan Pengurus Wakaf.



Rajah 4.19 Model Ta'liq

1. Model 3a. Ta'liq

Dalam model ini, pewakaf yang berhasrat untuk mewakafkan hartanya perlu melalui proses pendaftaran rasmi dengan MAIN. Aset yang diwakafkan ditukar nama kepada MAIN, bagi memastikan hak pemilikan berpindah sepenuhnya kepada institusi berautoriti dan mengelakkan pertikaian perundangan atau tuntutan ahli waris di kemudian hari. Wakaf ini tertakluk kepada dua fasa utama benefisiari:

- **Fasa 1:** Pewakaf sebagai benefisiari semasa hayatnya, iaitu masih dibenarkan menikmati manfaat daripada harta wakaf.
- **Fasa 2:** Benefisiari selepas kematian pewakaf, mengikut niat yang telah ditetapkan.


MAIN seterusnya menilai kesahan niat wakaf berdasarkan prinsip Syariah dan merujuk kepada keputusan Majlis Fatwa Negeri. Jika niat pewakaf selaras dengan Syariah, wakaf boleh diteruskan; jika tidak, Majlis Fatwa akan menasihati pewakaf untuk menukar sifah niat supaya tidak bercanggah dengan hukum.

Semasa pewakaf masih hidup, MAIN mengeluarkan surat kebenaran penggunaan yang membolehkan pewakaf terus menggunakan aset tersebut, namun tertakluk kepada syarat tertentu: aset tidak boleh dijual, tidak boleh diubahsuai secara besar-besaran, dan sebarang kerosakan ditanggung oleh pewakaf. Syarat ini dimeterai melalui perjanjian amanah yang mengikat pewakaf, sekali gus memastikan keseimbangan antara hak penggunaan pewakaf dan kelestarian aset wakaf.

Selepas kematian pewakaf, aset wakaf kembali sepenuhnya kepada MAIN untuk diuruskan berdasarkan niat pewakaf, sama ada untuk manfaat umum atau khusus. Model Ta'liq dengan itu menekankan kawalan penuh MAIN dalam pentadbiran harta wakaf berasaskan hukum Syariah.

2. Model 3b. Ta'liq dan Pengurus Wakaf

Model ini pada dasarnya mengekalkan struktur asas Model Ta'liq, namun dengan penambahbaikan dari sudut tadbir urus. Setelah pendaftaran dibuat dan aset ditukar nama kepada MAIN, serta niat pewakaf dinilai oleh Majlis Fatwa, pewakaf juga diberikan surat kebenaran penggunaan sepanjang hayatnya dengan syarat-syarat yang sama seperti Model Ta'liq.



Rajah 4.20 Model *Ta'liq* dan Pengurus Wakaf

Bezanya, selepas kematian pewakaf, MAIN akan melantik pihak ketiga iaitu institusi amanah berlesen (trustee) untuk bertindak sebagai pengurus wakaf. Pihak ketiga ini diberi mandat untuk mengurus, mentadbir, dan mengagihkan harta wakaf mengikut niat pewakaf dan keputusan Majlis Fatwa. Pendekatan ini memperlihatkan suatu bentuk kerjasama hibrid antara autoriti agama dan institusi amanah profesional, yang diyakini dapat meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, serta keberkesanan dalam pengurusan harta wakaf.

Kedua-dua model yang dicadangkan ini menegaskan bahawa wakaf amanah ialah instrumen kontemporari yang menekankan kepatuhan kepada Syariah, di samping mengambil kira aspek tadbir urus moden. Model *Ta'liq* mengekalkan kawalan penuh MAIN dalam setiap fasa, manakala Model Pengurus Wakaf memperkenalkan penglibatan institusi amanah profesional bagi membantu pelaksanaan.

Dengan adanya pembahagian fasa (semasa hidup dan selepas kematian), kawalan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal, penilaian Majlis Fatwa, serta pilihan pelibatan pihak ketiga, wakaf amanah berpotensi menjadi mekanisme pengurusan harta Islam yang lebih fleksibel, profesional, dan diyakini masyarakat. Ia menggambarkan bagaimana konsep tradisional wakaf dapat digabungkan dengan instrumen amanah kontemporari bagi memenuhi keperluan pengurusan harta umat Islam dalam konteks moden.

4.6 Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa objektif pertama, iaitu memahami konsep wakaf amanah secara mendalam, telah berjaya dicapai melalui penjelasan para informan tentang hubungan antara prinsip wakaf dan struktur amanah. Penjelasan mereka mengenai niat pewakaf, kontrak amanah, pelaksanaan syarat, keperluan dokumen seperti *trust deed*, serta kedudukan MAIN dalam proses pengiktirafan membuktikan bahawa wakaf amanah difahami sebagai instrumen yang menggabungkan unsur Syariah dan perundangan sivil secara sistematik. Bagi objektif kedua, iaitu mengenal pasti potensi wakaf amanah, kajian membuktikan bahawa potensi instrumen ini adalah besar kerana semua informan menerima, menyokong atau sekurang-kurangnya mengiktiraf kebolehpayaan model wakaf amanah sebagai mekanisme pengurusan harta yang fleksibel dan menepati keperluan pewakaf moden.

Seterusnya untuk objektif ketiga, pembentukan model wakaf amanah telah disusun semula berdasarkan analisis tematik dan padanan langsung dengan dapatan kajian. Penelitian ke atas respons informan membuktikan bahawa model yang paling praktikal ialah Model 3 (a/b), kerana ia mengambil kira keperluan fleksibiliti pewakaf, kejelasan kontrak, pelaksanaan syarat, peranan pemegang amanah, serta pengiktirafan oleh MAIN berdasarkan rujukan Perbadanan Wakaf Selangor. Model ini juga menepati kehendak Syariah melalui pematuhan prinsip *habs al-asl*, *tasbil al-manfa'ah* dan mekanisme penguatkuasaan syarat. Oleh itu, dapatan daripada bab ini bukan sahaja memenuhi ketiga-tiga objektif kajian, tetapi turut menyediakan asas kukuh bagi pembinaan model wakaf amanah yang praktikal, berstruktur dan sesuai diaplikasikan dalam konteks kontemporari.

BAB 5

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merumuskan keseluruhan dapatan kajian dengan menekankan kepentingan memahami wakaf amanah sebagai instrumen pengurusan harta yang lebih fleksibel berbanding bentuk wakaf tradisional. Hasil temu bual menunjukkan bahawa institusi dan pakar bersetuju bahawa masyarakat kini memerlukan mekanisme wakaf yang boleh disesuaikan dengan keperluan keluarga, struktur moden dan cabaran perundangan semasa. Keanjalan daripada sudut syarat, tempoh, pelantikan pemegang amanah serta hubungan wakaf dengan elemen wasiyyah dan hibah memperlihatkan bahawa wakaf amanah mampu berfungsi sebagai alternatif yang lebih realistik untuk generasi hari ini. Justeru, perbincangan dalam bab ini menjelaskan bagaimana keperluan kepada fleksibiliti tersebut muncul secara konsisten dalam dapatan kajian dan disokong oleh perbincangan fiqh serta amalan institusi.

Selain itu, bab ini juga menegaskan bahawa perancangan harta pusaka perlu diberi perhatian lebih serius kerana kekangan pengurusan selepas kematian sering menyebabkan harta tidak dimanfaatkan secara optimum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wakaf amanah menawarkan ruang menggabungkan objektif kebajikan dan pengurusan harta keluarga tanpa menafikan hak waris. Melalui kerangka amanah yang teratur, pewakaf dapat merancang agihan, kesinambungan manfaat dan perlindungan aset dengan lebih tersusun berbanding tiada perancangan harta. Oleh itu, bab ini menjadi asas untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan yang boleh menyokong keperluan masyarakat terhadap mekanisme wakaf yang lebih mampan, fleksibel dan selari dengan perkembangan tadbir urus wakaf di Malaysia.

5.2 Dapatan Utama

Secara keseluruhannya, analisis temu bual mengenal pasti tiga teras utama sahaja berdasarkan capaian kajian, iaitu:

1. Mengenalpasti Konsep dan Definisi Wakaf Amanah

2. Menganalisis Potensi Produk Wakaf Amanah dalam Pengurusan Harta Umat Islam Potensi dan Cadangan Model Wakaf Amanah
3. Mencadangkan Struktur dan Model Wakaf Amanah untuk Menjadi Panduan dalam Membangunkan Produk Wakaf Amanah di Malaysia

Objektif ini akan dihuraikan secara terperinci dengan menghubungkannya kepada literatur terdahulu, pandangan mazhab fiqh, serta kerangka perundangan semasa di Malaysia.

5.2.1 Objektif Pertama: Mengenalpasti Konsep Wakaf Amanah Menurut Perspektif Islam

Kajian ini mendapati bahawa konsep wakaf amanah merupakan satu bentuk inovasi dalam pengurusan harta Islam yang menggabungkan elemen wakaf tradisional dan prinsip pengamanahan kontemporari. Para informan, termasuk dari kalangan akademik dan industri, menjelaskan bahawa wakaf amanah merangkumi niat untuk mewakafkan harta melalui kontrak amanah yang pelaksanaannya ditangguhkan, biasanya selepas kematian pewakaf.

Tafsiran ini memperlihatkan keselarasan dengan konsep *wakaf mu'qqat*, *wakaf bersyarat*, dan pengamanahan Islam yang lebih luas (R5). Pandangan ini turut disokong oleh Mohd Zamro et al., (2022) yang menyatakan bahawa konsep amanah dalam Islam mencakupi pelbagai instrumen pengagihan harta seperti hibah, wasiat dan wakaf, yang boleh disesuaikan dengan kehendak Syariah.

Dapatan menunjukkan bahawa wakaf amanah bukan sekadar satu istilah teknikal, tetapi mencerminkan mekanisme perancangan harta yang memberikan ruang kepada pewakaf untuk melaksanakan ibadah jariah dengan cara yang tersusun dan terjamin. Ia menepati prinsip maqasid Syariah, khususnya dalam aspek penjagaan harta (*hifz al-mal*) dan menjaga kebajikan masyarakat melalui aset kekal yang memberi manfaat berterusan (Said et al., 2019).

5.2.2 Objektif Kedua: Menganalisis Potensi Produk Wakaf Amanah dalam Pengurusan Harta Umat Islam

Kajian ini mendapati bahawa wakaf amanah mempunyai potensi besar untuk berperanan sebagai instrumen pengurusan harta yang strategik dalam masyarakat Islam moden. Potensi tersebut jelas apabila wakaf amanah dilaksanakan melalui kontrak yang sah dan jelas, sama ada bersifat kekal (*mu'abbad*) atau bertempoh (*mu'qqat*). Kejelasan kontrak ini penting bagi memastikan pelaksanaan tidak bercanggah dengan prinsip Syariah dan undang-undang, sekali gus mengelakkan pertikaian pewarisan. Selain itu, wakaf amanah memberi peluang praktikal kepada kelompok masyarakat tertentu seperti golongan bujang, individu tanpa waris, atau mereka yang memiliki lebih harta untuk disumbangkan kepada kebajikan. Golongan ini sering terpinggir dalam sistem pewarisan tradisional, maka wakaf amanah berupaya menjadi alternatif yang lebih inklusif.

Di samping itu, instrumen ini juga membuka ruang yang lebih luas berbanding konsep wasiat tradisional kerana tidak terikat dengan had satu pertiga harta. Melalui dokumen perundangan seperti *trust deed* atau surat ikatan amanah, pewakaf boleh mengagihkan sebahagian besar aset mereka dengan sah dan berlandaskan Syariah. Potensi ini turut memperkukuh usaha menyelesaikan fenomena harta beku yang masih membelenggu umat Islam di Malaysia, sebagaimana dilaporkan dalam kajian lepas bahawa jumlah harta beku mencapai nilai berbillion ringgit akibat ketiadaan perancangan harta yang efektif (Suhaili Alma'amun, 2010).

Tambahan pula, wakaf amanah berpotensi membangunkan model pelaksanaan selepas kematian yang lebih jelas, telus, dan sistematik. Kejelasan model pengurusan amat penting untuk memastikan amanah pewakaf dilaksanakan dengan cepat dan berkesan tanpa terhalang oleh prosedur faraid yang kompleks. Potensi ini turut diperluaskan melalui integrasi bersama sektor kewangan Islam, yang semakin menunjukkan minat untuk mengadaptasi produk wakaf ke dalam sistem perkhidmatan mereka. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran wakaf, tetapi juga menjadikan instrumen ini lebih fleksibel dan bersesuaian dengan keperluan pengguna moden (Norazlina Abd Wahab et al., 2021).

Akhir sekali, dari sudut legitimasi hukum, wakaf amanah mempunyai potensi besar untuk disesuaikan dengan prinsip Syariah selagi ia berpaksikan maqasid Syariah. Walaupun wujud perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mengenai bentuk dan

syarat pelaksanaannya, hal ini dapat diharmonikan melalui penelitian akademik dan fatwa semasa agar pelaksanaan tidak menimbulkan kontroversi. Secara keseluruhannya, potensi wakaf amanah merangkumi aspek kejelasan kontrak, nilai praktikal kepada masyarakat, ruang perancangan harta yang lebih luas, pembangunan model pasca kematian yang jelas, integrasi bersama sektor kewangan Islam, serta jaminan kesahan Syariah. Gabungan faktor-faktor ini menjadikan wakaf amanah bukan sahaja sebagai instrumen kebajikan, tetapi juga sebagai mekanisme perancangan harta moden yang mampu menyumbang kepada kelestarian ekonomi umat Islam

5.2.3 Objektif Ketiga: Mencadangkan Struktur dan Model Wakaf Amanah untuk Menjadi Panduan dalam Membangunkan Produk Wakaf Amanah di Malaysia

Berdasarkan analisis dokumen dan temu bual mendalam, kajian ini mencadangkan beberapa model pelaksanaan wakaf amanah yang sesuai diguna pakai dalam konteks Malaysia. Daripada tiga model yang dikemukakan, Model 3: Wakaf Takliq dilihat paling praktikal untuk dilaksanakan kerana bersesuaian dengan amalan fiqh dan keperluan pentadbiran wakaf semasa. Model ini menggabungkan prinsip wakaf yang ditangguhkan (*ta'liq*) dengan pemindahan milikan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) semasa hayat pewakaf, namun manfaatnya hanya dilaksanakan selepas kematian.

Unsur *Ta'liq* yang diterapkan dalam model ini membolehkan pewakaf untuk terus menggunakan hartanya sepanjang hayat dengan jaminan bahawa harta tersebut akan menjadi wakaf selepas kematiannya, tanpa perlu melalui proses faraid yang kompleks. Hal ini bukan sahaja memudahkan pewakaf tetapi juga meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf. Menurut Yin & McKay (2018), pendekatan simulasi masalah yang diterapkan dalam model seperti ini mampu menghasilkan struktur yang praktikal, berlandaskan realiti lapangan dan sesuai dalam sistem tadbir urus moden.

Pendekatan ini juga menghormati sensitiviti mazhab Syafi'i yang dominan di Malaysia, dengan memastikan bahawa penyerahan wakaf berlaku secara rasmi selepas kematian, manakala penetapan syarat hanya tertakluk dalam kontrak amanah, satu amalan yang dibenarkan dalam kerangka Maqasid dan siasah syar'iyah (Yusof, 2008).

Model wakaf takliq juga mampu menangani isu pemegang amanah gantian (PAG) yang sukar diterapkan dalam pentadbiran negeri seperti Selangor.

5.3 Isu Dan Cabaran Kajian

5.3.1 Cabaran Dari Segi Pelaksanaan

Pelaksanaan wakaf amanah di Malaysia berdepan dengan beberapa cabaran ketara, terutamanya dari sudut penerimaan dan keselarasan amalan antara negeri-negeri. Seperti yang dinyatakan oleh Dr. Muiz, konsep wakaf mu'qqat termasuk wakaf bertempoh dan wakaf amanah masih dianggap baru dalam konteks perundangan Islam di negara ini. Salah satu cabaran utama ialah penerimaan syarak terhadap amalan menetapkan syarat dalam pelaksanaan wakaf. Menurut mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan rasmi di Malaysia, wakaf mestilah berlaku secara mutlak tanpa sebarang syarat penangguhan atau penggantungan. Justeru, sebarang bentuk wakaf yang bersyarat seperti wakaf amanah mungkin dipertikaikan kesahannya dari sudut fiqh Syafi'i merujuk *Mughni al-Muhtaj* (Al-Khatib al-Sharbini). Sebaliknya, mazhab Maliki membenarkan penetapan syarat dalam wakaf selagi ia tidak menyalahi syarak dan mengekalkan manfaat wakaf seperti yang dikehendaki pewakaf *al-Qawanin al-Fiqhiyyah* (Ibn Juzayy, 1998). Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyesuaikan pelaksanaan wakaf amanah dengan penerimaan mazhab yang pelbagai, serta mengambil kira pendekatan fiqh al-taysir dan uruf semasa.

Selain itu, tahap kefahaman dan penerimaan institusi agama negeri terhadap produk wakaf baharu seperti wakaf amanah juga berbeza. Terdapat negeri yang masih belum bersedia dari segi dasar dan struktur pentadbiran untuk melaksanakan bentuk wakaf yang melibatkan unsur perjanjian amanah atau penangguhan pelaksanaan. Sebagai contoh, pelantikan Pemegang Amanah Gantian (PAG) merupakan cabaran dalam konteks pentadbiran negeri Selangor kerana tiada peruntukan khusus yang membenarkan peranan ini dilaksanakan secara efektif. Tambahan pula, faktor sumber manusia dan kepakaran pegawai wakaf dalam memahami struktur kontrak dan perundangan sivil turut memberi kesan terhadap keberkesanan pelaksanaan. Oleh sebab itu, penyelarasan antara pihak Majlis Agama Islam Negeri, syarikat pemegang amanah, dan institusi pewakaf amat penting bagi memastikan produk wakaf amanah dapat dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi Syariah. Pelaksanaan model-model wakaf

amanah secara berperingkat, dengan panduan fiqh yang jelas dan rujukan silang antara negeri, dilihat sebagai langkah proaktif untuk menangani isu-isu kepelbagaian penerimaan dan piawaian pentadbiran.

5.3.2 Cabaran Daripada Ahli Waris

Salah satu cabaran signifikan dalam pelaksanaan wakaf amanah ialah timbulnya kekeliruan dan tuntutan daripada ahli waris terhadap harta yang telah diwasiatkan untuk diwakafkan melalui kontrak amanah, walaupun secara teknikalnya harta tersebut tidak lagi dianggap sebagai milik si mati selepas pemeteraian kontrak. Kekeliruan ini sering berpunca daripada kurangnya kefahaman ahli waris terhadap konsep harta amanah berbanding harta pusaka.

Dalam banyak kes, waris menyangka bahawa semua harta yang dimiliki pewakaf semasa hayatnya adalah pusaka yang harus dibahagikan secara faraid, tanpa mengambil kira status kontraktual yang telah mengubah sifat harta tersebut kepada harta wakaf (Mohd Zamro et al., 2022). Tuntutan waris juga kadangkala didorong oleh faktor emosi, khususnya apabila mereka mendapati harta yang dianggap sebagai 'milik keluarga' telah dipindahkan kepada institusi wakaf tanpa pengetahuan mereka. Perkara ini sering berlaku dalam kes individu bujang, atau pewakaf yang tidak meninggalkan waris terdekat, yang telah melaksanakan kontrak amanah dengan institusi pemegang amanah bagi tujuan kebajikan umum. Menurut pandangan pihak industri seperti MyAngkasa Amanah Berhad, cabaran ini boleh berlaku walaupun kontrak wakaf amanah telah dimeterai dengan sah kerana waris masih cuba mencabar pelaksanaannya atas dasar moral atau sentimental. Justeru, perlunya dokumen yang jelas dan pendaftaran rasmi dengan institusi berautoriti bagi mengukuhkan status harta wakaf dan mengelakkan sebarang bentuk manipulasi atau cabaran kemudian hari.

Kajian oleh Said et al., (2019) turut menekankan bahawa aspek pendidikan dan pencerahan kepada masyarakat, khususnya dalam kalangan waris, merupakan langkah penting bagi mengelakkan pertikaian terhadap harta yang telah ditukar status kepada harta amanah wakaf. Kurangnya pendedahan kepada konsep harta terikat (non-testamentary transfer) seperti amanah dan wakaf menyebabkan waris gagal membezakan antara harta pusaka dan harta yang telah dikeluarkan lebih awal melalui kontrak. Oleh itu, pelaksanaan wakaf amanah yang sah dan berkesan perlu disokong

oleh perancangan dokumen yang komprehensif serta komunikasi berterusan dengan pihak yang berpotensi terlibat selepas kematian pewakaf.

5.3.3 Harta Wakaf Boleh Digunakan Semula

Dalam pelaksanaan wakaf kontemporari, wujud persoalan penting yang dibangkitkan oleh beberapa informan seperti wakil daripada Myangkasa Amanah Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad, berkaitan isu penggunaan semula manfaat harta yang telah diwakafkan. Secara tradisionalnya, wakaf difahami sebagai suatu bentuk penyerahan harta secara kekal (*ta'bid*) untuk tujuan kebajikan, yang mana harta tersebut tidak boleh dijual, diwarisi atau diambil manfaat peribadi oleh pewakaf setelah diwakafkan (Kahf, 2003; Mohd Zamro et al., 2022). Namun demikian, perbincangan fiqh menunjukkan bahawa wujud beberapa kelonggaran dalam mazhab tertentu yang boleh diaplikasikan dalam konteks semasa.

Menurut pandangan Mazhab Maliki, penggunaan semula harta wakaf oleh pewakaf dibenarkan dengan syarat ia tidak menyebabkan kemusnahan atau kehilangan zat harta tersebut. Hal ini bersesuaian dengan pendekatan Maliki yang lebih fleksibel terhadap syarat dan pelaksanaan wakaf, terutamanya dalam kes yang melibatkan masalah pewakaf serta kesinambungan manfaat harta wakaf (Al-Dusuqi, 2004). Kelonggaran ini penting untuk memastikan bahawa pewakaf tidak terbeban secara drastik dalam pengurusan hartanya, dan pada masa sama harta wakaf terus memberi manfaat berpanjangan.

Selain itu, wakil daripada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) turut menjelaskan bahawa dalam situasi tertentu, pewakaf masih boleh diberikan ruang untuk terus menggunakan manfaat harta tersebut berdasarkan budi bicara pemegang amanah. Hal ini boleh dilakukan melalui perjanjian jelas antara pewakaf dan institusi wakaf sebelum pelaksanaan wakaf itu menjadi muktamad, lazimnya melalui dokumen *trust deed* atau surat kebenaran penggunaan. Pendekatan ini memastikan bahawa niat pewakaf dihormati tanpa melanggar prinsip asas wakaf, malah membolehkan pelaksanaan wakaf menjadi lebih inklusif dan praktikal, khususnya dalam konteks masyarakat moden yang berdepan cabaran pemilikan aset tinggi tetapi kekangan tunai atau ruang hidup.

Kesimpulannya, kebolehan untuk menggunakan semula manfaat harta wakaf adalah isu yang diperhalusi dalam pelaksanaan wakaf amanah masa kini. Dengan berpandukan kelonggaran mazhab Maliki serta pendekatan pentadbiran yang berhemah

oleh institusi seperti PWS, konsep ini boleh diaplikasikan secara terkawal demi mencapai maqasid wakaf iaitu kesinambungan manfaat, pemeliharaan harta dan kesejahteraan umat Islam.

5.4 Implikasi Kajian

Implikasi kajian di bahagikan kepada ringkasan implikasi, implikasi terhadap teori, implikasi terhadap metodologi dan implikasi praktikal:

i. Ringkasan Implikasi

Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada wacana akademik dan amalan industri dengan memperkenalkan Model 3 berteraskan wakaf ta'liq sebagai alternatif strategik dalam melaksanakan wakaf selepas kematian. Model ini bukan sahaja menambah baik kefahaman teori mengenai konsep wakaf kontemporari, malah menyediakan garis panduan praktikal kepada institusi wakaf dalam merangka instrumen baharu yang lebih komprehensif, sah dari segi Syariah, serta disokong oleh kerangka perundangan di Malaysia.

ii. Implikasi Terhadap Teori

Dari sudut teori, kajian ini memperkayakan literatur mengenai wakaf mu'qqat dan wakaf bersyarat dengan mengaplikasikan prinsip fiqh tersebut ke dalam model wakaf amanah. Hasilnya, konsep tradisional yang dibahaskan oleh fuqaha seperti Maliki dalam isu wakaf ta'liq dapat diterjemahkan dalam bentuk produk kontemporari yang lebih sesuai dengan kehendak masyarakat moden. Dengan itu, kajian ini membuka ruang kepada pengembangan teori wakaf kontemporari yang bersifat lebih fleksibel, responsif dan relevan dengan kerangka undang-undang sivil semasa.

iii. Implikasi Terhadap Metodologi

Dari aspek metodologi, kajian ini memberi sumbangan dengan mengadaptasi penggunaan perisian NVivo dalam menganalisis data kualitatif melalui kaedah analisis tematik. Penggunaan NVivo membolehkan pengkategorian, pengekodan, serta pembangunan tema dilakukan secara sistematik dan telus, sekali gus meningkatkan ketepatan dapatan. Implikasi ini menunjukkan potensi aplikasi kaedah analisis

berkomputer dalam penyelidikan wakaf yang selama ini lebih banyak bersifat normatif dan deskriptif.

iv. Implikasi Praktikal

Secara praktikal, Model 3 yang dibangunkan boleh diaplikasikan sebagai produk kewangan Islam yang sah di sisi Syariah dan relevan dalam pasaran Malaysia. Ia membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan syarikat pemegang amanah menguruskan harta wakaf dengan lebih sistematik, mengurangkan masalah pertindihan tuntutan harta pusaka melalui sistem faraid, serta mempercepatkan proses agihan manfaat wakaf. Implikasi ini sekali gus menyokong pembangunan instrumen wakaf moden yang berdaya saing, meningkatkan keyakinan masyarakat, dan memberi impak langsung kepada kesejahteraan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf.

5.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Berdasarkan hasil kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperluas dan memperkukuh penyelidikan berkaitan wakaf amanah di Malaysia:

i. Pembangunan Model Wakaf Amanah Khusus Mengikut Negeri

Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan wakaf amanah masih berbeza mengikut negeri akibat perbezaan dasar dan pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Oleh itu, kajian masa hadapan disarankan untuk memberi fokus kepada pembangunan model wakaf amanah yang disesuaikan dengan konteks perundangan, sosioekonomi dan pentadbiran negeri masing-masing. Pendekatan ini penting bagi memastikan keseragaman pelaksanaan di peringkat nasional, namun kekal mengambil kira keperluan tempatan.

ii. Kajian Empirik Terhadap Tahap Kesedaran Masyarakat Mengenai Wakaf Amanah

Kajian ini lebih tertumpu kepada pandangan pakar dan pemain industri. Justeru, penyelidikan seterusnya dicadangkan untuk menilai tahap kesedaran, kefahaman dan penerimaan masyarakat awam terhadap konsep dan aplikasi wakaf amanah, khususnya dalam kalangan generasi muda, golongan profesional, serta pemilik harta Islam. Kajian

kuantitatif dan survei besar-besaran boleh dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran sebenar potensi dan cabaran dari sudut penerimaan masyarakat.

iii. Penilaian Keberkesanan Model Wakaf Amanah yang Telah Digunapakai

Bagi membina asas bukti yang lebih kukuh, kajian masa depan juga perlu menilai keberkesanan model wakaf amanah yang telah dilaksanakan oleh institusi seperti MyAngkasa Amanah Berhad atau PWS. Ini termasuk meneliti prestasi pengurusan harta wakaf, keberkesanan pemegang amanah, serta kesan sosial dan ekonomi kepada penerima manfaat. Kajian kes dan pendekatan longitudinal boleh digunakan untuk menilai impak jangka panjang model tersebut.

iv. Penerokaan Perbandingan Antara Amanah Sivil dan Amanah Islam dalam Wakaf

Kajian lanjutan juga boleh memperincikan perbandingan antara kerangka amanah sivil (civil trust) dan pengamanahan Islam (Islamic trust) dalam konteks wakaf. Fokus boleh diberikan kepada isu perundangan, keterikatan kontrak, kebolehcabaran di mahkamah, serta penerimaan masyarakat terhadap kedua-dua pendekatan ini. Hal ini dapat membantu membina kerangka undang-undang yang lebih inklusif dan memudahkan pewakaf memilih saluran terbaik.

v. Cadangan Integrasi Wakaf Amanah dalam Sistem Perancangan Harta Islam Bersepadu

